

ekuinas
EKUITI NASIONAL BERHAD

X

MENILAI MASA DEPAN

LAPORAN TAHUNAN

2019

“

Masa hadapan milik mereka yang bersedia pada hari ini. ”

– Malcolm X



2016

Pelaburan:

- Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd

Pelupusan:

- Alliance Cosmetics Group

Prestasi:

Ekuias Direct (Tranche I) Fund

- Pulangan Kasar Portfolio: RM466.4 juta
- IRR Kasar: 13.1% setahun
- IRR Bersih: 9.4% setahun

Ekuias Direct (Tranche II) Fund

- Pulangan Kasar Portfolio: RM331.6 juta
- IRR Kasar: 18.1% setahun
- IRR Bersih: 12.7% setahun



2017

Pelaburan:

- Davex (Malaysia) Sdn Bhd

Pelupusan:

- APIIT Education Group Sdn Bhd
- Tenby Educare Sdn Bhd

Prestasi:

Ekuias Direct (Tranche I) Fund

- Pulangan Kasar Portfolio: RM476.7 juta
- IRR Kasar: 10.1% setahun
- IRR Bersih: 6.5% setahun
- Dana ini telah direalisasikan sepenuhnya

Ekuias Direct (Tranche II) Fund

- Pulangan Kasar Portfolio: RM391.7 juta
- IRR Kasar: 14.6% setahun
- IRR Bersih: 10.2% setahun



2018

Pelaburan:

- Flexi Versa Group Sdn Bhd
- Exabytes Capital Group Sdn Bhd

Pelupusan:

- Tranglo Sdn Bhd
- MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd
- PMCare Sdn Bhd

Prestasi:

Ekuias Direct (Tranche II) Fund

- Pulangan Kasar Portfolio: RM490.1 juta
- IRR Kasar: 14.0% setahun
- IRR Bersih: 9.8% setahun

Ekuias Direct (Tranche III) Fund

- Pulangan Kasar Portfolio: RM53.5 juta
- IRR Kasar: 4.5% setahun



2019

– Ekuinas menganjurkan *Malaysian Private Equity Forum* 2019 sempena sambutan ulang tahun ke-10nya.

Pelupusan:

- APIIT Lanka
- Primabaguz Sdn Bhd



2009

Pada 1 September 2009, Ekuinas ditubuhkan. Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif telah dilantik.



2011

Pelaburan:

- Lyndarahim Ventures Sdn Bhd
- Burger King Malaysia
- Revenue Valley Sdn Bhd
- Cosmopoint Group

Prestasi:

- Ekuinas Direct (Tranche I) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: 174.1 juta
 - IRR Kasar: 35.1% setahun
 - IRR Bersih: 23.2 % setahun

2010

Pelaburan:

- Alliance Cosmetics Group
- Tanjung Offshore Bhd
- Konsortium Logistik Bhd
- APIIT Education Group Sdn Bhd

Prestasi:

- Ekuinas Direct (Tranche I) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM55.3 juta
 - IRR Kasar: 53.1% setahun
 - IRR Bersih: 24.3% setahun



2012

Pelaburan:


- UNITAR International University
- Burger King Singapore
- Icon Offshore Bhd

Pelupusan:

- Tanjung Offshore Berhad

Prestasi:

- Ekuinas Direct (Tranche I) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM368.6 juta
 - IRR Kasar: 27.5% setahun
 - IRR Bersih: 20.6% setahun
- Ekuinas Direct (Tranche II) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM27.0 juta
 - IRR Kasar: 95.8% setahun
 - IRR Bersih: 83.1% setahun



2013

Pelaburan:

- Primabaguz Sdn Bhd
- Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Lanka (APIIT Lanka)

Pelupusan:

- Konsortium Logistik Bhd

Prestasi:

- Ekuinas Direct (Tranche I) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM655.9 juta
 - IRR Kasar: 25.5% setahun
 - IRR Bersih: 20.4% setahun
- Ekuinas Direct (Tranche II) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM133.0 juta
 - IRR Kasar: 68.9% setahun
 - IRR Bersih: 50.4% setahun



2014

- Ekuinas, bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menganjurkan *Malaysian Private Equity Forum 2014*.
- Icon Offshore Berhad disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia.

Pelaburan:

- Coolblog Sdn Bhd
- Orkim Sdn Bhd
- Tenby Educare Sdn Bhd
- Tranglo Sdn Bhd

Prestasi:

- Ekuinas Direct (Tranche I) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM677.1 juta
 - IRR Kasar: 19.6% setahun
 - IRR Bersih: 15.3% setahun
- Ekuinas Direct (Tranche II) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM148.4 juta
 - IRR Kasar: 31.9% setahun
 - IRR Bersih: 19.3% setahun



2015

Pelaburan:


- MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd
- PMCare Sdn Bhd
- ILMU Education Group

Pelupusan:

- Lyndarahim Ventures Sdn Bhd
- Burger King Group

Prestasi:

- Ekuinas Direct (Tranche I) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM591.3 juta
 - IRR Kasar: 14.8% setahun
 - IRR Bersih: 10.9% setahun
- Ekuinas Direct (Tranche II) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM133.3 juta
 - IRR Kasar: 13.0% setahun
 - IRR Bersih: 5.7% setahun



2016

Pelaburan:


- Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd

Pelupusan:

- Alliance Cosmetics Group

Prestasi:

- Ekuinas Direct (Tranche I) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM466.4 juta
 - IRR Kasar: 13.1% setahun
 - IRR Bersih: 9.4% setahun
- Ekuinas Direct (Tranche II) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM331.6 juta
 - IRR Kasar: 18.1% setahun
 - IRR Bersih: 12.7% setahun



2017

Pelaburan:


- Davex (Malaysia) Sdn Bhd

Pelupusan:

- APIIT Education Group Sdn Bhd
- Tenby Educare Sdn Bhd

Prestasi:

- Ekuinas Direct (Tranche I) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM476.7 juta
 - IRR Kasar: 10.1% setahun
 - IRR Bersih: 6.5% setahun
 - Dana ini telah direalisasikan sepenuhnya
- Ekuinas Direct (Tranche II) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM391.7 juta
 - IRR Kasar: 14.6% setahun
 - IRR Bersih: 10.2% setahun



2018

Pelaburan:

- Flexi Versa Group Sdn Bhd
- Exabytes Capital Group Sdn Bhd

Pelupusan:

- Tranglo Sdn Bhd
- MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd
- PMCare Sdn Bhd

Prestasi:

- Ekuinas Direct (Tranche II) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM490.1 juta
 - IRR Kasar: 14.0% setahun
 - IRR Bersih: 9.8% setahun
- Ekuinas Direct (Tranche III) Fund**
- Pulangan Kasar Portfolio: RM53.5 juta
 - IRR Kasar: 4.5% setahun

2019

— Ekuinas menganjurkan *Malaysian Private Equity Forum 2019* sempena sambutan ulang tahun ke-10nya.

Pelupusan:

- APIIT Lanka
- Primabaguz Sdn Bhd



VISI

Menjadi syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia

MISI

Melahirkan generasi syarikat peneraju Malaysia di samping menggalakkan penjana kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan berlandaskan prinsip mesra pasaran, merit dan telus

NILAI-NILAI SYARIKAT

Didorong Secara Komersial

Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai

Prestasi Tinggi

Kami sentiasa berusaha untuk menjangkau sasaran

Berdasarkan Merit

Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran hanya berdasarkan prestasi

Bersemangat

Kami bersemangat dalam menjalankan tugas kami untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan

Fokus

Kami sentiasa fokus dalam usaha untuk mencapai objektif kami

Rendah Diri

Kami berpegang teguh kepada asal usul kami dan kami sedar kami berkhidmat untuk matlamat yang lebih besar

KANDUNGAN

RINGKASAN TAHUNAN

Sepintas Lalu 2019	4
Maklumat Penting Kewangan 2019	6
Sorotan Kewangan selama Lima Tahun	10
Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif	12
Evolusi Ekuiti Persendirian (PE) di Malaysia sejak 10 Tahun Yang Lalu	20
Renungan CEO	34

KEPIMPINAN

Struktur Korporat	38
Maklumat Korporat	39
Struktur Organisasi	40
Lembaga Pengarah	41
Pengurusan Kanan	48

PRESTASI

Laporan Prestasi Pelaburan	54
----------------------------	----

TADBIR URUS KORPORAT

Penyata Tadbir Urus Korporat	90
Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman	100
Laporan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Risiko	106
Dasar Pendedahan	110



Keusahawanan • Pendidikan • Komuniti

Pengenalan	116
ILTIZAM untuk Keusahawanan	117
ILTIZAM untuk Pendidikan	119
ILTIZAM untuk Komuniti	121

LAPORAN PORTFOLIO

Ekuias Direct (Tranche II) Fund	124
Ekuias Direct (Tranche III) Fund	127
Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund	130
Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund	133
Nota Laporan Portfolio	136

DIDORONG SECARA KOMERSIAL

Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai

RINGKASAN TAHUNAN

- 4 Sepintas Lalu 2019
- 6 Maklumat Penting Kewangan 2019
- 10 Sorotan Kewangan selama Lima Tahun
- 12 Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif
- 20 Evolusi Ekuiti Persendirian (PE) di Malaysia sejak 10 Tahun Yang Lalu
- 34 Renungan CEO

SEPINTAS LALU 2019

PRESTASI PELABURAN

EKUINAS DIRECT
(TRANCHE II) FUND

Pulangan Kasar Portfolio

RM **582.9** JUTAIRR Kasar
13.5% SETAHUNIRR Bersih
9.6% SETAHUNEKUINAS DIRECT
(TRANCHE III) FUND

Kerugian Kasar Portfolio

RM **(170.5)** JUTAIRR Kasar
-10.8% SETAHUNIRR Bersih
N/M*

*tidak dibentangkan kerana dana sedang dilaburkan

EKUINAS OUTSOURCED
(TRANCHE I) FUND

Pulangan Kasar Portfolio

RM **144.7** JUTAIRR Kasar
7.4% SETAHUNIRR Bersih
6.5% SETAHUNEKUINAS OUTSOURCED
(TRANCHE II) FUND

Kerugian Kasar Portfolio

RM **(17.9)** JUTAIRR Kasar
-5.2% SETAHUNIRR Bersih
-6.6% SETAHUN

JUMLAH KUMULATIF PORTFOLIO PELABURAN

JUMLAH KESELURUHAN PELABURAN
LANGSUNG DAN PENYUMBERAN LUAR**65**PELABURAN
LANGSUNG**42**PROGRAM
PENYUMBERAN LUAR**23**JUMLAH PELABURAN KOMITED
OLEH EKUINASRM **4.1** BILIONJUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA,
BERSAMA-SAMA DENGAN RAKAN PELABUR SWASTARM **4.8** BILION

SEPINTAS LALU 2019

PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

GABUNGAN PELABURAN LANGSUNG DAN PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

PENINGKATAN DALAM EKUITI BUMIPUTERA

RM **5.4** BILION
1.5x modal dilabur

PENINGKATAN DALAM JUMLAH NILAI PEMEGANG SAHAM

RM **6.9** BILION
1.9x modal dilaburPENINGKATAN PENGURUSAN BUMIPUTERA
SEJAK KEMASUKAN EKUINAS DI DALAM SYARIKAT**23.5%**PENINGKATAN KAKITANGAN BUMIPUTERA
SEJAK KEMASUKAN EKUINAS DI DALAM SYARIKAT**14.1%**

SYARIKAT PENGURUSAN DANA

JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN
(FuM)RM **4.1** BILIONPERBELANJAAN OPERASI
(OPEX)RM **38.6** JUTA

NISBAH OPEX KEPADA FuM

**0.9%**

KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT

RM **12.8** JUTA

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2019

1. PERGERAKAN DANA DARIPADA/KEPADA YAYASAN EKUITI NASIONAL (YEN)

	2019 RM juta	2018 RM juta
Dana diterima daripada YEN pada tahun ini	50.0	50.0
Dana kumulatif diterima daripada YEN	4,000.0	3,950.0
Modal dikembalikan kepada YEN pada tahun ini	-	-
Modal kumulatif dikembalikan kepada YEN	200.0	200.0

2. PERTUBUHAN DANA

	Tahun ditubuhkan	Saiz Dana RM juta	Tumpuan Pelaburan	Tempoh	Status Kedudukan
Ekuias Direct (Tranche I) Fund	2010	1,000.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 + 1 tahun	Direalisasikan sepenuhnya
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	2012	1,000.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 + 1.5 tahun	Telah Dilaburkan
Ekuias Direct (Tranche III) Fund	2014	1,500.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 tahun	Sedang Dilaburkan
Ekuias Direct (Tranche IV) Fund	2019	1,000.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 tahun	Sedang Dilaburkan
Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund	2011	400.0	Modal Pertumbuhan	6 + 1 + 1 + 1 tahun	Telah Dilaburkan
Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund	2013	240.0	Modal Pertumbuhan	7 + 1 tahun	Telah Dilaburkan

3. JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN

	2019 RM juta	2018 RM juta
Pelaburan Langsung	3,500.0	2,500.0
Penyumberan Luar	640.0	640.0
	4,140.0	3,140.0
Jumlah dana sedia ada untuk pelaburan, termasuk modal persendirian	4,402.0	3,402.0

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2019

4. RINGKASAN PRESTASI DANA

a. Ringkasan Aktiviti Pelaburan Terkumpul

	Bilangan Pelaburan	Pelaburan Komited RM juta	Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM juta
2019			
Ekuias Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,258.2	1,380.3
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	15	1,063.9	1,063.9
Ekuias Direct (Tranche III) Fund	16	1,491.9	1,491.9
Jumlah – Pelaburan langsung	42	3,814.0	3,936.1
Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund	15	264.0	708.4
Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund	8	75.6	140.6
Jumlah – Penyumberan Luar	23	339.6	849.0
Jumlah – Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar	65	4,153.6	4,785.1
2018			
Ekuias Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,258.2	1,380.3
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	14	1,043.9	1,043.9
Ekuias Direct (Tranche III) Fund	15	1,306.0	1,306.0
Jumlah – Pelaburan langsung	40	3,608.1	3,730.2
Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund	15	264.0	708.4
Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund	8	75.6	140.6
Jumlah – Penyumberan Luar	23	339.6	849.0
Jumlah – Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar	63	3,947.7	4,579.2

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2019

4. RINGKASAN PRESTASI DANA

b. Ringkasan Aktiviti Pelupusan Terkumpul

	Jumlah Bilangan Pelupusan	Jumlah Terealisasi RM juta
2019		
Ekuias Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,624.4
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	9	836.6
Ekuias Direct (Tranche III) Fund	6	645.3
Jumlah	26	3,106.3
2018		
Ekuias Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,624.4
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	6	492.3
Ekuias Direct (Tranche III) Fund	4	586.7
Jumlah	21	2,703.4

c. Ringkasan Prestasi Kewangan Terkumpul

	Pulangan Kasar Portfolio RM juta	Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR)	IRR Bersih
Dana Pelaburan Langsung			
2019			
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	582.9	13.5% setahun	9.6% setahun
Ekuias Direct (Tranche III) Fund	(170.5)	-10.8% setahun	N/M [^]
2018			
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	490.1	14.0% setahun	9.8% setahun
Ekuias Direct (Tranche III) Fund	53.5	4.5% setahun	N/M [^]
Dana Penyumberan Luar			
2019			
Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund	144.7	7.4% setahun	6.5% setahun
Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund	(17.9)	-5.2% setahun	-6.6% setahun
2018			
Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund	93.5	5.7% setahun	4.8% setahun
Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund	(13.2)	-4.8% setahun	-6.5% setahun

[^] tidak dibentangkan kerana dana sedang dilaburkan

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2019

4. RINGKASAN PRESTASI DANA

d. Prestasi Objektif Sosial – Gabungan Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar

	Ekuiti Bumiputera Dicipta		Jumlah Ekuiti Dicipta	
	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan
2019	5,396.6	1.5x	6,870.8	1.9x
2018	4,976.8	1.5x	6,647.3	2.0x


5. EKUITI NASIONAL BERHAD (SYARIKAT PENGURUSAN DANA)

	2019 RM juta	2018 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	4,140.0	3,140.0
Perbelanjaan Operasi (OPEX)	38.6	43.8
Nisbah OPEX kepada FuM	0.9%	1.4%
Keuntungan selepas Cukai dan Zakat (PAT)	12.8	7.3


SOROTAN KEWANGAN SELAMA LIMA TAHUN

SOROTAN KEWANGAN SELAMA LIMA TAHUN


JUMLAH DANA DITERIMA




JUMLAH BILANGAN DAN NILAI PELABURAN KOMITED




PRESTASI DANA – EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND




JUMLAH NILAI EKUITI BUMIPUTERA DAN PEMEGANG SAHAM LAIN YANG TERCIPTA




JUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA



PELABURAN LANGSUNG – JUMLAH BILANGAN PELUPUSAN DAN DIREALISASI



JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FuM) DAN NISBAH FuM KEPADA OPEX



Perutusan Bersama

PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



SYED YASIR ARAFAT
SYED ABD KADIR
Ketua Pegawai Eksekutif



RAJA TAN SRI
DATO' SERI ARSHAD
RAJA TUN UDA
Pengerusi

PERUTUSAN BERSAMA PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

Tahun 2019 adalah amat penting bagi Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Ia menandakan kejayaan perjalanan kami sepanjang 10 tahun sejak ditubuhkan sebagai sebuah firma Ekuiti Persendirian (PE) berkaitan Kerajaan di Malaysia. Pada 2009, Ekuinas hanya merupakan satu konsep dalam industri baharu yang telah berkembang dan matang seiring dengan kemajuan kami. Kemajuan PE yang dulunya hanya sebagai penerima kecil manfaat daripada peruntukan aset, kini menjadi segmen penting dalam landskap pelaburan global, dengan transaksi bernilai AS\$52.2 bilion dalam tempoh 10 tahun bagi Asia Tenggara. Ini juga telah menarik tumpuan dan perhatian industri pelaburan dan perniagaan.

Lebih banyak dana telah tertarik dengan asas makro ekonomi yang kukuh dan ekosistem PE yang sedang matang di rantau ini. Dengan perkembangan ini, Malaysia telah menyumbang peratusan yang besar kepada bilangan urus niaga serantau. Pasca 2010, secara purata, Malaysia telah menyaksikan antara 10 -12 urus niaga setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa wujudnya peluang pelaburan yang baik di negara ini. Daripada bilangan tersebut, urus niaga Ekuinas mewakili 42.0% daripada transaksi yang telah disempurnakan sejak kemasukan kami dalam pasaran.

Banyak yang boleh dibincangkan mengenai landskap PE di Malaysia dan serantau, tetapi perkara ini akan diterangkan dalam artikel penyelidikan kami di muka surat 20. Artikel bertajuk Evolusi Ekuiti Persendirian di Malaysia Sepanjang 10 Tahun Lalu, ini turut dibentangkan pada *Malaysian Private Equity Forum 2019* yang kami anjurkan sempena ulang tahun Ekuinas ke-10.

Cukup untuk dinyatakan bahawa sehingga kini Ekuinas telah menetapkan tanda aras yang penting dari segi pelaburan dan rekod pelupusannya, yang telah menyumbang kepada persekitaran transaksi yang memacu kepada kedinamikan dan pertumbuhan landskap PE tempatan. Pada 2019, kami disenarai pendek di kalangan firma ekuiti persendirian serantau sebagai tiga firma terbaik bagi kategori Firma Ekuiti Persendirian di Asia Tenggara pada *Private Equity International (PEI) Awards*, selama dua tahun berturut-turut, mengukuhkan usaha yang telah kami lakukan dan nilai yang telah diwujudkan dalam syarikat-syarikat portfolio.

Kami bangga dapat menyumbang kepada pertumbuhan yang dinamik ini, namun kami sentiasa berwaspada dan sedar tentang perlunya untuk mengenalpasti kaedah bagi memperkukuh dan memperdalamkan asas kami untuk mewujudkan nilai dalam dunia yang semakin mencabar dan tidak menentu.

Peranan Ekuinas yang unik ini menentukan kami sentiasa berpandukan kepada objektif komersial dan sosial ketika mempersiapkan diri kami dan keupayaan negara untuk berdepan dengan cabaran dalaman dan luaran dari segi persaingan hingga ke peralihan aliran pasaran, peningkatan gangguan digital, dan kebelakangan ini cabaran untuk beroperasi dalam persekitaran ekonomi yang memerlukan interaksi minima dan penjarakan sosial.

Kini, industri PE telah bersiap sedia untuk mencatat pertumbuhan selanjutnya apabila landskap pelaburan dan penajaan modal terus berpindah daripada pasaran awam kepada persendirian. Ini kerana wujud keperluan untuk mempercepatkan dan meningkatkan ketangkasnya, di tengah-tengah keperluan peraturan dan tadbir urus serta aktivisme pelabur yang semakin memuncak. Bagaimanapun, memandangkan aliran modal ke dalam pasaran persendirian terus berkembang dan penilaiannya mencecah paras tertinggi baharu, pelabur PE perlu berusaha lebih keras berbanding dahulu untuk memastikan urus niaga yang dibuatnya berjaya.

Di tengah-tengah persekitaran yang sukar dan mencabar, pada 2019, Ekuinas telah memberikan tumpuan ke atas penciptaan nilai. Daripada perspektif portfolio, kami mengambil peluang untuk mengukuhkan syarikat dari dalam, memastikan memiliki bakat tenaga mahir, kemudahan dan daya tahan yang sewajarnya untuk berdepan dengan persekitaran sukar pada masa hadapan. Pendekatan bekerjasama dengan syarikat-syarikat portfolio telah kami usahakan dan diuji dari segi kejayaan melaksanakan pelan penciptaan nilai ini.

“

Tahun 2019 adalah amat penting bagi Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Ia menandakan kejayaan perjalanan kami sepanjang 10 tahun sejak ditubuhkan sebagai sebuah firma Ekuiti Persendirian (PE) berkaitan Kerajaan di Malaysia. Pada 2009, Ekuinas hanya merupakan satu konsep dalam industri baharu yang telah berkembang dan matang seiring dengan kemajuan kami.”

PERUTUSAN BERSAMA PENERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

LL

Pada 2019, kami disenarai pendek di kalangan firma ekuiti persendirian serantau sebagai tiga firma terbaik bagi kategori Firma Ekuiti Persendirian di Asia Tenggara pada *Private Equity International (PEI) Awards*, selama dua tahun berturut-turut, mengukuhkan usaha yang telah kami lakukan dan nilai yang telah diwujudkan dalam syarikat-syarikat portfolio.⁷⁷

ULASAN PASARAN

Tahun 2019, sekali lagi menjadi tahun penuh peristiwa buat Malaysia dan dunia. Di peringkat global, tahun ini kekal mencabar dari segi ekonomi dengan kelemahan dan tekanan pada 2018 telah berlanjutan memasuki ke tahun baharu. Walaupun pertumbuhan global kekal stabil, disokong terutamanya oleh pasaran baru muncul dan ekonomi membangun, prestasi pasaran terus tergugat oleh sekatan dagangan yang semakin meningkat disebabkan perang perdagangan antara Amerika Syarikat-China, keraguan berlanjutan tentang Brexit, ketegangan geopolitik khususnya antara Amerika Syarikat-Iran dan ketidakpastian harga minyak yang semakin meruncing.

Dari segi ekonomi, 2019 mencatatkan pertumbuhan paling lemah sejak Krisis Kewangan Global (GFC). Tanpa pemangkin untuk merangsang pertumbuhan, anjakan ke kualiti, jauh dari negara membangun kepada pasaran yang lebih kukuh, menyaksikan penarikan balik aliran modal yang ketara di banyak negara. Tekanan geopolitik yang semakin meningkat dan ketegangan sosial memburukkan keadaan yang sedia sukar¹.

Bagaimanapun, menjelang akhir tahun, pasaran mulai meningkat, selari dengan hilangnya kebimbangan terhadap isu berkaitan Brexit. Peluang tetap ada bagi mereka yang berusaha dan berwaspada, khususnya pelabur yang terus menjejaki perkembangan ini dengan teliti dari luar pasaran dan menanti masa yang sesuai untuk melaburkan semula wang mereka ke dalam pasaran.

Berlatar belakang keadaan yang tidak menentu, tidak hairan apabila Indeks Ketidaktentuan Perdagangan Dunia naik 10 kali ganda berbanding jumlah yang dicatatkan sebelumnya apabila perang perdagangan antara AS-China meningkat sehingga mencapai paras paling tinggi pada suku pertama 2019. Ini adalah paras yang belum pernah berlaku, dan ia telah mempengaruhi ekonomi yang paling maju, sekali gus menunjukkan kelemahan secara keseluruhan dalam ekonomi global².

Faktor seterusnya yang membayangi sentimen pasaran adalah gelombang pengumpulan hutang pada asas yang luas dalam tempoh 50 tahun yang melibatkan pasaran sedang membangun dan sedang muncul. Ini berlaku apabila nisbah hutang berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di negara-negara berkenaan melonjak kira-kira 170.0% pada 2018 daripada 115.0% pada 2010³.

Di Malaysia, 2019 bermula dengan tenang kerana kebimbangan awal berkenaan kestabilan politik telah berkurangan dan negara ini menunjukkan kesediaan untuk bergerak ke hadapan. Dengan peralihan baharu dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), perlahan-lahan korporat Malaysia telah memulakan perniagaan seperti biasa.

Ekonomi Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan, tetapi pengembangannya adalah sederhana berikutan keadaan global yang lemah dan ketidakpastian pula meningkat, dan keadaan ini telah memberi tekanan kepada ekonomi negara. Pelaburan dan aktiviti perdagangan lebih lembap daripada yang dijangkakan berikutan sentimen perniagaan yang perlahan kerana sektor awam dan swasta mengambil langkah berhati-hati dalam perbelanjaan modal. Hutang kerajaan Persekutuan turut meningkat kerana perolehan kerajaan dijangka berkurangan pada 2020⁴. Pada tahun berkenaan, dijangka pertumbuhan ekonomi akan disokong oleh pembangunan domestik, khususnya permintaan daripada sektor swasta yang akan terus menjadi pemacu kemajuan pengembangan ekonomi negara.

Sehubungan itu, tumpuan kerajaan telah diberikan untuk mengukuhkan lagi daya saing Malaysia dengan segera untuk menarik pelaburan berkualiti dan memaksimumkan perolehan daripada perbelanjaan cukai. Ini dilakukan dengan membuat sasaran pelaburan yang membantu daya saing ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi dan pertumbuhan yang lebih terangkum.

TINJAUAN PRESTASI KEWANGAN 2019

Dengan peruntukan dana tambahan sebanyak RM50.0 juta oleh kerajaan pada 2019, ini menjadikan keseluruhan dana yang telah kami terima sebanyak RM4.0 bilion. Kami akan terus mencari pulangan pelaburan positif dan melaksanakan tanggungjawab, mendukung integriti, profesionalisme dan kepimpinan pada tahap tertinggi. Nilai-nilai teras ini telah dan akan terus menjadi panduan kami untuk mencapai matlamat menjadi peneraju firma ekuiti kewangan di rantau ini.

Pada 2019, Ekuinas terus menyokong ekonomi negara dengan komitmen pelaburan sebanyak RM4.1 bilion (TK2018: RM3.9 bilion) sejak penubuhannya pada 2009. Pada akhir tahun, jumlah portfolio pelaburan terkumpul terdiri daripada 41 syarikat, 23 daripadanya adalah syarikat pelaburan langsung, manakala 18 lagi dibuat menerusi Program Penyumberan Luar.

Walaupun kami aktif dalam menyalurkan pelaburan, kami tetap konservatif dan berhati-hati dalam melaburkan modal dengan memastikan disiplin pelaburan yang hanya melibatkan urusan niaga berkualiti. Penilaian terhadap persekitaran mendapati ia meningkat berlipat kali ganda seiring dengan pertumbuhan pasaran swasta dan mencatatkan kadar dan premium yang belum pernah dinikmati sebelum ini.

Pada 2019, kami turut meraih perolehan sebanyak RM384.6 juta daripada aktiviti pelupusan yang menyumbang kepada jumlah terealisasi, termasuk pendapatan daripada dividen dan faedah, sebanyak RM3.1 bilion (TK2018: RM2.7 bilion).

Kos pengurusan aset bagi operasi berasaskan prestasi kami menggunakan tanda aras dan dioptimumkan mengikut standard global. Kami percaya amat penting bagi Ekuinas untuk terus menjadi contoh kerana kami sentiasa cermat dan cekap dalam mengendalikan kos. Kami mencatatkan nisbah perbelanjaan operasi sebanyak 0.9% berbanding Dana di bawah Pengurusan sebanyak RM4.1 bilion (TK2018: 1.4% berbanding RM3.1 bilion).

PERUTUSAN BERSAMA PENERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Dari segi prestasi keseluruhan, kami menjejaki prestasi keberhasilan kami berasaskan kepada impak terhadap ekonomi Malaysia secara menyeluruh. Aktiviti pelaburan keseluruhan kami dalam tahun yang dikaji, telah menjana pengagihan modal dalam ekonomi sebanyak RM4.8 bilion (TK2018: RM4.6 bilion).

PRESTASI DANA EKUINAS

Sebagai pengelola dana awam, Ekuinas mengambil pandangan pelaburan jangka masa panjang dan melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan kami kekal dengan disiplin komersial yang ketat bagi mewujudkan nilai dan pada masa sama, mengekalkan tahap tadbir urus dan kebertanggungjawaban yang tertinggi.

Peranan kami dalam mencari syarikat-syarikat berpotensi tinggi bersandarkan kepada matlamat untuk mewujudkan generasi syarikat peneraju masa hadapan, sambil menggalakkan penjana kekayaan dan penyertaan ekonomi yang saksama dan mampan.

Prinsip-prinsip ini menjadi asas kepada pendekatan keseluruhan kerana kami sentiasa berusaha untuk mendapatkan pelaburan pada harga yang bertepatan, melaksanakan pelan penciptaan nilai untuk tempoh tertentu dan melaksanakan pelupusan yang mampu menyokong syarikat portfolio tersebut untuk melakar pertumbuhan ke peringkat yang seterusnya.

Sejak penubuhan kami pada 2009, Ekuinas telah melancarkan empat dana langsung. Pada 2017, kami berjaya menyempurnakan dana pertama kami, Ekuinas Direct (Tranche I) Fund. Dana ini telah direalisasikan sepenuhnya dan merekodkan Pulangan Kasar Portfolio sebanyak RM476.7 juta, yang mewakili Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR) sebanyak 10.1% setahun.

Pada TK2019, Ekuinas Direct (Tranche II) Fund telah mencatatkan Pulangan Kasar Portfolio sebanyak RM582.9 juta dan IRR sebanyak 13.5% setahun. Pencapaian ini melebihi sasaran dalaman kami iaitu 12.0% (TK2018: RM 490.1 juta dan IRR 14.0% setahun). Dana ini telah dilaburkan sepenuhnya dan kini di peringkat akhir proses pelupusannya.

Ekuinas Direct (Tranche III) Fund telah mencatatkan Kerugian Kasar Portfolio sebanyak RM170.5 juta, dan IRR Kasar negatif sebanyak 10.8% setahun (TK2018: Pulangan Kasar Portfolio sebanyak RM53.5 juta dan IRR 4.5% setahun). Prestasi negatif ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan penilaian terhadap empat syarikat portfolio kami yang terlibat dalam sektor pencahayaan dan pembuatan, peruncitan makanan dan minuman (F&B) serta minyak dan gas (O&G). Untuk mengatasi perkara ini, kami telah menetapkan inisiatif penciptaan nilai yang ketat dan komprehensif bagi mengembalikan semula daya saing syarikat-syarikat berkenaan serta melaksanakan pemulihan bagi operasi dan prestasi kewangan masing-masing.

Selain itu, Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund telah menghasilkan Pulangan Kasar Portfolio sebanyak RM144.7 juta yang diterjemahkan kepada IRR Kasar 7.4% setahun (TK2018: RM93.5 juta dan IRR 5.7% setahun).

¹ Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa – semakan 2019

² Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa – Indeks Baru Yang Menjejaki Ketidaktentuan di Seluruh Dunia

³ Sumber: Bank Dunia – Prospek Ekonomi Dunia Januari 2020

⁴ Sumber: Bank Dunia – Pemantau Ekonomi Malaysia, Disember 2019 : Memenuhi Keperluan Negara

PERUTUSAN BERSAMA PENERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sementara itu, Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund telah mencatatkan Kerugian Kasar Portfolio sebanyak RM17.9 juta dan IRR Kasar negatif 5.2% setahun. Prestasi dana ini adalah berikutan perubahan ketara dalam permintaan pelanggan berikutan beberapa faktor seperti perang perdagangan antara AS-China dan juga meningkatnya trend terhadap penggunaan penyelesaian pembungkusan yang lebih mesra alam. Perkembangan ini telah menyumbang kepada penurunan perolehan yang ketara bagi syarikat portfolio di bawah dana ini. Pengurus dana penyumberan luar kami telah mengambil langkah aktif untuk menguruskan perubahan ini, termasuk melaksanakan penyusunan semula kos dan kapasiti pengeluaran, serta melaksanakan usaha pembangunan perniagaan yang lebih padu bagi mempelbagaikan pangkalan pelanggan sedia ada. Usaha ini dijangka akan meningkatkan nilai dan prestasi kewangan portfolio kami untuk bersiap sedia sebelum dilupuskan.

“

Peranan kami dalam mencari syarikat-syarikat berpotensi tinggi adalah bersandarkan kepada matlamat untuk mewujudkan generasi syarikat peneraju masa hadapan, sambil menggalakkan penjanaan kekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan.”

Keseluruhannya, prestasi dana kami kekal berdaya tahan dalam persekitaran yang semakin sukar dan tidak dapat diramal. Ketika memasuki tahun 2019, kami menyedari bahawa tahun ini dijangka perlahan, diheret oleh kecelaruan global dan perubahan dalam situasi politik tempatan. Keraguan sektor korporat untuk melabur dilihat sebagai fungsi ketidaktentuan yang disebabkan oleh perang perdagangan dan persekitaran keseluruhan. Pendirian tersebut telah mengakibatkan kesan domino yang berterusan, menyebabkan penurunan secara keseluruhan dalam persekitaran perniagaan tempatan.

Sentimen dalam persekitaran ekuiti tempatan turut mencerminkan kepada tinjauan global. Pada 2019, Bursa Malaysia telah mencatatkan aliran keluar dana asing tertinggi sepanjang tahun ini berbanding tujuh negara Asia yang dipantaunya, sejumlah AS\$2.39 bilion dan kekal sebagai salah satu daripada bursa yang ketinggalan di rantau ini. Penanda aras FTSE KLCI Bursa Malaysia jatuh 6.0%, yang menutup tahun kewangan pada 1,595.7 mata, dan ini mencerminkan sentimen pelabur yang terkeang sepanjang 2019.

AKTIVITI PENCIPTAAN NILAI

Dengan keadaan persekitaran ini, kami menghalakan tumpuan kepada operasi penciptaan urus niaga. Tema utama bagi tahun ini adalah meningkatkan dan memperhaluskan urusan berkaitan operasi untuk memastikan syarikat portfolio kami lebih berdaya saing dan bersiap sedia untuk berdepan dengan keadaan yang sukar. Apa yang lebih utama, kekuatan sesebuah organisasi adalah refleksi prestasi operasi dan tindakan proaktif dalam menguruskan risiko operasi.

Kami memulakan langkah ini dengan memberi tumpuan kepada dua syarikat portfolio yang berada pada kedudukan yang baik untuk dilupuskan dalam tahun ini, iaitu APIIT Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka) dan Primabaguz Sdn Bhd.

Kami turut mengambil peluang untuk menyempurnakan penstrukturan semula syarikat armada sokongan luar pesisir (OSV), Icon Offshore Berhad (ICON). Berikutan kemasukan ICON ke dalam skim Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) pada Mac 2018, ICON sejak itu telah berusaha meraih modal baharu, memanjangkan tempoh

pembayaran semula dan menukar pinjaman tertentu menjadi instrumen ekuiti untuk pembiaya. Mengurangkan hutang ICON adalah amat penting untuk disesuaikan dengan keadaan pasaran yang perlahan dan pada masa yang sama kekal bersaing dalam industri. Langkah penstrukturan semula hutang ini telah mengurangkan nisbah gearan syarikat ini kepada 1.06 daripada 9.18 kali. Ia juga menyelaraskan dengan baik aliran tunai daripada operasi berbanding obligasi hutangnya yang akan memberi kesan positif terhadap kewangan syarikat dalam jangka masa panjang.

Sebagai sebahagian daripada langkah penstrukturan semula hutang ini, ICON turut berjaya menyelesaikan pelaksanaan tawaran hak, yang telah menerima lebih langganan sebanyak 61.9% daripada perolehan kasar minimum yang ingin diraih sebanyak RM183.0 juta yang menunjukkan sokongan kukuh dan penuh daripada pemegang sahamnya. Langkah untuk menangani cabaran kewangannya secara sistematik telah menstabilkan perniagaan dan meletakkan ICON pada kedudukan yang lebih kukuh dan lebih berdaya saing. Faktor ini amat penting bagi kejayaan jangka panjang syarikat ini.

Bagi syarikat pembuatan, iaitu Davex dan FVG, kami telah menumpukan kepada pembinaan pangkalan pelanggan yang lebih luas dan meningkatkan kecekapan operasi dalaman dari segi rantaian bekalan dan pengoptimuman produk. Analisis pemerolehan dan penambahbaikan adalah kunci kepada proses bagi kedua-dua perniagaan ini memaksimumkan produktiviti dan pada masa yang sama mengoptimumkan kecekapan kos.

Begitu juga, kami bekerjasama rapat dengan Coolblog untuk menganalisis pangkalan pelanggan, tawaran produk dan proses pemerolehannya. Tahun 2019 merupakan tahun paling banyak pesaing memasuki pasaran minuman tempatan. Untuk berjaya dalam persekitaran yang berdaya saing ini kami perlu benar-benar faham tentang pelanggan dan produk yang disasarkan, dan memastikan kecemerlangan operasi. Walaupun persaingan amat sengit, Coolblog melalui tahun 2019 dengan baik apabila mencatatkan pendapatan sebelum faedah, cukai dan pelunasan (EBITDA) dan keseluruhan pendapatan, yang lebih baik. Ini menunjukkan saranan dan sasaran pelanggan dari segi produk, penetapan harga dan lokasi, yang jelas.

Begitu juga dengan Al-Ikhsan Sports, penambahbaikan dari segi kewangan dan pengurusan inventori merupakan kunci kepada kejayaannya dalam meningkatkan pengedaran dan tawaran sebagai sebuah peruncit. Selain itu, mengoptimumkan teras utama perniagaan seperti memperkenalkan produk yang tepat di bawah jenama syarikat, menetapkan kedudukan dan perletakkannya, terutama lokasi, telah menyumbang kepada kejayaan strategi ini. Usaha yang telah dilaksanakan ini telah memberi manfaat besar kepada Al-Ikhsan untuk mencapai tahun terbaiknya pada 2019.

Kami turut memperuntukkan banyak masa untuk melaksanakan pelan penciptaan nilai (VCP) kepada PrimaBaguz selama dua tahun. Daripada meninjau dan mengoptimumkan amalan pemerolehannya, menyusun semula portfolio produk, hinggalah meningkatkan margin jualan serta menentukan proses penglibatan rantaian nilai – usaha-usaha ini perlu bagi mengoptimumkan keuntungan keseluruhan perniagaan.

Syarikat portfolio yang bergantung pada perbelanjaan modal korporat dan kerajaan menyaksikan perkembangan yang lebih sederhana sepanjang tahun ini. Memandangkan keseluruhan perbelanjaan di seluruh dunia menyusut, syarikat portfolio yang menjadi penerima manfaat utama pelaburan tersebut, terutama dalam bidang teknologi, pembuatan, O&G dan perkhidmatan, terjejas teruk. Banyak yang terkesan akibat daripada langkah berhati-hati oleh semua pihak, yang menjadi punca kepada penangguhan projek utama untuk korporat dan negara.

PELABURAN DAN PELUPUSAN

Selaras dengan pendekatan keseluruhan kami untuk mengukuhkan syarikat-syarikat portfolio secara dalaman, langkah pelaburan kami tahun ini telah disalurkan ke arah pelaburan susulan yang perlu diambil oleh VCP masing-masing untuk memacu nilai masa depan yang lebih bernilai bagi syarikat-syarikat yang terlibat. Pada 2019, Ekuinas memperuntukkan sejumlah RM205.9 juta menerusi pelaburan susulan yang terdiri daripada RM20.0 juta ke dalam Orkim Sdn Bhd, RM183.0 juta kepada ICON dan RM2.9 juta ke dalam Exabytes Capital Group Sdn Bhd.

Kami turut menumpukan kepada usaha pelupusan bagi Tranche II, yang menyaksikan dua pelupusan dalam tempoh berkenaan. Kami melupuskan 100.0% kepentingan kami dalam PrimaBaguz, syarikat tempatan yang menerajui pembuatan produk halal sejuk beku berasaskan daging untuk pasaran serantau. Ia dilupuskan kepada Johnsonville International LLC, berdasarkan kepada nilai perusahaan sebanyak RM175.0 juta. Pelupusan ini menjana IRR sebanyak 20.8% dan gandaan wang sebanyak 3.6 kali daripada modal yang dilaburkan.

Sepanjang tempoh pelaburan berkenaan, VCP kami menghasilkan pertumbuhan perolehan pendapatan sebanyak 74.5% menerusi inisiatif yang menumpukan kepada penambahbaikan kapasiti dan peningkatan operasi, mempelbagaikan barisan pembuatan produk bagi memenuhi keperluan produk khusus mengikut pelanggan yang pelbagai, usaha sama strategik pembekal dengan rangkaian makanan segera terkenal dan juga mengukuhkan kumpulan kerja pengurusanannya.

Selain itu, kami melupuskan keseluruhan kepentingan ekuiti dalam APIIT Lanka beserta dengan rakan kongsi minoritinya. Pelupusan ini berdasarkan kepada nilai perusahaan kira-kira RM41.0 juta kepada entiti peneraju tumpuan pendidikan yang berpangkalan di Sri Lanka, BG Investments Pte Ltd. Pelupusan ini menjana IRR kasar 17.7% dan gandaan wang sebanyak 2.2 kali daripada modal yang dilaburkan.

“

Tema utama bagi tahun ini adalah meningkatkan dan memperhaluskan urusan berkaitan operasi untuk memastikan syarikat portfolio kami lebih berdaya saing dan bersiap sedia untuk berdepan dengan keadaan yang sukar. Apa yang lebih utama, kekuatan sesebuah organisasi adalah refleksi prestasi operasi dan tindakan proaktif dalam menguruskan risiko operasi.”

Di bawah pemilikan Ekuinas, APIIT Lanka telah melalui tempoh kejayaan semakan semula pelaburan dan pengesahan semula portfolio pendidikannya pada 2015. VCP bagi APIIT Lanka turut menyaksikan pembukaan kampus ketiga, yang juga kampus satelit pertama di Kandi pada 2018. Langkah ini memberikan platform kepada APIIT Lanka untuk mengembangkan perniagaannya, termasuk meneroka pasaran baharu di wilayah tengah di Sri Lanka, menambah kemasukan keseluruhan pelajar baharu, meningkatkan bilangan tawaran program dan juga melancarkan Diploma Tinggi Nasional Pearson BTEC dalam bidang Perniagaan dan Pengkomputeran di kampus baharunya.

MELAKSANAKAN MATLAMAT SOSIAL

Sejak penubuhannya, Ekuinas sentiasa berusaha mencapai matlamatnya untuk mewujudkan nilai jangka masa panjang dengan mempertahankan dan memberi kesan yang positif kepada masyarakat, terutama kepada golongan Bumiputera. Usaha kami terus fokus dalam membantu kemajuan sosial yang berterusan dengan menyediakan peluang yang akan membolehkan individu, keluarga dan masyarakat berkembang maju dan bersemangat untuk mencapai kejayaan.

Tumpuan kami adalah untuk meningkatkan bakat tenaga mahir dan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam syarikat kami secara keseluruhan dalam melaksanakan matlamat sosial secara berterusan. Untuk tujuan ini, dana langsung dan penyumberan luar Ekuinas meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera sebanyak RM5.4 bilion atau 1.5 kali daripada modal yang dilaburkan (TK2018: RM5.0 bilion dan 1.5 kali). Selain itu, terdapat juga kenaikan sebanyak 23.5% dalam pengurusan Bumiputera dan peningkatan sebanyak 14.1% bagi bilangan kakitangan Bumiputera sejak penglibatan Ekuinas (TK2018: masing-masing sebanyak 24.9% dan 17.3%).

PERUTUSAN BERSAMA PENERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Di samping meningkatkan keseluruhan bilangan bakat tenaga mahir Bumiputera, beberapa pemimpin dari syarikat-syarikat portfolio kami telah menerajui syarikat terkemuka di Malaysia. Antara nama-nama yang unggul adalah bekas Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif ICON, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, yang dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tenaga Nasional Berhad pada April 2019.

Dalam bulan yang sama, ICON turut menyambut kedatangan Pengarah Urusan yang baharu, yang juga veteran dalam industri, Datuk Seri Hadian Hashim. Bekas CEO Orkim Sdn Bhd, Sharifuddin Al-Manaf dilantik sebagai CEO Boustead Heavy Industries Corporation Berhad pada April 2020. Pengembangan bakat-bakat ini adalah bukti bahawa Ekuinas telah berjaya memudahcara peluang pembangunan dan memajukan bakat di semua peringkat pengurusan.

Sementara itu, menerusi unit Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), ILTIZAM, Ekuinas telah meletakkan rangka kerja yang membolehkan kami mendekati masyarakat dengan kaedah yang sistematik, pelbagai jenis komuniti dan menangani keperluan mereka yang berbeza, khususnya bagi membantu usahawan Bumiputera, golongan profesional muda dan masyarakat untuk mencapai potensi mereka.

Selari dengan tumpuan keseluruhan kami untuk tahun ini, usaha yang dilaksanakan oleh portfolio ILTIZAM menampakkan proses penambahbaikan yang diperlukan untuk memastikan kecekapan dan produktiviti yang lebih besar merentasi semua inisiatif CSR kami. Ketika kami meningkatkan usaha dalam teras keusahawanan, pendidikan dan komuniti, kami turut menajamkan tumpuan untuk memupuk dan mengasuh bakat, meletakkan kepentingan yang tertentu dalam membantu mereka yang lebih memerlukan. Dengan memberi tumpuan kepada keperluan dasar, kami perlu memastikan kemampuan mendekati golongan komuniti yang berbeza dan menawarkan mereka dengan peluang untuk mendapat pendidikan yang sewajarnya, ilmu atau kemahiran bagi merealisasikan potensi mereka, sama ada dengan memberi keperluan asas harian kepada masyarakat miskin bandar dan kurang bernasib baik,



membina aliran pendapatan yang lebih baik sebagai profesional atau berjaya meneroka bidang perniagaan sebagai usahawan.

Pada 2019, ILTIZAM telah memperuntukkan sebanyak RM8.0 juta untuk keseluruhan tiga teras utama yang melibatkan 12,000 penerima manfaat. Ini menjadikan jumlah sumbangan Ekuinas kepada unit CSRnya adalah sebanyak RM41.0 juta sejak penubuhannya.

Ekuinas turut berpuas hati kerana mencatatkan kadar penyertaan kakitangan yang tinggi dalam aktiviti-aktiviti ILTIZAM, program di luar skop tugas hakiki mereka. Untuk maklumat lebih terperinci, sila rujuk dalam bahagian ILTIZAM bersama Ekuinas untuk maklumat lebih lanjut bagi semua inisiatif pada 2019 di muka surat 116 hingga 121.

TINJAUAN DAN RANCANGAN BAGI TAHUN 2020

Kami memulakan tahun 2020 dengan yakin tapi berhemat. Walaupun 2019 merupakan tahun yang mencabar, beberapa faktor pada awalnya telah menampakkan penyelesaian ketika krisis sedang berlangsung: perang perdagangan antara AS-China nampaknya seperti terbiar setelah beberapa serangan dilakukan, rundingan Brexit kelihatan menuju ke landasannya apabila parti pemerintah menang besar pada pilihan raya, dan harga minyak juga kelihatan seperti menuju ke arah pemulihan. Malangnya, tahun 2020 disangka panas sampai ke petang, kiranya hujan tengah hari.

Dalam siri peristiwa yang berturutan, khususnya apabila bermulanya pandemik global COVID-19, ekonomi dunia telah bertukar arah dan lumpuh akibat perintah berkurang atau perintah kawalan pergerakan (PKP) yang melibatkan berjuta-juta rakyat dalam usaha membendung jangkitan dan berpotensi membawa maut. Harga minyak tidak terkawal apabila Arab Saudi dan Rusia tersepit dalam perang harga. Dalam negara pula, kesan ekonomi akibat pelaksanaan PKP dan langkah penjarakan sosial juga sama hebatnya dan ketidaktentuan politik telah memburukkan lagi keadaan.

Sebelum COVID-19, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah memberi petunjuk mengenai kemelesetan yang dijangka berlaku pada 2020. Anggaran daripada kesan COVID-19, pertumbuhan global pada 2020 dijangka jatuh pada kadar negatif 3.0%, penurunan besar daripada 6.3 mata purata pada Januari 2020. Pemulihan separa hanya dijangka pada 2021, dengan anggaran wabak akan reda dalam separuh kedua 2020 dan tindakan dasar yang diambil di seluruh dunia telah berkesan.

Kami percaya tahun 2020 akan menjadi titik tanda dalam sejarah ekonomi global akibat daripada kejatuhan berikutan wabak COVID-19 – dari segi cabaran ke atas kesihatan rakyat, dan juga kejutan permintaan dan bekalan serentak akibat daripada langkah penjarakan sosial yang perlu dilakukan - ia akan mengubah cara kita hidup, bekerja dan beriadah.

Syarikat di seluruh dunia terpaksa menerima hakikat realiti baharu selepas dilanda wabak. Kita akan melihat gelombang perubahan dari segi pengendalian perniagaan, beli belah, melancong, penggunaan dan pelaburan. Isi rumah telah merasai nikmat beli belah dan penghantaran makanan dalam talian, dan mereka tidak akan berpatah balik. Cabaran mengendalikan perniagaan di seluruh dunia akan merasai perubahan yang amat besar apabila lebih ramai eksekutif dan pekerja dapat menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi sidang video. Ketika syarikat penerbangan bergelut untuk meneruskan operasinya, perniagaan percutian dan pelancongan global mungkin terpaksa melalui transformasi radikal. Memandangkan langkah penjarakan sosial dilihat akan berterusan sepanjang 2020 sementara menunggu vaksin COVID-19 diperkenalkan, lebih banyak perniagaan runcit akan berdepan dengan persoalan kewujudan masing-masing. Syarikat harta tanah mungkin terpaksa melalui perubahan asas apabila syarikat-syarikat perniagaan menilai semula keperluan memiliki ruang pejabat dan perniagaan runcit yang bertukar arah. Secara ringkas, kesan COVID-19 terhadap ekonomi global masih dalam peringkat awal, dan kita boleh menjangkakan banyak lagi perubahan dalam minggu-minggu dan bulan-bulan yang akan datang.

Bagi pemain ekuiti persendirian, ini akan menjadi tempoh dugaan yang getir. Sehingga akhir 2019, pelaburan PE kekal kukuh, dengan 3,500 urus niaga telah dikendalikan di seluruh dunia bernilai AS\$551.0 bilion. Daripada jumlah ini, 97.0% telah meningkat malah naik berganda-ganda. Sebaran telah menguncup, dan rizab tunai semakin hari semakin meningkat sehingga AS\$2.3 trilion, sebahagian besarnya dalam urus niaga penerokaan modal, manakala urus penilaian niaga turut naik. Gambaran ini akan berubah secara radikal, dan perniagaan serta kerajaan bergelut untuk menyesuaikan dengan realiti baharu dunia selepas COVID-19.

Kami percaya bahawa tempoh yang mencabar ini akan memerlukan keberanian dan ketabahan bagi mereka yang mahu berjaya dalam persekitaran baharu ini. Inovasi harus menjadi keutamaan penting, kerana integrasi teknologi baharu ini penting untuk bersaing dengan jayanya. Penyelarasan semula dan menjayakan semula model perniagaan amat diperlukan, kerana peralihan dalam tingkah laku pengguna memerlukan perniagaan runcit dan pemborong menyesuaikan diri untuk memenuhi keperluan dan pilihan baharu. Daya tahan akan menjadi kata kunci penting: memandangkan tinjauan bagi perniagaan kekal kelam, mereka yang mempunyai pandangan jauh untuk mengekalkan penyata imbangan bayaran yang kukuh akan dapat mengatasi krisis ini dan muncul menjadi lebih mantap.

Menuju ke hadapan, kami jangka untuk melihat penyatuan modal apabila syarikat-syarikat menilai dan menyusun semula operasi mereka untuk diletakkan pada kedudukan yang lebih kukuh dan mampan. Penilaian semula ini dijangka akan jatuh dengan ketara dengan persekitaran semasa dan kaedah pengambilalihan penyelamatan akan digunakan. Dalam tempoh jangka masa pendek, urus niaga mungkin akan jatuh dengan ketara kerana dana berkaitan akan beralih ke mod triaj bagi melengahkan sedikit masa supaya dapat mengesan cabaran, kestabilan portfolio dan bersiap sedia dengan kejutan selanjutnya. Kami percaya langkah ini akan memberi ruang kepada lebih banyak urus niaga apabila syarikat distruktur semula dan perubahan sekular terhadap minat pelanggan yang akan mendorong kepada penggunaan semula rizab tunai untuk memanfaatkan peluang-peluang baharu.

Sementara itu, aliran kitaran jangka masa panjang dalam perniagaan dan pelaburan global akan mengorak langkah. Lebih banyak inovasi digital dan yang berkaitan digital akan mengambil tempat dan pertumbuhan pelaburan atau persekitaran yang mampan, pelaburan langsung persekitaran sosial dan tadbir urus (ESG), yang mana sudah menjadi tema yang meningkat dalam pasaran awam, mungkin akan mempengaruhi jangkaan untuk tadbir urus dan kebertanggungjawaban yang lebih besar dalam pasaran persendirian.

PENGHARGAAN DAN JUTAAN TERIMA KASIH

Perjalanan 10 tahun kami merupakan tempoh yang penuh dengan kenangan penting dan juga pencapaian yang membanggakan. Kami bersyukur kerana diberi peluang untuk menyaksikan dan menjadi sebahagian daripada pertumbuhan pesat dalam industri tempatan ekuiti persendirian (PE) di negara ini.

Kami ingin memanjatkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia, dan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri yang memantau Ekuinas. Terima kasih di atas sokongan yang tidak berbelah bahagi dan kepercayaan terhadap keupayaan kami untuk melaksanakan mandat yang diberikan.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Ekuinas di atas kebijaksanaan dan bimbingan yang diberikan sepanjang 10 tahun, sejak kami mula beroperasi hingga ke hari ini. Pencapaian kami setakat ini, khususnya dengan latar belakang yang semakin mencabar dan tidak stabil, tidak mungkin dapat dicapai tanpa kebijaksanaan anda semua. Kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Mohamed Azman Yahya ke atas sumbangan beliau yang tidak terhingga sepanjang tempoh sembilan tahun dan itu kami mengalu-alukan penyertaan Dato' Saiful Lebai Hussien ke dalam Lembaga Pengarah Ekuinas.

Buat semua pekerja dan kakitangan syarikat-syarikat portfolio Ekuinas – dahulu dan kini: Terima kasih di atas kerjasama dan dedikasi anda dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. Kami berbesar hati dan merasa bertuah dapat bekerja sama-sama dengan kumpulan yang berkebolehan dan penuh bersemangat. Pencapaian Ekuinas adalah hasil sokongan, sumbangan dan perkongsian visi anda.

Bagi pihak kami, Ekuinas tetap utuh dengan komitmennya untuk mewujudkan nilai jangka masa panjang untuk kerajaan, pihak berkepentingan dan syarikat portfolio. Kami sentiasa berusaha untuk membina satu lagi dekad yang luar biasa bagi pertumbuhan industri PE Malaysia yang akan meletakkan Malaysia pada peta serantau sebagai peneraju dan destinasi PE yang terkemuka.

Terima kasih, dan kami harap anda akan sentiasa memberi sokongan berterusan untuk 10 tahun yang seterusnya, dan tahun-tahun yang akan datang.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Pengerusi

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Ketua Pegawai Eksekutif

EVOLUSI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU

Dalam tempoh sedekad yang lalu, kedinamikan pasaran terus berubah dan telah menyaksikan peralihan yang ketara dalam peruntukan modal daripada pasaran awam kepada swasta. Pergerakan ini dijangka memberikan kesan gelombang besar kepada penyedia modal, pelabur dan syarikat-syarikat yang mahu mendapatkan modal, serta mereka yang dimiliki oleh berbagai model persendirian yang semakin luas. Ini mengarah ke masa depan di mana sejumlah besar modal akan mengalir ke dalam pasaran persendirian¹ dan memacu trend jangka masa panjang terhadap peluang modal persendirian dan Ekuiti Persendirian (PE) yang lebih besar berbanding model ekuiti awam tradisional.




EVOLUSI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU

Banyak faktor yang bertindak sebagai pemangkin kepada perubahan ini – antaranya adalah prestasi berterusan apa yang dianggap sebagai kelas aset alternatif dalam industri yang semakin mencabar dengan menerima tekanan untuk menghasilkan “alpha”. Daripada tahun 2000, industri PE global terus menyaksikan urus niaga, melaksanakan pelupusan dan menjana modal pada kadar dan premium yang belum pernah dilakukan sebelumnya. Perkembangan ini sebahagiannya didorong dan jelas dimotivasikan oleh kapasiti untuk mencatat pertumbuhan dan pulangan yang tinggi.

PE TELAH MENDAHULUI PULANGAN PASARAN AWAM SEJAK 2009²

PME dan mPME (S&P 500) mengikut tahun urus niaga, PME/mPME-1



Sumber Data : Burgiss Private IQ, Cambridge Associates

Pangkalan data *Cambridge Associates Private Investments* menunjukkan bahawa dana PE 2018 di Amerika Syarikat, Eropah dan Asia Pasifik telah mengatasi prestasi indeks saham utama untuk tempoh lebih daripada satu, lima, dan 20 tahun.

Menurut *Global Private Markets Review 2020* oleh McKinsey, aset pasaran persendirian di bawah pengurusan berkembang sebanyak 10% pada 2019, dan nilai yang amat mengagumkan telah dicatat iaitu sebanyak ASS\$4.0 trilion dalam tempoh sedekad lalu, dengan pertumbuhan sebanyak 170%. Bilangan firma PE yang aktif juga telah berkembang dari segi saiz aset.

Sementara itu, pasaran global awam berkembang sebanyak 100%, namun bilangan syarikat-syarikat senarai awam kekal tidak berubah, turun sebanyak 40% sejak 2000.

SALAH FAHAM TENTANG LIBERALISASI MALAYSIA

Hari ini, PE di seluruh dunia dan Asia Tenggara tidak lagi boleh dianggap sebagai baharu atau kelas aset alternatif. Ia telah meletakkan kedudukannya sebagai satu pendekatan bagi pelabur untuk menentukan dengan jelas strategi syarikat, trajektori pertumbuhan atau pelupusan daripada pasaran awam. Di Malaysia terutamanya, PE telah melalui perjalanan yang panjang untuk membuktikan nilainya dalam pasaran sedekad lalu yang hanya segelinitir nampak akan potensinya. Kenyataan ini konsisten dengan pasaran secara keseluruhannya kerana salah faham dan pandangan negatif terhadap dasar negara masih wujud di tengah-tengah persekitaran ekonomi yang sangat rapuh dan yang masih belum meninggalkan kesan-kesan mendalam berpunca daripada Krisis Kewangan Global 2008 (GFI).

¹ Sumber: Bain & Company: Laporan Ekuiti Swasta 2019

² Sumber: Tinjauan Pasaran Swasta Global McKinsey 2020: Prestasi Sedekad Pasaran Persendirian, Februari 2020

EVOLUSI EKUITI PERSendiriAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU

Tajuk utama dan aliran berita pula tidak banyak yang memberi gambaran buat negara keenam terbesar di ASEAN mengikut bilangan penduduk³. D daripada unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tidak berubah, kepada jangkaan penurunan dua angka dalam eksport dan pengeluaran Malaysia oleh Bank Negara Malaysia, hinggalah kepada kedudukan yang umumnya lemah dari segi daya saing ekonomi berikutan ketegangan domestik dan kelemahan struktural, ulasannya adalah konsisten baik dari dalam dan luar negara.

Ramai melihat Dasar Ekonomi Baharu dan keutamaan kepada Bumiputera sebagai penghalang tambahan untuk maju dan memburukkan lagi minat pelabur untuk masuk. Bagaimanapun, di sebalik tanggapan yang negatif ini, pelaburan langsung asing (FDI) berkembang dengan konsisten. Malaysia telah mencatatkan FDI yang kukuh dan mapan, dan bilangannya meningkat secara konsisten kepada RM631.2 bilion pada 2018, sebahagian besar adalah daripada sektor Pembuatan dan Perkhidmatan⁴.

Sebab-sebab untuk angka ini adalah mudah. Berbeza dengan pandangan, dari segi syarat permulaan bagi pelaburan asing, keperluan modal saham, halangan sektoral dan pemilikan tanah oleh orang asing, Malaysia merupakan negara yang paling liberal berbanding jirannya di ASEAN seperti Indonesia, Thailand, Filipina dan Vietnam kerana:

- 1) tiada syarat permulaan bagi pendaftaran pelabur asing;
- 2) tiada keperluan modal saham selepas diperbadankan;
- 3) halangan yang minimum bagi pelbagai sector industri; dan
- 4) tiada halangan untuk pemilikan tanah oleh orang asing untuk hartanah bernilai lebih daripada RM1.0 juta.

Tambahan, Malaysia tiada senarai negatif yang umum, berbeza dengan banyak negara-negara lain di Asia Tenggara yang menghalang pemilikan dalam industri tertentu.

SYARAT PERMULAAN UNTUK PELABUR ASING			SYARAT MODAL SAHAM		
Nota	Kekangan	Negara	Kekangan	Nota	
• Secara umumnya tiada				• Tiada, kecuali bagi permohonan lesen tertentu atau penyertaan dalam industri yang dikawal selia	
• Permohonan Modal Pelaburan Permulaan • Pendaftaran Mandatori Lesen Perniagaan (Izin Usaha) • Mengemukakan maklumat mengenai aktiviti perniagaan (perdagangan & perkhidmatan) kepada Lembaga Koordinasi Pelaburan (BKPM)				• Keperluan modal saham disasarkan kepada syarikat yang mempunyai ekuiti asing yang ketara	
• Lembaga Perniagaan Asing Thai mungkin akan mengenakan syarat untuk mendapatkan lesen • Untuk sektor tertentu, warga Thai mungkin akan disyaratkan sebagai pemegang lesen				• Syarat modal saham disasarkan kepada syarikat yang mempunyai ekuiti asing yang ketara	
• Tidak perlu lesen tetapi modal berbayar yang tinggi sebanyak AS\$200,000 bagi syarikat dengan pemilikan asing >40%				• Syarat modal saham disasarkan kepada syarikat yang mempunyai ekuiti asing yang ketara. Jumlahnya boleh mencapai setinggi AS\$200,000	
• Sijil Pendaftaran Pelaburan (tidak boleh merayu jika ditolak) • Sijil Pendaftaran Perusahaan				• Sama seperti Malaysia	

Sumber: Wong & Partners

³ Sumber: ASEAN.org

⁴ Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

EVOLUSI EKUITI PERSendiriAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU


SEKATAN SEKTORAL		PEMILIKAN TANAH OLEH WARGA ASING		
Nota	Kekangan	Negara	Kekangan	Nota
• Beberapa sekatan terhadap penglibatan asing dalam industri terkawal				• Di bawah EPU, tidak perlu mendapatkan kelulusan untuk pemilikan asing terhadap hartanah >RM1 juta, kecuali untuk unit kediaman kos rendah, hartanah/tanah rizab Bumiputera, atau hartanah yang diperuntukkan kepada Bumiputera
• Sektor perniagaan tertentu dirizabkan untuk penyertaan warga tempatan sepenuhnya • Syarikat asing dihadkan kepada 3 barisan perniagaan setiap satunya bukan dalam Senarai Negatif				• Pemilikan tanah oleh warga asing tidak dibenarkan • Syarikat asing boleh mendapat hak terhadap bangunan bertanah untuk tempoh 30 tahun dan boleh disambung sehingga 20 tahun lagi
• Kelulusan diperlukan daripada agensi kerajaan yang berkenaan walaupun jika penyertaan asing selaras dengan Senarai Negatif				• Pemilikan tanah hanya dibenarkan jika syarikat korporat itu majoritinya dimiliki oleh warganegara Thai • Syarikat milikan asing cenderung untuk memajak atau memiliki bangunan
• Sektor perniagaan tertentu dirizabkan sepenuhnya untuk penyertaan tempatan				• Hanya warga, korporat atau usaha sama milik rakyat Filipina dengan pemilikan majoriti >60% layak memiliki tanah persendirian • Syarikat asing hanya boleh memajak
				• Negara sosialis - pemilikan tanah tidak dibenarkan kepada syarikat tempatan atau syarikat asing • Syarikat boleh memajak tanah atau memiliki bangunan yang dibina atasnya

Sumber: Wong & Partners

EVOLUSI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU

Hikmah yang sering diambil kira dalam menilai Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan meletakkan negara di kedudukan yang terbelakang. Pada 2009, negara ini telah berjaya melaksanakan Pelan Induk Penswastaan yang diperkenalkan pada 1983. Sehingga akhir 2009, Malaysia telah menyempurnakan lebih 500 projek penswastaan di seluruh negara⁵. Mereka yang baru memandang kepada Malaysia sejak dua dekad yang lalu, pasti sudah terlepas banyak urus niaga penswastaan menarik yang mungkin meletakkan portfolio mereka pada kedudukan yang mengagumkan dalam entiti syarikat senarai awam terbesar di negara ini. Berbeza dengan Indonesia dan Vietnam yang baru sahaja memulakan langkah penswastaan perusahaan milik kerajaan (SOE) pada tahun 2018.

MALAYSIA MUNGKIN KECIL DARI SEGI SAIZ BERBANDING NEGARA LAIN



Sumber: Bank Dunia

■ 2018 ■ 2019 X% – CAGR

⁵ Sumber: Unit Usahasama Awam Swasta – Kementerian Kewangan Malaysia

EVOLUSI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU

Selain daripada itu, Malaysia tidak pernah dan masih tidak mempunyai skala diperlukan berbanding negara jirannya, baik dari segi bilangan penduduk mahupun KDNK. Negara ini tidak mempunyai kelompok besar penduduk terpinggir untuk pelabur ceburi dari segi pembangunan infrastruktur. Dari segi profil pula, Malaysia mempunyai lebih banyak persamaan dengan negara maju seperti Singapura dari segi perbankan, telekomunikasi dan penembusan internet.





Pasaran Terpinggir

Sumber: ASEAN UP, Statista, GSMA, Bank Dunia

EVOLUSI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU

PERMATA TERSEMBUNYI : PERUBAHAN PERSPEKTIF

Dalam tempoh 30 tahun lalu, Malaysia telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinannya yang tinggi dan ketidaksamaan pendapatan. Walaupun banyak yang masih perlu dilakukan, kemajuan dan pembangunan asas negara ini telah membuka laluan bagi peningkatan pendapatan bulanan kumpulan golongan pertengahan 40% (M40) dan bawahan 40% (B40), masing-masing sebanyak 98% dan 112% dari 2006 dari 2016. Peningkatan kemakmuran ini dibuktikan oleh trajektori pertumbuhan negara dan perbelanjaan tinggi yang berlaku secara serentak dalam bidang-bidang khusus seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan.



Sumber: Bank Dunia

EVOLUSI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU

Trend ini menyebabkan sektor-sektor ini berkembang dan urus niaga pendidikan dan penjagaan kesihatan mendapat penglibatan yang agak baik di Malaysia. Liberalisasi seterusnya dalam kedua-dua sektor ini telah menjadi pemangkin dan motivasi kepada pelabur awal untuk melabur secara besar-besaran dalam kedua-dua sektor ini, khususnya Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) dalam bidang pendidikan dan Khazanah Nasional Berhad dalam bidang penjagaan kesihatan.


Pengiktirafan terhadap teknologi ini, persekitaran dan ekosistem dengan penggalakan modal awal untuk syarikat menerusi sokongan kukuh daripada agensi kerajaan, dan juga kebanyakan modal teroka (VC). Contoh mengenai komitmen awal kerajaan terhadap pelaburan dalam syarikat-syarikat teknologi peringkat awal ini ditunjukkan dengan jelas melalui pembentukan agensi-agensi kerajaan termasuk Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Cradle Fund. Malahan, satu daripada *unicorn* Asia Tenggara berasal dari Malaysia.

Sektor pengguna dan peruncitan di Malaysia adalah antara penerima manfaat daripada peningkatan kekayaan penduduk apabila perbelanjaan peribadi secara umumnya meningkat selari dengan peningkatan paras pendapatan. Infrastruktur yang tersedia dan tiadanya syarat pemilikan yang ketat, menjadikan cadangan pelaburan lebih menarik. Pada masa sama, walaupun kekurangan saiz dan skala, pengguna dan sektor runcit tempatan telah menarik banyak penggabungan dan pengambilalihan (M&A) yang melibatkan PE. Pelaburan di Malaysia seterusnya disokong oleh produktiviti yang tinggi, akses ke pasaran, kemudahan pembiayaan serta kerangka undang-undang dan pengawalseliaan yang lengkap.

EVOLUSI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA

Saiz transaksi urus niaga PE di ASEAN berjumlah AS\$52.2 bilion sejak 2009, hampir dua kali ganda berbanding AS\$1.8 bilion pada 2009 kepada AS\$3.4 bilion pada 2018. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan bilangan golongan muda, peningkatan kekayaan dan pendigitalan ekonomi di rantau ini. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, sumbangan Malaysia kepada bilangan saiz urus niaga cukup besar walaupun dari perspektif saiz, negara ini tidak dianggap sebagai penyumbang yang konsisten kepada transaksi yang besar. Walau bagaimanapun, penyertaan yang konsisten dari segi jumlah urus niaga tahunan antara 10 hingga 12 tawaran sejak 2010, memberi isyarat kepada pasaran bahawa terdapat peluang pelaburan yang baik di Malaysia. Ia merupakan pertumbuhan yang pesat – dilihat dari segi pasaran PE yang baharu. Daripada urus niaga yang tidak begitu kerap sebelum 2010, ia menjadi pasaran yang rancak dengan pelbagai peserta, disokong oleh kekerapan transaksi yang mapan.


Dengan kemudahan asas yang lengkap, faktor-faktor seperti internet dan penembusan peranti kadar tinggi turut menyumbang kepada populariti awal Malaysia sebagai lubuk bagi *start-up* digital. Penembusan telefon pintar di kalangan rakyat Malaysia, yang merupakan pemangkin utama bagi *start-up* digital, tersenarai dalam kalangan yang tertinggi di rantau ini dan mendorong kesediaan negara sebagai destinasi pelancaran *start-up* digital.



Sumber: Preqin, Analisis Ekuinas

EVOLUSI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU

Berdasarkan sejarah, pelaburan PE sukar didapati dan Navis Capital Partners (Navis) merupakan peserta awal dengan pelaburan sulungnya dibuat pada 2001. Carta di bawah menunjukkan antara 2000 hingga 2009, purata bilangan urus niaga PE di Malaysia hanya lebih sedikit daripada tiga transaksi. Terdapat peluang untuk transaksi besar seperti yang ditunjukkan menerusi pengambilalihan EON Capital oleh Primus Financial dan Genting Sanyen oleh CVC Asia Pacific Ltd. (CVC) pada 2007. Ini diikuti dengan pengambilalihan Magnum juga oleh CVC pada 2008.



Sumber: Preqin, Analisis Ekuinas

Peralihan besar berlaku dalam tempoh 10 tahun dari 2010 hingga 2019 apabila industri menunjukkan perubahan ketara dalam bilangan urus niaga iaitu sebanyak 140 transaksi, yang mencatatkan kadar pertumbuhan pesat hampir lima kali ganda. Dari segi bilangan transaksi sahaja, Ekuinas merekodkan 42% peratus daripada keseluruhan transaksi, atau 59 urus niaga, satu pencapaian yang amat membanggakan memandangkan tumpuan pelaburannya hanya di Malaysia.

Sejak penubuhannya pada 2009, Ekuinas memainkan peranan penting dalam evolusi industri ini di Malaysia. Syarikat mempunyai peranan dan mandat yang jelas – iaitu menumpukan kepada syarikat-syarikat pasaran pertengahan, memangkin pertumbuhan dan memudahkan penciptaan syarikat peneraju generasi masa hadapan di Malaysia. Penubuhan Ekuinas adalah khusus seperti yang direncanakan, dilancarkan pada tahun yang sama sebaik sahaja Kerajaan menyelesaikan Pelan Induk Penswastaan.

Sehingga hari ini, dengan mudah cara persekitaran PE dan ekosistem yang lestari, cergas dan saksama adalah asas kepada kejayaan industri ini. Bukan saja industri PE hampir tidak wujud ketika itu, pelaburan dalam syarikat pasaran pertengahan tidak diuji, terutamanya dalam ruangan *buyout*.


Dengan kebanyakan firma menumpukan kepada pertumbuhan modal, kami perlu menukar persepsi dan jangkaan terhadap peranan PE ini bagi mengembangkan prospek kami. Selain itu, saiz dana juga kecil antara AS\$20.0 – AS\$40.0 juta, dengan pelaburan khususnya oleh dana domestik yang distruktur sebagai instrumen hibrid kerana kebanyakan profesional yang membantu dana PE tempatan mempunyai latar belakang dalam bidang VC. Pelupusan kebanyakannya dilakukan menerusi pelaksanaan opsyen jual atau penebusan *hybrid instrument*. Kejayaan pelupusan sama ada menerusi jualan langsung atau Tawaran Awam Awal (IPO) hanya segelintir dan sebahagian besarnya dipacu oleh dana serantau.

Namun, hari ini, PE di Malaysia telah mendapat perhatian yang menggalakkan di kalangan syarikat pasaran pertengahan. Perkembangan ini disebabkan oleh kejayaan pelaburan dan pelupusan sepanjang dekad ini. Bagi Ekuinas sahaja, tidak termasuk program Pengurusan Dana Penyumberan Luar (OFM), telah melabur dalam 23 syarikat dan melupuskan 12 buah syarikat. Dengan tambahan rakan kongsi OFM, jumlah urus niaga telah meningkat kepada 59 transaksi. Bilangan ini sahaja telah melepasi urus niaga yang dilaksanakan sedekad yang lalu. Selain itu, Malaysia terus menarik dana-dana serantau lain seperti Creador, Navis, Southern Capital Group, KV Asia Capital dan baru-baru ini Dymon Asia Capital yang

EVOLUSI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU

berpangkalan di Singapura. Kami turut melihat peningkatan penyertaan daripada dana besar global seperti KKR & Co., CVC Capital Partners, TPG Group dan Affinity Equity Partners – kesemuanya telah memasuki pasaran Malaysia.

Malaysia mempunyai kelebihan yang nyata. Sebagai sebuah negara, Malaysia telah membangunkan lebih daripada 907,000 SME, dan daripada jumlah ini lebih 20,000 adalah terdiri daripada kategori saiz sederhana⁶. Selain itu, peluang bagi urus niaga bersaiz sederhana adalah dalam lingkungan dari AS\$25.0 juta sehingga kira-kira AS\$80.0 juta. Peluang-peluang bagi urus niaga besar bersaiz melebihi AS\$500.0 juta juga wujud bagi pelabur yang mempunyai dana yang besar seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah. Dari segi sektor, pendidikan, makanan & minuman (F&B) serta peruncitan kekal konsisten, disokong oleh asas negara yang kukuh sebagai pasaran yang maju dan bilangan golongan berkemampuan yang ramai dan berkembang.



Pelabur: HPEF Capital Partners
Tahun: 2012
Saiz Urus Niaga: \$63.9 juta

Pelabur: KKR
Tahun: 2013
Saiz Urus Niaga: \$200.0 juta

Pelabur: AIFG, Development Bank of Japan
Tahun: 2016
Saiz Urus Niaga: \$71.6 juta

Pelabur: Ekuiti Nasional Berhad
Tahun: 2011
Saiz Urus Niaga: \$24.3 juta


Pelabur: Navis Capital Partners
Tahun: 2012
Saiz Urus Niaga: \$39.2 juta

Pelabur: Fosun
Tahun: 2014
Saiz Urus Niaga: \$30.7 juta


⁶ Sumber: SME Corp Malaysia berdasarkan bancian Jabatan Perangkaan 2016

EVOLUSI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU

JUMLAH URUS NIAGA MENGIKUT INDUSTRI (#)




TRANSAKSI RUNCIT, F&B & PENDIDIKAN



Daripada perspektif pelupusan, Malaysia menyamai negara rantau ASEAN dengan pilihan kebiasaan iaitu cara jualan perdagangan langsung. Dalam konteks ini, Ekuinas telah memainkan peranannya dalam menggalakkan aktiviti urus niaga, yang telah menyumbang sebanyak 41 transaksi daripada keseluruhan 108 transaksi dalam tempoh 10 tahun. Daripada 41 pelaburan Ekuinas ini, 23 transaksi merupakan pelaburan langsung dan 18 dibuat menerusi rakan kongsi OFM. Pelupusan yang tepat pada masanya dan kebolehan untuk mencungkil nilai mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan masih menjadi ujian bagi mana-mana pelabur, lebih-lebih lagi PE. Daripada 33 pelupusan di Malaysia dalam tempoh 10 tahun, Ekuinas menyumbang kepada 18 transaksi, dengan 13 urus niaga daripadanya merupakan portfolio pelaburan langsung dan lima urus niaga pula menerusi rakan kongsi OFM. Adalah penting untuk dinyatakan bahawa pelupusan bersifat *bona-fide* ke atas kepentingan ekuiti [kawalan] ini kebanyakannya dilakukan menerusi penjualan perdagangan.

JUMLAH SAIZ URUS NIAGA (AS\$ JUTA)




PELABURAN LANGSUNG EKUINAS



EVOLUSI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU


JUMLAH URUS NIAGA (#)




PELABURAN PENYUMBERAN LUAR EKUINAS




JUMLAH NILAI PELUPUSAN (AS\$ JUTA)




LUPUS IKUT JENIS (SEA)




LUPUS IKUT JENIS (MY)



JUMLAH PELUPUSAN URUS NIAGA (#)



TRANSAKSI PELUPUSAN DI MALAYSIA



EVOLUSI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU

MASA HADAPAN BAHARU UNTUK PELABURAN: EKUITI PERSENDIRIAN

Walaupun PE bukan lagi di peringkat awalan, terdapat faktor-faktor utama yang masih sama dan cabaran-cabaran utama yang mempengaruhi industri PE di Malaysia adalah selaras dengan cabaran yang dihadapi secara global.

Peningkatan Skala

Dari segi landskap tempatan, dana PE kekal kecil. Selain Ekuinas yang dibiayai oleh kerajaan, dijangkakan bahawa penajaan dana, khususnya daripada institusi pelaburan yang besar akan menjadi lebih sukar kerana ramai yang akan melabur di Malaysia secara langsung. Sebagai pelabur tempatan, persepsinya ialah mereka juga memahami pasaran, malah mungkin lebih baik daripada institusi yang berkepakaran tentang PE. Ini mungkin benar pada tahap tertentu. Perbezaan utamanya adalah kebanyakan institusi berkenaan merupakan penyedia peruntukan aset tanpa infrastruktur atau persediaan yang sesuai untuk menyokong aktiviti pelaburan PE.

Memperdalamkan Bakat PE

Bilangan bakat atau tenaga mahir akan kekal rendah dan jumlahnya tidak ramai. Ini berikutan kekangan peluang bagi tenaga mahir dalam industri ini untuk mengasah bakat serta menimba pengalaman mereka dalam memacu pelan penciptaan nilai dalam syarikat portfolio sehingga ke tahap membuat urus niaga. Dengan saiz operasi yang secara perbandingannya kecil, syarikat PE akan mendapati kesukaran untuk menarik dan mendapat tenaga mahir.

Memupuk Kumpulan Pengurusan Prestasi Tinggi

Begitu juga, kemantapan bakat pengurusan belum begitu ketara dalam tempoh 10 tahun. Ini terjadi kerana kebanyakan syarikat yang ditubuhkan oleh pengasas memiliki Ketua Pegawai Eksekutif yang berwibawa dan dominan. Ini boleh menghalang pelan pertumbuhan agresif kecuali penambahbaikan dilakukan secara menyeluruh terhadap kumpulan pengurusan kanan. Namun begitu, apa yang kerap berlaku sebagai usahawan dan pengasas perniagaan tersebut juga sukar untuk menentukan strategi terbaik bagi perkembangan syarikat mereka.

Penciptaan Nilai - Pemacu Utama Pulangan

Gandaan penilaian telah meningkat tetapi pengembangan yang berganda tidak akan dapat dilihat dengan ketara sebagai pemacu pulangan. Ia telah dibuktikan bahawa penambahbaikan operasi adalah juga teras kepada pulangan yang tinggi dan dalam bidang ini, walaupun dari sudut pandangan pengurusan atau operasi, jelas sekali PE mempunyai peranan penting untuk mencipta nilai. Kebanyakannya, malah mungkin kesemua firma PE di rantau ini, termasuk Ekuinas, memiliki kumpulan portfolio mereka sendiri untuk berperanan lebih aktif dalam memacu inisiatif penciptaan nilai. Walau bagaimanapun, dengan kemajuan teknologi dan kekangan kepada perniagaan seperti yang kita ketahui, inisiatif-inisiatif ini menjadi semakin rumit. Perkembangan ini boleh menjadi satu peluang atau ancaman dalam memacu pertumbuhan syarikat portfolio.

Peluang dalam Jurang Digital

Teknologi wujud dalam setiap sektor dan mampu menjadi pemboleh ubah yang akan menentukan prestasi perniagaan. Ini juga merupakan peluang sebenar kepada PE untuk mencipta nilai, terutamanya dalam segmen pasaran pertengahan yang tradisional. Kebanyakan pemilik syarikat dalam segmen ini bergelut untuk mengatasi realiti lanskap perniagaan yang berubah di mana strategi digital menjadi semakin penting. Namun, bukanlah luar biasa bagi perniagaan seumpama ini untuk mengurangkan perbelanjaan terhadap infrastruktur Teknologi Maklumat dan sistem perakaunan kerana kurang arif mengenai perkara tersebut, atau tidak dapat menentukan di mana mahu bermula. Dalam konteks ini, pelabur PE adalah rakan usahawan paling sesuai untuk perniagaan yang berminat untuk memulakan perjalanan pendigitalan mereka.

EVOLUSI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN LALU



POTENSI DALAM PERSEKITARAN YANG TIDAK MENENTU DAN SUKAR DIRAMAL

Ketika kami sedang melengkap laporan ini, COVID-19 telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Implikasi wabak ini belum pernah dialami sebelum ini. Sebagai negara kecil yang bergantung kepada komoditi dan rantaian bekalan global, ianya boleh memberi kesan yang sangat bahaya.

Malaysia bertindak pantas menangani wabak ini dan ketidakpastian yang berlanjutan dirumitkan lagi dengan persengketaan Pertubuhan Negara-Negara Pengekspor Petroleum (OPEC). Bagaimanapun, Malaysia menunjukkan daya tahan ekonomi dan sosial dalam menghadapi ekonomi yang perlahan dan akur kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sebagai sebuah negara, pihak kerajaan dan korporat Malaysia telah berjaya mengharungi Krisis Kewangan Asia pada 1998, Krisis Kewangan Global 2008 dan yang terbaru, perang perdagangan antara Amerika Syarikat-China. Sejarah berulang, namun ada banyak pengajaran yang boleh dipelajari dan penambahbaikan perlu dilakukan. Bagi menenangkan keadaan, kerajaan Malaysia dengan pantas memperkenalkan Pakej Rangsangan bernilai RM20.0 bilion. Ini diikuti dengan pelan susulan bernilai RM250.0 bilion dan melaksanakan PKP dalam usaha menghentikan jangkitan wabak dan menyediakan bantuan kepada rakyat dan perniagaan yang terjejas.

Dengan peristiwa yang belum pernah terjadi sebelumnya, sukar untuk menentukan penghujungnya atau kesan akhirnya kepada ekonomi negara. Keyakinan kekal dengan berlandaskan dasar-dasar negara, Malaysia akan pulih sebaik krisis ini berakhir.

Wabak ini akan memberi kesan yang belum pernah terjadi ke atas perniagaan di seluruh dunia. Persekitaran ekonomi dan perniagaan yang mencabar sebagai kesan daripada perubahan dalam tatacara pengguna dan corak perbelanjaan, saluran dan rangkaian pelaksanaan, harga bahan bakar yang rendah, mobiliti dan perhubungan akan memaksa perniagaan untuk melihat semula model perniagaan masing-masing kerana kemantapan kewangan dan operasi sedang diuji. Penyatuan, penggabungan, pemisahan, cantasan dan penyusunan semula akan menjadi tema utama untuk tahun-tahun yang akan datang.

Dalam konteks PE, pasaran akan terus didominasi oleh dana bersaiz besar, manakala sebilangan dana bersaiz kecil akan bergelut untuk meneruskan kelangsungan perniagaan. Wabak COVID-19 hanya akan mempercepatkan penutupan dana-dana bersaiz kecil kerana tuntutan modal akan memberi tekanan ke atas sumber mereka dari segi kewangan dan operasi. Industri yang bersifat defensif seperti berkaitan pengguna, terutamanya perbelanjaan mengikut budi bicara telah terbukti tidak stabil.

Kawalan pergerakan telah mentakrifkan semula sempadan perniagaan dan kesannya terhadap perniagaan yang secara tradisinya dilihat sebagai defensif atau menarik. Kami menjangkakan lebih banyak transaksi dalam jangka masa pendek dan pertengahan yang kemungkinannya melibatkan penyusunan semula, penyatuan, pemisahan korporat apabila perniagaan meninjau untuk meraih dana. PE akan mempunyai peranan yang penting dalam keadaan ini kerana skala, akses kepada pasaran, modal dan peralihan ke arah pendigitalan menjadi semakin penting. Syarikat bersaiz kecil dan sederhana khususnya amat berisiko.

Namun demikian, sebagai PE tempatan, Ekuinas komited dalam membantu syarikat portfolio semasa dan yang berpotensi untuk mengemudi menerusi tempoh mencabar ini sementara mereka berusaha untuk menilai dan mentakrif semula model perniagaan mereka.

Petikan dari pembentangan CEO pada Malaysian Private Equity Forum 2019 dan maklumat terkini mengenai wabak.

RENUNGAN CEO



RENUNGAN CEO

“

Kami kebangga dengan prestasi dan pertumbuhan stabil kami sepanjang beberapa tahun ini, tetapi yang lebih utama ialah impak yang kami capai dalam menjalankan tugas kami untuk menyempurnakan objektif sosial kami sambil menjadi pemangkin kepada pertumbuhan”

Pada September 2019, Ekuinas mencapai tahun ke-10-nya, satu pencapaian yang bukan calang-calang! Ekuiti Persendirian (PE) di Malaysia telah berkembang dengan pesat sejak 10 tahun yang lalu daripada pasaran PE yang mula membangun di mana urusan jual beli berlaku secara sekali-sekala ke pasaran yang meriah disertai pelbagai pelabur dan kekerapan urusan transaksi yang semakin meningkat.

Saya dengan sukacita ingin menyatakan Ekuinas telah memainkan peranan penting dalam evolusi industri PE di Malaysia. Kami mungkin bukan perintis firma PE di negara ini, tetapi kami semestinya telah memainkan peranan utama dalam menjayakan persekitaran PE yang meriah dan lestari, sesuatu yang tidak wujud 10 tahun yang lalu.

Kini, lebih ramai pemain industri dengan lebih banyak keinginan dan ini telah meningkatkan jumlah urusan dan pelupusan. Dengan bilangan transaksi PE dalam pasaran, ini jelas menunjukkan PE bukan lagi satu industri mentah. Ekuinas sendiri telah melabur dalam 23 syarikat dan melupuskan 13 syarikat – satu perubahan ketara daripada tempoh pra-2010. Lebih menarik lagi untuk Ekuinas, pelupusan kepentingan ekuiti dilakukan secara *bona-fide* melalui penjualan pendagangan atau Tawaran Awam Awal (IPO).

Sejak dari permulaan, kami diberi mandat untuk melabur di syarikat pasaran pertengahan yang merupakan satu cabaran dalam pasaran luas yang belum diuji terutamanya dalam ruangan *buyout*. Ketika itu, pemain PE domestik lebih mengutamakan kepada pertumbuhan modal. Saiz dana adalah kecil, di antara USD20.0 juta ke USD40.0 juta. Pelaburan oleh dana domestik terutamanya distruktur sebagai *hybrid instrument* ketika itu, ia bukanlah satu kejutan kerana kebanyakan profesional yang mengetuai dana PE tempatan datang daripada latar belakang Modal

Teroka (VC). Pelupusan adalah secara besar-besaran, melalui pelaksanaan opsyen jual atau penebusan *hybrid instrument*.

Melangkah maju ke 2019, kami telah melalui keseluruhan kitaran PE daripada penyumberan transaksi ke penciptaan nilai hingga ke pelupusan. Kami telah membuat pulangan daripada pelaburan kami seperti yang boleh dilihat daripada prestasi dana kami. Kami telah membuktikan diri kami sebagai pelabur PE yang sebenar, berjaya mencipta nilai perniagaan jangka masa panjang untuk syarikat portfolio kami dan bukan hanya sekadar firma peruntukan aset. Kesedaran pasaran PE juga telah meningkat dengan ketara jika dibandingkan dengan tempoh pra-2010 dan nilai yang dibawa oleh PE bukan lagi satu keraguan kerana rekod telah menjadi lebih jelas.

Kami kebangga dengan prestasi dan pertumbuhan stabil kami sepanjang beberapa tahun ini, tetapi yang lebih utama ialah impak yang kami capai dalam menjalankan tugas kami untuk menyempurnakan objektif sosial kami sambil menjadi pemangkin kepada pertumbuhan. Saya berasa amat gembira untuk memaklumkan yang kami berjaya menyampaikan objektif sosial kami. Sebagai tambahan kepada program ILTIZAM kami, kami juga mengagihkan RM200.0 juta daripada hasil kami kepada masyarakat Bumiputera yang lebih luas melalui Yayasan Pelaburan Bumiputera pada tahun 2014, dan kami berharap untuk mengulangi kejayaan yang sama pada tahun mendatang.

Sedekad telah berlalu dengan pantas sejak tarikh penubuhan kami dengan pencapaian-pencapaian penting sepanjang perjalanan ini, kemuncaknya adalah *Malaysian Private Equity Forum* dikendalikan oleh kami pada 1 Oktober 2019.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang telah membantu Ekuinas dalam perjalanannya.

Kepada Pengerusi kami yang dikasihi dan kesemua ahli lembaga pengarah, untuk kepimpinan dan bimbingan mereka sepanjang dekad yang lalu dalam membantu Ekuinas mengemudi haluannya. Terdapat pelbagai cabaran serta ganjaran, dan saya akan sentiasa terhutang budi kepada ahli lembaga pengarah atas sokongan dan tunjuk ajar mereka, bukan hanya kepada syarikat malah diri saya sendiri, secara peribadi.

Kepada Dato' Abdul Rahman Ahmad – Saya ingin berterima kasih atas kepercayaan beliau kepada saya, dalam menjemput saya untuk menyertai beliau dalam perjalanan Ekuinas dan menyediakan asas syarikat yang kukuh ketika pembukaan syarikat ini yang telah menjadikan peralihan saya sebagai CEO lebih mudah.

Akhir sekali, dalam menyambut ulang tahun ke-10 Ekuinas, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya kepada kakitangan Ekuinas, masa lalu dan sekarang, kerana menjadi sebahagian daripada perjalanan ini. Aset sebenar sebuah syarikat adalah kakitangan mereka dan oleh itu, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada kamu semua dan sumbangan kamu.

Saya berharap ada pelbagai pencapaian dan peristiwa penting yang kita semua boleh kenang semula dengan kebanggaan dan kegembiraan.

SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

BERDASARKAN MERIT


Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran
hanya berdasarkan prestasi



KEPIMPINAN

- 38 Struktur Korporat
- 39 Maklumat Korporat
- 40 Struktur Organisasi
- 41 Lembaga Pengarah
- 48 Pengurusan Kanan

STRUKTUR KORPORAT



MAKLUMAT KORPORAT



JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
(Pengerusi - sehingga 24 September 2019)
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff
(Pengerusi - berkuat kuasa 24 September 2019)

JAWATANKUASA PELANTIKAN & GANJARAN
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
(Pengerusi)
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Tan Sri Mohamed Azman Yahya

JAWATANKUASA PELABURAN
Tan Sri Mohamed Azman Yahya
(Pengerusi)
Datuk Ali Abdul Kadir
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Nik Johaan Nik Hashim
Idham Ismail
Lim Fu Yen

JAWATANKUASA PELABURAN CSR
Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff
(Pengerusi)
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Nik Johaan Nik Hashim

SETIAUSAHA SYARIKAT
Norsham Abdul Ghani (LS 01203)
Saiful Nizam Yasin (LS 008955)

JURUAUDIT
PricewaterhouseCoopers PLT
Chartered Accountants

BANK UTAMA
Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad
Affin Bank Berhad

ALAMAT BERDAFTAR
Prokhas Sdn Bhd
Tingkat 7, Bangunan Setia 1
15 Lorong Dungun
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

ALAMAT PEJABAT
Ekuiti Nasional Berhad
Level 16, Surian Tower
No. 1, Jalan PJJ 7/3
Mutiar Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

JAWATANKUASA PENGURUSAN
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Ketua Pegawai Eksekutif

Roselinda Hashim
Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat


Idham Ismail
Pengarah Kanan, Pelaburan

Lim Fu Yen
Pengarah Kanan, Pelaburan

Heng Khim Hui
Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio

Nik Johaan Nik Hashim
Pengarah Kanan, Pelaburan/ Hal Ehwal Pihak Berkepentingan (Meletak jawatan pada 31 Disember 2019)

STRUKTUR ORGANISASI



LEMBAGA PENGARAH

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda ialah Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau ialah ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko sehingga 24 September 2019.

Pada masa ini, Raja Arshad turut memegang jawatan-jawatan berikut; Pengerusi Maxis Berhad dan Icon Offshore Berhad. Beliau juga merupakan Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor dan Pengerusi Yayasan Amir, selain menjadi Lembaga Pemegang Amanah bagi Yayasan DayaDiri. Raja Arshad juga adalah Canselor Universiti Selangor.

Raja Arshad adalah mantan Pengerusi Eksekutif di PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia. Beliau juga adalah mantan Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan Pengerusi Danamodal Nasional Berhad. Jawatan dan peranan terdahulu beliau di peringkat antarabangsa termasuk menganggotai Lembaga PwC Global IFRS dan Standards Advisory Council di International Accounting Standards Board.

Raja Arshad merupakan seorang Fellow di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) di mana beliau merupakan anggota Majlis MICPA selama 24 tahun dan pernah menyandang jawatan Presiden selama tiga tahun di dalam tempoh tersebut.

LEMBAGA PENGARAH

SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Ahli Lembaga Pengarah Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau di lantik sebagai CEO pada 1 Mac 2016 dan telah bersama dengan organisasi sejak penubuhan. Beliau mengetuai pasukan Pelaburan sebagai Rakan Pengurusan, Pelaburan sebelum peranannya sekarang. Beliau kini berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah untuk beberapa syarikat portfolio termasuk Orkim Sdn Bhd sebagai Pengerusi dan Icon Offshore Berhad sebagai ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelantikan & Ganjaran.

Syed Yasir Arafat juga ialah seorang ahli Malaysia Venture Capital and Private Equity Development Council (MVCDC) yang di bawah penyeliaan Suruhanjaya Sekuriti.

Sebelum menyertai Ekuinas, beliau meluangkan 15 tahun dalam Perbankan Pelaburan dalam pelbagai organisasi dan kapasiti. Beliau merupakan Pengurus Negara (Perbankan Borong ING) yang menyelia operasi kedua-dua syarikat ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd dan ING Bank (Labuan) di Malaysia. Beliau pernah berkhidmat selama sembilan tahun di ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd bermula sebagai VP Corporate Finance di mana beliau mengendalikan operasi penggabungan dan pengambilalihan (M&A), penubuhan dana ekuiti dan dana berkaitan ekuiti, penubuhan dana pinjaman serta menjadi penasihat kewangan kepada beberapa syarikat peneraju Malaysia yang terlibat dalam bidang perbankan, perladangan, automotif, telekomunikasi dan hartanah.

Sebelum itu, Syed Yasir Arafat pernah berkhidmat di United Overseas Bank (Malaysia) Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Commerce International Merchant Bankers Berhad dan Aseambankers Malaysia Berhad.

Syed Yasir Arafat memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perakaunan dan Pengurusan Kewangan dari University of Essex, United Kingdom.

LEMBAGA PENGARAH

TAN SRI DATO' SERI MOHAMED JAWHAR HASSAN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar ialah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan seorang ahli Jawatankuasa Audit dan Risiko.

Tan Sri Jawhar ialah ahli Majlis Mesyuarat Hubungan Asing, Malaysia dan seorang Pakar dan Tokoh Terkemuka Malaysia bagi Forum Serantau ASEAN (ARF). Beliau juga merupakan seorang Distinguished Fellow bagi beberapa Institusi di Malaysia.

Beliau juga adalah mantan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dalam pelbagai kapasiti sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah ISIS Malaysia pada tahun 1990.

Tan Sri Jawhar juga merupakan mantan Ahli Suruhanjaya di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Tan Sri Dato' Seri Jawhar merupakan mantan ahli Kumpulan Kerja Majlis Ekonomi dan ahli Panel Penasihat, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM). Beliau juga adalah mantan Pengerusi Bersama bagi Majlis Keselamatan di Asia Pasifik (CSCAP).

LEMBAGA PENGARAH

TAN SRI MOHAMED AZMAN YAHYA

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Mohamed Azman Yahya ialah salah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Beliau merupakan Pengerusi Eksekutif Symphony Life Berhad. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Ranhill Holdings Berhad dan AIA Group Limited. Beliau juga adalah Pengerusi Bukan Eksekutif di Sepang International Circuit Sdn Bhd.

Sebelum menceburi bidang perniagaan, Tan Sri Azman pernah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan dan mengetuai Danaharta Nasional Berhad, syarikat pengurusan aset negara dan dilantik sebagai Pengerusi syarikat sehingga tahun 2003. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu menyelesaikan dan menstrukturkan semula hutang bagi syarikat-syarikat berdaya maju sehingga pembubarannya pada tahun 2002.

Kerjaya beliau sebelum ini merangkumi pengalaman bekerja di bidang audit bersama KPMG di London, bidang kewangan bersama Kumpulan Island & Peninsular dan bidang perbankan pelaburan bersama Bumiputra Merchant Bankers dan Amanah Merchant Bank.

Tan Sri Azman memiliki Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) kelas satu dalam bidang Ekonomi dari London School of Economics and Political Science, dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) selain menjadi Fellow di Institut Bank-Bank Malaysia.

Beliau meletakkan jawatannya berkuat kuasa 30 Jun 2019.

LEMBAGA PENGARAH

TAN SRI DR RAHAMAT BIVI YUSOFF

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff ialah Pengarah bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan CSR dan dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko berkuat kuasa 24 September 2019.

Tan Sri Dr Rahamat telah berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam Malaysia selama lebih 30 tahun, bermula sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai) di Kementerian Kewangan (MOF) dan seterusnya memegang pelbagai jawatan, antaranya Pegawai Projek di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Timbalan Pengarah Seksyen Ekonomi Makro di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Pengarah di Suruhanjaya Tenaga, Pengarah di Bahagian Belanjawan dan kemudian dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha di MOF. Pada tahun 2011, beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah EPU, kedudukan yang dipegang olehnya sehingga beliau bersara pada tahun 2017.

Tan Sri Dr Rahamat juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA), Malaysian Nuclear Power Corporation (MNPC), IOI Corporation Berhad (IOI) dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB). Beliau juga merupakan ahli majlis penasihat di Institut Pembangunan Bank Asia.

Tan Sri Dr Rahamat memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia dan Ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Western Michigan, Amerika Syarikat. Beliau juga telah menerima ijazah Kedoktoran dari Australian National University.

LEMBAGA PENGARAH

DATUK ALI ABDUL KADIR

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Ali Abdul Kadir ialah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan.

Datuk Ali Kadir merupakan seorang Fellow di Institute of Chartered Accountant in England and Wales (ICAEW), ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga merupakan Honorary Advisor ICAEW KL City Chapter, Honorary Fellow of Chartered Secretaries & Administrators (UK) dan Institut Pengarah-Pengarah Malaysia.

Pada masa ini, Datuk Ali Kadir merupakan Pengerusi JcbNext Berhad, Privasia Technology Berhad dan Enra Group Berhad. Beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Glomac Berhad, Citibank Berhad, dan syarikat-syarikat swasta serta yaysan-yayasan lain.

Datuk Ali Kadir merupakan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dari 1 Mac 1999 sehingga 29 Februari 2004. Beliau juga pernah memegang kerusi dalam jawatankuasa lain termasuk Jawatankuasa Pelaburan Asing dan Jawatankuasa Pengawasan untuk Syarikat Pengurusan Aset Nasional (Danaharta). Di arena antarabangsa, beliau pernah menjadi ahli Jawatankuasa Eksekutif International Organisation of Securities Commission (IOSCO), Pengerusi Jawatankuasa IOSCO Rantau Asia Pasifik dan Pengerusi Islamic Capital Market Working Group. Beliau juga merupakan bekas Pemegang Amanah bagi Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), Force of Nature Aid Foundation, serta Penasihat kepada Sri Lanka Securities & Exchange Commission.

Sebelum ini, beliau merupakan Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi Ernst & Young dan firma yang berkaitan. Beliau juga merupakan mantan Presiden MICPA, di mana beliau mempengerusikan Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Amalan Insolvensi dan mempengerusikan bersama Company Law Forum. Beliau pernah dilantik sebagai Profesor Tambahan di Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya (2008 hingga 2011) dan kemudian dilantik sebagai ahli Lembaga Penasihat di Fakulti yang sama. Sebelum ini, beliau juga merupakan Pengerusi Milux Corporation Berhad, Microlink Solutions Berhad, Financial Reporting Foundation dan ahli lembaga pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

Datuk Ali Kadir telah dianugerahkan Panglima Jasa Negara oleh YDP Agong pada tahun 2001. Pada tahun 2012, beliau telah dianugerahkan Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat dari ICAEW KL City Chapter, dan Anugerah Presiden dari MICPA.

LEMBAGA PENGARAH

DATO' SAIFUL ANUAR
LEBAI HUSSEN

Pengarah Bukan Eksekutif

Dato' Saiful Anuar Lebai Husen telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) pada 1 Ogos 2019. Beliau merupakan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bermula 14 Februari 2020. Sebelum menjawati jawatan ini, beliau berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada 22 Oktober 2018, sebelum perubahan pada pentadbiran kerajaan dan penstrukturan kementerian dan agensi. Sebelum dilantik menjadi Ketua Pengarah, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Polisi) EPU, JPM dari 21 Ogos 2018 ke 21 Oktober 2018, sebelum EPU dibubar ekoran penubuhan MEA. Beliau bertanggungjawab dalam menyediakan Ulasan Pertengahan Penggal (MTR) Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11), terutamanya dalam kemajuan menyeluruh dan kesejahteraan, pembangunan serantau dan modal insan.

Sebelum ini, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Kementerian Kesihatan dari Januari 2015 ke Ogos 2017. Beliau menyelia pentadbiran, sumber manusia dan hal-hal latihan berkaitan perkhidmatan kesihatan awam di seluruh Malaysia.

Beliau juga pernah bertugas di Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM sebagai Pengarah Kanan Bahagian Polisi dan Pembangunan (April-Disember 2010) dan Pengarah Bahagian Pembangunan (2009-2010). Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di UKAS, beliau bertanggungjawab untuk merangka, melaksana dan memantau pelaksanaan polisi, strategi, program/projek Kerjasama Awam Swasta (PPP) dan pembangunan lima (5) Rantau/Koridor Pembangunan Ekonomi.

Beliau menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga memegang Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Selain itu, beliau juga merupakan ahli lembaga pengarah untuk Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Putrajaya Corporation (PPJ), Johor Corporation (JCorp) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP).

PENGURUSAN KANAN



PENGURUSAN KANAN

PENGURUSAN KANAN

SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif

Profil dibentangkan di halaman 42.

ROSELINDA HASHIM

Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat

Roselinda Hashim adalah Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat di mana beliau mengetuai jabatan perundangan dan kesetiausahaan dan jabatan komunikasi di Ekuinas.

Sebelum ini, Roselinda merupakan Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Perundangan & Kesetiausahaan di Media Prima Berhad selama lima tahun. Sebelum itu, beliau merupakan Rakan Kongsi di Raslan Loong yang memfokuskan kepada penggabungan dan pengambilalihan (M&A), usaha sama, pengaturan semula korporat dan aspek korporat Malaysia dan undang-undang komersil yang lain. Roselinda berkecimpung di dalam hal ehwal perundangan sejak 1996 dan memulakan kariernya di Shearn Delamore & Co.

Roselinda menamatkan pengajian di School of Oriental & African Studies (SOAS), University of London dengan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB, Hons) serta ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM). Beliau dipanggil ke Bar of England and Wales, United Kingdom pada 1994 dan bertugas sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara kepada Malaysian Bar pada tahun 1996. Roselinda menerima lesen untuk berkhidmat sebagai Setiausaha Syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada tahun 2005.

IDHAM ISMAIL

Pengarah Kanan, Pelaburan

Idham Ismail menyertai Ekuinas sebagai Pengarah Kanan, Pelaburan pada Oktober 2016. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan.

Sebelum ini, Idham merupakan Pengarah Pelaburan di Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) selama 11 tahun. Semasa berkhidmat di sana, beliau juga memegang jawatan melibatkan operasi di syarikat portfolio Khazanah iaitu Pos Malaysia Berhad dan Themed Attractions Resorts, di kedua-dua tempat sebagai Ketua Pegawai Strategi.

Sebelum itu, Idham juga berkhidmat di Tenaga Nasional Berhad dan Commerce International Merchant Bankers Berhad di jabatan Kewangan Korporat.

Idham menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam Kejuruteraan Matematik dari University of Bristol, United Kingdom dan Ijazah Sarjana dalam Kewangan dari RMIT University, Australia.

LIM FU YEN

Pengarah Kanan, Pelaburan

Lim Fu Yen adalah Pengarah Kanan, Pelaburan di Ekuinas dan ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Jawatankuasa Pengurusan. Beliau merupakan salah seorang daripada Pengarah Kanan yang bertanggungjawab bersama dalam pelaburan penjagaan kesihatan, pembuatan, dan minyak dan gas (O&G). Sebelum ini, beliau juga terlibat dalam pelaburan sulung Ekuinas dalam sektor teknologi.

Sebelum menyertai Ekuinas, Fu Yen melabur dalam pasaran ekuiti Amerika Utara di Orbis Investment Management, di San Francisco, Amerika Syarikat. Sebelum itu, beliau merupakan perunding pengurusan di Boston Consulting Group yang menyertai projek strategi dan operasi dalam servis kewangan dan sektor minyak dan gas. Beliau telah bekerja secara meluas dalam kedua-dua rantau Asia Tenggara dan Asia Timur.

Fu Yen menamatkan pengajian di Dartmouth College dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Kejuruteraan Sains dan Ekonomi, dan mempunyai Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan (MBA) dari Stanford University Graduate School of Business.

PENGURUSAN KANAN

NIK JOHAAN NIK HASHIM

Pengarah Kanan, Pelaburan/
Hal Ehwal Pihak Berkepentingan

Nik Johaan Nik Hashim ialah Pengarah Kanan, Pelaburan di Ekuinas dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Jawatankuasa Pengurusan. Nik Johaan ialah salah seorang Pengarah Kanan yang mengetuai pelaburan Ekuinas dalam sektor makanan dan minuman (F&B), produk makanan pengguna dan penjagaan kesihatan. Beliau juga bertanggungjawab ke atas unit Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Ekuinas termasuk Pengurusan Pihak Berkepentingan, Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJB) dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Sebelum menyertai Ekuinas, Nik Johaan bertugas di CIMB Investment Bank dan mempunyai pengalaman perbankan lebih 18 tahun terutamanya dalam bidang perbankan pelaburan di mana beliau mengetuai dan mengendalikan urusniaga pasaran modal pinjaman, pensindiketan pinjaman, tawaran awam awal (IPO), penasihat projek dan pelaksanaan penstrukturan semula hutang. Dalam tempoh perkhidmatannya di bank tersebut, beliau juga telah bertugas selama tiga tahun di CIMB Bank sebagai Pengarah Kawasan bagi bahagian perbankan pengguna dan perbankan perniagaan. Jawatan terakhir yang disandang oleh beliau di CIMB ialah Pengarah dan Ketua, Perhubungan Perbadanan Multinasional dan Kerajaan.

Nik Johaan menamatkan pengajian di University of Leicester, United Kingdom dengan ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi dan mempunyai ijazah Sarjana di dalam bidang Perbankan Antarabangsa & Perkhidmatan Kewangan dari University of Reading, United Kingdom.

Beliau meletakkan jawatannya berkuat kuasa 31 Disember 2019.

HENG KHIM HUI

Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio

Heng Khim Hui ialah Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan portfolio. Beliau bekerjasama dengan CEO dan pengurusan kanan syarikat portfolio untuk memacu pertumbuhan dan penciptaan nilai menerusi inisiatif-inisiatif strategik, jualan dan pemasaran, operasi, digital dan IT.

Sebelum menyertai Ekuinas, Khim Hui berkhidmat bersama Boston Consulting Group di mana beliau bekerja dengan MNC dan GLC di Asia Tenggara mengenai topik-topik yang terdiri daripada strategi kemasukan pasaran, strategi pertumbuhan, M&A dan transformasi operasi.

Sebelum itu, beliau berkhidmat di A.T. Kearney dan Accenture. Beliau membawa bersama 12 tahun pengalaman perundingan pengurusan dalam sektor perkhidmatan kewangan, minyak dan gas dan telekomunikasi.

Khim Hui menamatkan pengajian di Imperial College di London dengan Ijazah Kepujian Sarjana Muda Kejuruteraan dan mempunyai Sarjana Sains dari Stanford University, kedua-duanya dalam Kejuruteraan Mekanikal. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan (MBA) dari INSEAD.

PRESTASI

TINGGI


Kami sentiasa berusaha untuk menjangkau sasaran



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

TESIS PELABURAN

Ekuinas bertujuan untuk mengenal pasti semua peluang untuk melabur di syarikat-syarikat bersaiz sederhana di Malaysia untuk mentransformasi dan mengembangkan mereka untuk menjadi peneraju pasaran dan pelaburan yang menguntungkan. Selepas itu Ekuinas akan melupuskan aset tersebut dan menerapkan proses penciptaan nilai yang sama di syarikat-syarikat lain yang layak. Gambaran di bawah adalah unsur utama strategi pelaburan kami.




LAPORAN PRESTASI PELABURAN

A) KESELURUHAN


1. Dana Diterima

JUMLAH DANA TERKUMPUL DITERIMA RM4.0 BILION



2. Penggunaan Dana

MODAL DILABURKAN BERJUMLAH RM3.0 BILION: RM2.8 BILION SUDAH TEREALISASI



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

B) PELABURAN LANGSUNG

1. Tinjauan Dana

EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND	EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND	EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND	EKUINAS DIRECT (TRANCHE IV) FUND
Tahun Penubuhan 2010	Tahun Penubuhan 2012	Tahun Penubuhan 2014	Tahun Penubuhan 2019
Status: Terealisasi Sepenuhnya	Status: Telah Dilaburkan	Status: Sedang Dilaburkan	Status: Sedang Dilaburkan
Modal Komited RM 1.0 BILION	Modal Komited RM 1.0 BILION	Modal Komited RM 1.5 BILION	Modal Komited RM 1.0 BILION
Tempoh 5 + 2 + 1 tahun tahun tahun	Tempoh 5 + 2 + 1.5 tahun tahun tahun	Tempoh 5 + 2 tahun tahun	Tempoh 5 + 2 tahun tahun
JANGKA MASA PELABURAN 3 TAHUN KE 5 TAHUN			
Bentuk & Struktur Rasmi Satu Pengurus Dana dan Satu Pelabur	Tumpuan Pelaburan Buy-Out dan Dana Modal Pertumbuhan	Tumpuan Geografi Malaysia	Tumpuan Industri Pendidikan, Minyak & Gas, FMCG, Peruncitan & Percutian, Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan

2. Aktiviti Pelaburan

a. Aktiviti Pelaburan Langsung tahun 2019

RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
Pelaburan susulan:					
1 Orkim Sdn Bhd (Orkim)	Minyak & Gas	N/A	20.0	-	20.0
2 Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	N/A	183.0	-	183.0
3 Exabytes Capital Group Sdn Bhd (Exabytes)	Perkhidmatan Teknologi	N/A	2.9	-	2.9
Jumlah untuk tahun semasa			205.9	-	205.9

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

b. Aktiviti Pelaburan Langsung Secara Kumulatif sehingga 31 Disember 2019

RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund					
1 Alliance Cosmetics Group (ACG)	FMCG	20.0%	39.9	119.6	159.5
2 Tanjung Offshore Berhad (TOB)	Minyak & Gas	24.0%	99.8	-	99.8
3 Konsortium Logistik Berhad (KLB)	Perkhidmatan	61.6%	241.0	-	241.0
4 APIIT Education Group (APIIT)	Pendidikan	51.0%	102.0	-	102.0
5 Burger King Group (BKM)	Peruncitan - F&B	74.1%	68.2	-	68.2
6 Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)	Peruncitan - F&B	90.0%	30.0	-	30.0
7 Revenue Valley Group (RV)	Peruncitan - F&B	85.8%	64.6	-	64.6
8 Cosmopoint Group (Cosmopoint)	Pendidikan	90.0%	246.0	-	246.0
9 UNITAR International University (UNITAR)	Pendidikan	90.0%	58.5	2.5	61.0
10 Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	70.7%	308.2	-	308.2
Jumlah pelaburan di bawah - Tranche I			1,258.2	122.1	1,380.3
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund					
1 Burger King Group (BKM & BKS)	Peruncitan - F&B	100.0%	99.8	-	99.8
2 Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	17.4%	277.7	-	277.7
3 Primabaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz)	Pembuatan Makanan	100.0%	40.0	-	40.0
4 Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka)	Pendidikan	45.9%	20.3	-	20.3
5 Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)*	Peruncitan - F&B	-	5.0	-	5.0
6 Revenue Valley Group (RV)	Peruncitan - F&B	-	10.0	-	10.0
7 Coolblog Sdn Bhd (Coolblog)	Peruncitan - F&B	60.0%	50.8	-	50.8
8 Orkim Sdn Bhd (Orkim)*	Minyak & Gas	95.5%	436.3	-	436.3
9 Tenby Educare Sdn Bhd (Tenby)	Pendidikan	70.0%	70.0	-	70.0
10 Tranglo Sdn Bhd (Tranglo)	Perkhidmatan Teknologi	60.0%	54.0	-	54.0
Jumlah pelaburan di bawah - Tranche II			1,063.9	-	1,063.9
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund					
1 MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd (Medix)	Penjagaan Kesihatan	60.0%	58.8	-	58.8
2 PMCare Sdn Bhd (PMCare)	Penjagaan Kesihatan	60.0%	21.0	-	21.0
3 ILMU Education Group (ILMU)	Pendidikan	100.0%	150.0	-	150.0
4 Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (Al-Ikhsan)	Peruncitan	35.0%	68.6	-	68.6
5 Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	-	40.0	-	40.0
6 Davex (Malaysia) Sdn Bhd (Davex)	Pembuatan	100.0%	270.0	-	270.0
7 Revenue Valley Group (RV)**	Peruncitan - F&B	85.8%	142.1	-	142.1
8 Cosmopoint Group (Cosmopoint)†	Pendidikan	90.0%	54.7	-	54.7
9 UNITAR International University (UNITAR)**	Pendidikan	90.0%	127.7	-	127.7
10 Icon Offshore Berhad (ICON)†	Minyak & Gas	32.7%	100.1	-	100.1
11 Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG)	Pembuatan	70.0%	175.0	-	175.0
12 Exabytes Capital Group Sdn Bhd (Exabytes)	Perkhidmatan Teknologi	45.4%	100.9	-	100.9
13 ICON Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	15.1%	183.0	-	183.0
Jumlah pelaburan di bawah - Tranche III			1,491.9	-	1,491.9
Jumlah kumulatif pelaburan yang dilaksanakan			3,814.0	122.1	3,936.1

* Termasuk pelaburan susulan


† Pindahan dari Ekuinas Direct (Tranche I) Fund

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

c. Analisis Komposisi Pelaburan


MENGIKUT SEKTOR

- Peruncitan - F&B
- Peruncitan
- FMCG
- Minyak & Gas
- Perkhidmatan
- Pendidikan
- Pembuatan
- Pembuatan Makanan
- Penjagaan Kesihatan
- Perkhidmatan Teknologi




MENGIKUT KATEGORI

- Pelaburan dalam Syarikat Bumiputera/ Malaysia
- Perolehan *Buy-Out* Syarikat Malaysia
- Perolehan aset bukan teras



KAWALAN VS MODAL PERTUMBUHAN

- Kawalan
- Modal Pertumbuhan




LAPORAN PRESTASI PELABURAN


c. Analisis Komposisi Pelaburan (Sambungan)

SYARIKAT TERSENARAI VS SYARIKAT PERSENDIRIAN

- Syarikat Tersenarai
- Syarikat Persendirian

SYARIKAT MANDIRI (*STANDALONE*) VS BELI & BINA

- Syarikat Mandiri (*Standalone*)
- Beli & Bina



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

3. Aktiviti Realisasi

a. Aktiviti Realisasi pada tahun 2019

Syarikat RM juta	Tahun Terealisasi	% Pemegangan Dana Terealisasi	Jumlah Terealisasi	IRR% Tahunan	Gandaan Nilai
Terealisasi sepenuhnya					
APIIT Lanka [^]	2019	100.0	42.1	9.6%	1.6
PrimaBaguz*	2019	100.0	151.1	20.8%	3.6
ICON* [^]	2019	N/A	191.4	3.7%	1.1
Jumlah hasil terealisasi			384.6		

b. Aktiviti Terealisasi Kumulatif pada 31 Disember 2019

Syarikat RM juta	Tahun Terealisasi	% Pemegangan Dana Terealisasi	Jumlah Terealisasi	IRR% Tahunan	Gandaan Nilai
Terealisasi sepenuhnya					
TOB	2012	100.0	62.0	-19.7%	0.6
KLB	2013	100.0	347.4	19.4%	1.5
BKM & BKS [^]	2015	100.0	79.4	-29.1%	0.5
SF [^]	2015	100.0	21.0	-5.4%	0.8
ACG	2016	100.0	61.8	9.0%	1.5
APIIT & Tenby [^]	2017	100.0	848.3	21.9%	2.0
UNITAR & Cosmopoint [#]	2017	100.0	172.5	-4.4%	0.7
RV [#]	2017	100.0	122.1	11.3%	1.8
Tranglo	2018	100.0	114.9	26.9%	2.0
Medix & PMCare	2018	100.0	246.8	40.9%	2.8
APIIT Lanka [^]	2019	100.0	42.1	9.6%	1.6
PrimaBaguz*	2019	100.0	151.1	20.8%	3.6
Separa Terealisasi					
ICON [^]	2014	89.1	645.5	25.5%	1.7
ICON*	2019	N/A	191.4	3.7%	1.1
Jumlah hasil terealisasi			3,106.3		

* Pelupusan disempurnakan pada 2020

[^] Pelupusan pada peringkat dana merentasi pelbagai dana[#] Dipindahkan ke Ekuinas Direct (Tranche III) Fund

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

4. Prestasi Syarikat Portfolio

Prestasi Syarikat Portfolio – Gabungan Hasil dan EBITDA

	Hasil (RM juta)			EBITDA (RM juta)*		
	2019 A	2018 B	% Pertumbuhan A - B	2019 A	2018 B	% Pertumbuhan A - B
Kumpulan Pendidikan	91.2	95.1	-4.1%	4.9	-3.0	>100.0%
Kumpulan Makanan	267.5	278.5	-4.0%	33.6	27.8	20.9%
ICON	201.1	199.7	0.7%	69.9	64.9	7.7%
Orkim	182.0	188.9	-3.7%	98.9	103.3	-4.2%
Al-Ikhsan	332.4	285.4	16.5%	31.1	24.1	29.1%
Kumpulan Pembuatan	336.2	503.3	-33.2%	36.1	76.4	-52.7%
Exabytes	69.4	55.4	25.3%	15.0	9.2	63.0%
Jumlah Syarikat Portfolio	1,479.8	1,606.4	-7.9%	289.5	302.7	-4.3%

* EBITDA tidak termasuk sebarang butiran tidak berulang dan luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

5. Prestasi Dana

5.1 Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

a. Nilai Aset Bersih (NAB) pada 31 Disember 2019

	2018	Perubahan dalam tahun	2019
	RM juta	RM juta	RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,000.0	-	1,000.0
B. Modal Dipanggil	1,065.1	40.8	1,105.9
C. Modal Dilabur Semula	4.8	5.4	10.2
D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)	1,069.9	46.3	1,116.1
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	85.0	(10.0)	75.0
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	1,154.9	36.3	1,191.1
Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	17.3	0.2	17.5
Keuntungan Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	277.7	84.1	361.8
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	188.2	3.0	191.2
Perbelanjaan Faedah	6.9	5.5	12.4
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	490.1	92.8	582.9
Perbelanjaan Organisasi	(195.2)	(31.7)	(226.8)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(552.4)	(20.7)	(573.1)
Peningkatan/(Pengurangan) Bersih dalam Nilai Aset Bersih	(257.5)	40.4	(217.1)
G. Nilai Aset Bersih	897.4	76.7	974.1
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	680.6	(20.2)	660.4
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	277.7	84.1	361.8
Pelaburan pada Nilai Saksama	958.3	63.9	1,022.2
Tambah: Baki Tunai	17.0	21.4	38.4
Tambah: Baki Kerja	(77.9)	(8.6)	(86.5)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	897.4	76.7	974.1
Nilai Aset Bersih	897.4	76.7	974.1
H. Modal Diagihkan	547.6	15.3	562.9
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	1,445.0	92.0	1,536.9
IRR Kasar Tahunan	14.0%		13.5%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	9.8%		9.6%

* Termasuk pengagihan modal dilabur semula

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

b. Prestasi Portfolio Ekuinas Direct (Tranche II) Fund pada 31 Disember 2019

Syarikat	Kepentingan %	Kos Pelaburan# RM juta
Pelaburan:		
ICON	9.6	51.1
ICON*	-	150.0
PrimaBaguz*	100.0	40.0
RV	-	10.0
Coolblog	60.0	45.8
Orkim	95.5	321.8
		618.7
Pelupusan:		
BKS	100.0	47.2
BKM	20.9	52.6
ICON	7.8	76.6
SF	-	5.0
Tenby	70.0	70.0
Tranglo	60.0	52.8
APIIT Lanka	45.9	20.3
		324.4
Jumlah		943.1

* Kos pelaburan mewakili jumlah pelaburan komited yang digunakan, jumlah bersih pembiayaan


* Pelupusan disempurnakan pada tahun 2020

PULANGAN KASAR PORTFOLIO		JUMLAH NILAI PORTFOLIO
RM 582.9 JUTA		RM 1.5 BILION
Pendapatan Dividen	Pertambahan Dalam Nilai Saksama	IRR %
RM 17.5 juta	RM 361.8 juta	IRR Kasar
		13.5 % setahun
Keuntungan dari Pelupusan	Pendapatan Faedah Bersih	IRR Bersih
RM 191.2 juta	RM 12.4 juta	9.6 % setahun

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

c. Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul Ekuinas Direct (Tranche II) Fund


NILAI PORTFOLIO SEHINGGA KINI SEBANYAK RM1,562.0 JUTA



^A Jumlah digabung membentuk Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM582.9 juta pada tahun 2019
[#] Jumlah bersih pembiayaan

d. Perubahan Nilai Portfolio Ekuinas Direct (Tranche II) Fund pada 31 Disember 2019

PULANGAN KASAR PORTFOLIO BAGI TAHUN SEMASA SEBANYAK RM92.8 JUTA



^A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2018 bernilai RM490.1 juta
^B Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2019 bernilai RM582.9 juta
^C Jumlah digabung membawa kepada perubahan pada tahun ini bernilai RM92.8 juta
[#] Jumlah bersih pembiayaan

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

5.2 Ekuinas Direct (Tranche III) Fund

a. Nilai Aset Bersih (NAB) pada 31 Disember 2019

	2018	Perubahan dalam tahun	2019
	RM juta	RM juta	RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,500.0	-	1,500.0
B. Modal Dipanggil	988.7	6.7	995.4
C. Modal Dilabur Semula	10.8	23.1	33.9
D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)	999.5	29.8	1,029.3
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	205.0	(15.0)	190.0
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	1,204.5	14.8	1,219.3
Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	50.7	(9.8)	40.9
Keuntungan Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	28.5	(390.0)	(361.5)
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	(21.0)	183.8	162.8
Perbelanjaan Faedah	(4.7)	(8.0)	(12.7)
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	53.5	(224.0)	(170.5)
Perbelanjaan Organisasi	(181.6)	(16.2)	(197.8)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(127.0)	(23.1)	(150.1)
Peningkatan/(Pengurangan) Bersih dalam Nilai Aset Bersih	(255.1)	(263.3)	(518.4)
G. Nilai Aset Bersih	949.4	(248.4)	701.0
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	1,010.1	(8.1)	1,002.0
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	28.5	390.0	361.5
Pelaburan pada Nilai Saksama	1,038.6	398.1	640.4
Tambah: Baki Tunai	7.3	17.0	24.3
Tambah: Baki Kerja	(61.5)	132.7	71.2
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	(35.0)	-	(35.0)
Bersamaan Nilai Aset Bersih	949.4	(248.4)	701.0
Nilai Aset Bersih	949.4	(248.4)	701.0
H. Modal Diagihkan	116.3	-	116.3
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	1,065.7	(248.4)	817.3
IRR Kasar Tahunan	4.5%		-10.8%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	N/M[#]		N/M[#]

* Termasuk pengagihan modal untuk dilabur semula
[#] Tidak dibentangkan kerana dana sedang dilaburkan

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

b. Prestasi Portfolio Ekuinas Direct (Tranche III) Fund pada 31 Disember 2019

Syarikat	Kepentingan %	Kos Pelaburan [#] RM juta
Pelaburan:		
ILMU	-	13.8
Al-Ikhsan	35.0	67.3
ICON*	-	20.0
Davex	100.0	76.5
RV	85.8	133.4
Cosmopoint	90.0	54.7
UNITAR	90.0	109.2
ICON	32.7	100.1
FVG	70.0	52.5
Exabytes	45.4	73.6
		701.0
Pelupusan:		
ILMU	-	136.2
Medix & PMCare	60.0	79.8
		216.0
Jumlah		917.0

[#] Kos pelaburan mewakili jumlah pelaburan komited yang digunakan, jumlah bersih pembiayaan
^{*} Pelupusan disempurnakan pada tahun 2020

PULANGAN KASAR PORTFOLIO

RM 170.5 JUTA

JUMLAH NILAI PORTFOLIO

RM 0.7 BILION

IRR %

IRR Kasar

-10.8% SETAHUN

IRR Bersih

N/M*

Pendapatan Dividen

RM 40.9 JUTA

Pengurangan Dalam Nilai Saksama

RM 361.5 JUTA

Keuntungan dari Pelupusan

RM 162.8 JUTA

Perbelanjaan Faedah Bersih


RM 12.7 JUTA

* Tidak dibentangkan kerana dana sedang dilaburkan

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

c. Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul Ekuinas Direct (Tranche III) Fund


NILAI PORTFOLIO SEHINGGA KINI SEBANYAK RM746.5 JUTA



^A Jumlah digabung membentuk Kerugian Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM170.5 juta pada tahun 2019
[#] Jumlah bersih pembiayaan

d. Perubahan Nilai Portfolio Ekuinas Direct (Tranche III) Fund pada 31 Disember 2019

KERUGIAN KASAR PORTFOLIO BAGI TAHUN SEMASA SEBANYAK RM224.0 JUTA




^A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2018 bernilai RM53.5 juta
^B Jumlah digabung membawa kepada Kerugian Kasar Portfolio terkumpul tahun 2019 bernilai RM170.5 juta
^C Jumlah digabung membawa kepada perubahan pada tahun ini bernilai RM224.0 juta
[#] Jumlah bersih pembiayaan

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

6. Pengagihan












Jumlah Dikomited RM500.0 juta
 Jumlah Diagihkan setakat 31 Disember 2019 RM200.0 juta

RANGKA KERJA PENGAGIHAN



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO

 <p>COSMOPOINT GROUP</p> <p>Jenis Pelaburan Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p>Tarikh Pemerolehan Mac 2012</p> <p>Pemilikan 90.0%</p>	 <p>UNITAR INTERNATIONAL UNIVERSITY</p> <p>Jenis Pelaburan Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p>Tarikh Pemerolehan Mei 2012</p> <p>Pemilikan 100.0%</p>	 <p>REVENUE VALLEY SDN BHD</p> <p>Jenis Pelaburan Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p>Tarikh Pemerolehan Januari 2012</p> <p>Pemilikan 85.8%</p>	
 <p>ICON OFFSHORE BHD</p> <p>Jenis Pelaburan Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p>Tarikh Pemerolehan November 2012, penggabungan antara TKS dan Omni</p> <p>Pemilikan 57.4%</p> <p>Pelupusan Separa Jun 2014</p>	 <p>DAVEX (MALAYSIA) SDN BHD</p> <p>Jenis Pelaburan Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p>Tarikh Pemerolehan Disember 2017</p> <p>Pemilikan 100.0%</p>	 <p>PRIMABAGUZ SDN BHD</p> <p>Jenis Pelaburan Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p>Tarikh Pemerolehan November 2013</p> <p>Pemilikan 100.0%</p> <p><i>Pelupusan disempurnakan pada tahun 2020</i></p>	 <p>ORKIM SDN BHD</p> <p>Jenis Pelaburan Pelaburan buy-out aset bukan teras syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)</p> <p>Tarikh Pemerolehan December 2014</p> <p>Pemilikan 95.5%</p>
 <p>FLEXI VERSA GROUP SDN BHD</p> <p>Jenis Pelaburan Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p>Tarikh Pemerolehan April 2018</p> <p>Pemilikan 70.0%</p>	 <p>COOLBLOG DESSERTS SDN BHD</p> <p>Jenis Pelaburan Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p>Tarikh Pemerolehan Julai 2014</p> <p>Pemilikan 60.0%</p>	 <p>AL-IKHSAN SPORTS SDN BHD</p> <p>Jenis Pelaburan Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p>Tarikh Pemerolehan Julai 2016</p> <p>Pemilikan 35.0%</p>	 <p>EXABYTES CAPITAL GROUP SDN BHD</p> <p>Jenis Pelaburan Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p>Tarikh Pemerolehan Mac 2019</p> <p>Pemilikan 45.4%</p>

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

KUMPULAN PENDIDIKAN



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

RASIONAL PELABURAN

- Industri yang besar dengan potensi pertumbuhan yang kukuh
- Kumpulan pendidikan yang mempunyai rekod prestasi yang tinggi

KUMPULAN COSMOPPOINT

Jenis Pelaburan: Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Tarikh Pemerolehan: Mac 2012	Pemilikan: 90.0%
--	--	----------------------------

- Ditubuhkan: 1991
- Lokasi: Kuala Lumpur + 11 kolej di seluruh negara
- Jenis pendidikan: Pengajian tinggi
- Pengkhususan: Program kursus berkaitan industri termasuk IT, Pengurusan Perniagaan, Seni Kulinari, Penyiaran dan Multimedia
- Populasi pelajar: Lebih daripada 3,500

UNITAR INTERNATIONAL UNIVERSITY

Jenis Pelaburan: Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Tarikh Pemerolehan: Mei 2012	Pemilikan: 100.0%
--	--	-----------------------------

- Ditubuhkan: 1997
- Lokasi: Selangor + 7 pusat serantau bebas
- Jenis pendidikan: Pengajian tinggi dan kursus pensijilan profesional
- Pengkhususan: Program pendidikan di peringkat Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah serta sijil profesional untuk mengembangkan capaian pembelajaran yang berkualiti melalui program pembelajaran konvensional dan jarak jauh.
- Populasi pelajar: Lebih kurang 5,000

	2019 Tidak Diaudit RM juta	2018 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	91.2	95.1	-4.1
EBITDA sebelum EI	4.9	(3.0)	>100.0
Bilangan Pelajar	8,755	9,440	-7.3

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

KUMPULAN MAKANAN



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan di dalam jenama makanan dan minuman (F&B) yang kukuh
- Pelaburan di dalam industri F&B, dipacu oleh peningkatan perbelanjaan pengguna
- Mewujudkan kehadiran serantau dengan segera melalui operasi di Malaysia, Singapura dan Thailand
- Kumpulan pengurusan yang berpengalaman dan peluang untuk membentuk dan membangun pengurus profesional muda

REVENUE VALLEY SDN BHD



Jenis Pelaburan: Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Tarikh Pemerolehan: Januari 2012	Pemilikan: 85.8%
--	--	----------------------------

- Ditubuhkan: 2002
- Cawangan milik korporat: 43
- Cawangan francais: 31
- Jenis: Makanan kasual dan restoran perkhidmatan segera (QSR)

COOLBLOG DESSERTS SDN BHD (COOLBLOG)

Jenis Pelaburan: Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Tarikh Pemerolehan: Julai 2014	Pemilikan: 60.0%
--	--	----------------------------

- Ditubuhkan: 2007
- Jumlah cawangan: Lebih daripada 270 cawangan di Malaysia
- Jenis: Pencuci mulut dan minuman berkonsep kiosk dan bawa pulang

PRIMABAGUZ SDN BHD*

Jenis Pelaburan: Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Tarikh Pemerolehan: November 2013	Pemilikan: 100.0%
--	---	-----------------------------

- Ditubuhkan: 1987
- Mengilang dan mengedar produk berasaskan daging premium yang halal seperti sosej, daging sejuk, produk dan sos sedia dimakan.
- Membekalkan produk ke Restoran Perkhidmatan Segera (QSR), hotel, restoran dan katerer (HORECA) serta pemborong.

	2019 Tidak Diaudit RM juta	2018 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	267.5	278.5	-4.0
EBITDA sebelum EI	33.6	27.8	20.9
Bilangan Pelajar	348	342	1.8

El: Butiran luar biasa

* Pelupusan disempurnakan pada tahun 2020

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

RASIONAL PELABURAN

- Rekod prestasi pertumbuhan yang kukuh
- Platform untuk membina salah sebuah syarikat OSV tempatan terbesar

Jenis Pelaburan: Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Tarikh Pemerolehan: November 2012, penggabungan antara TKS dan Omni	Pemilikan: 57.4%	Pelupusan separa: Jun 2014
--	---	----------------------------	--------------------------------------

- Icon Offshore Berhad (ICON) ialah syarikat penyedia perkhidmatan Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) terbesar di Malaysia dan antara yang terbesar di Asia Tenggara dari segi jumlah kapal OSV
- Syarikat memiliki 30 buah kapal yang beroperasi di perairan Malaysia dan Brunei. Kapal-kapal tersebut mempunyai sejarah operasi antarabangsa di lebih daripada enam negara di rantau Asia Tenggara



	2019 Tidak Diaudit RM juta	2018 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	201.1	199.7	0.7
EBITDA sebelum EI	69.9	64.9	7.7
PAT sebelum EI	(25.4)	(36.1)	29.6

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

RASIONAL PELABURAN

- Rekod prestasi yang kukuh
- Syarikat yang mantap dan mempunyai prospek pertumbuhan yang menggalakkan

Jenis Pelaburan: Pelaburan <i>buy-out</i> aset bukan teras syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)	Tarikh Pemerolehan: Disember 2014	Pemilikan: 95.5%
--	---	----------------------------

- Salah sebuah syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) terkemuka di Malaysia
- Rekod prestasi pertumbuhan yang kukuh dengan 17 buah kapal di bawah hak milik dan pengurusan
- Mengangkut CPP dari kilang penapisan ke pelbagai terminal penyimpanan minyak di seluruh negara dan pada masa ini memiliki 40.0% bahagian daripada pasaran terkemuka



	2019 Tidak Diaudit RM juta	2018 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	182.0	188.9	-3.7
EBITDA sebelum EI	98.9	103.3	-4.2

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan ke dalam pembekal barangan sukan pelbagai jenama terkemuka di Malaysia dengan pemilikan lebih 35% bahagian pasaran
- Peluang untuk pertumbuhan keuntungan melalui peningkatan operasi dan pertumbuhan jualan

Jenis Pelaburan: Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Tarikh Pemerolehan: Julai 2016	Pemilikan: 35.0%
---	--	----------------------------

- Al-Ikhsan merupakan pembekal barangan sukan pelbagai jenama terkemuka dengan pemilikan sebanyak 127 cawangan. Syarikat ini membekalkan peralatan sukan, pakaian dan kasut dari jenama terkenal seperti Adidas, Nike, Puma, Asics dan Lotto
- Al-Ikhsan merupakan pemilik utama bagi jenama AL dan pasaran pelbagai barangan sukan di bawah tanda dagangan AL



	2019 Tidak Diaudit RM juta	2018 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	332.4	285.4	16.5
EBITDA sebelum EI	31.1	24.1	29.1

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan ke dalam pasaran luminair yang berkembang pesat
- Syarikat yang bertapak teguh di serantau

Jenis Pelaburan: Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Tarikh Pemerolehan: Disember 2017	Pemilikan: 100.0%
--	---	-----------------------------

- Syarikat reka bentuk, perundingan dan pembuatan lampu tempatan ditubuhkan pada 1983
- Keutamaannya adalah dalam segmen luminair dan menyediakan kelengkapan pencahayaan menyeluruh untuk pelanggan sektor komersil, perindustrian dan kediaman. Beroperasi di bawah jenama *Davis Lighting*
- Membekalkan produk untuk projek terkemuka berskala besar seperti Menara Berkembar Petronas, Putrajaya, Lapangan Terbang Changi dan Program Perumahan Awam (Singapura)



	2019 Tidak Diaudit RM juta	2018 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	103.4	230.0	> -100.0
EBITDA sebelum EI	(1.0)	35.4	> -100.0

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

RASIONAL PELABURAN

- Hubungan kukuh dengan syarikat besar Pengilang Peralatan Asal (OEM)
- Keupayaan pembuatan yang pelbagai dengan kehadiran di pasaran serantau

Jenis Pelaburan: Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Tarikh Pemerolehan: April 2018	Pemilikan: 70.0%
--	--	----------------------------

- Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG) terlibat dalam reka bentuk, pembuatan dan pemasangan kotak pembesar suara audio
- FVG juga menumpukan kepada pengacuan suntikan, pemotongan termoplastik/komponen elekto-mekanik dan pembuatan antara muka digital grafik untuk industri Elektrik dan Elektronik (E&E)



FLEXI VERSA GROUP SDN BHD

	2019 Tidak Diaudit RM juta	2018 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	232.9	273.3	-14.8
EBITDA sebelum EI	37.2	41.2	-9.7

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

RASIONAL PELABURAN

- Platform untuk menjadi peneraju pasaran Asia Tenggara dalam pengehosan internet dan awan SME
- Prospek pertumbuhan industri masa depan yang mantap, didorong oleh pendigitalan korporat dan pengembangan ekonomi internet

Jenis Pelaburan: Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Tarikh Pemerolehan: Mac 2019	Pemilikan: 45.4%
---	--	----------------------------

- Exabytes ditubuhkan pada 2001 sebagai sebuah syarikat pengehosan internet
- Sebuah peneraju pasaran di Malaysia dan utama di Singapura dan Indonesia, digabungkan dengan lebih 140,000+ pelanggan aktif SME, 60,000 akaun pengehosan dan 100,000+ domain di bawah pengurusan



EXABYTES CAPITAL GROUP SDN BHD

	2019 Tidak Diaudit RM juta	2018 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	69.4	55.4	25.3
EBITDA sebelum EI	15.0	9.2	63.0

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN KISAH KEJAYAAN

APIIT LANKA

LATAR BELAKANG

Ditubuhkan pada tahun 2000, APIIT Lanka ialah kerjasama antarabangsa antara Asia Pacific University of Technology and Innovation (APIIT Group) dan Expolanka Holdings PLC yang menumpukan pada melatih pelajar dalam Pengurusan Perniagaan dan Perkomputeran/ Teknologi Informasi. APIIT Lanka juga mempunyai hubungan bersama pelbagai universiti bereputasi tinggi di United Kingdom dan Australia, menjadikannya sebagai salah satu universiti swasta terbaik di Sri Lanka.



MAKLUMAT PELABURAN

Ekuinas mula mengambil alih 83.5% kepentingan dalam APIIT Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka) pada tahun 2013.

RASIONAL PELABURAN

1. Pelaburan dalam APIIT Lanka adalah pelaburan susulan melalui APIIT Group untuk mengembangkan portfolio pendidikan Ekuinas.
2. APIIT Lanka adalah peneraju industri pengajian tinggi swasta di Sri Lanka, menawarkan kelayakan ijazah sarjana muda dan pasca ijazah yang dianugerahkan oleh Staffordshire University, UK merentasi pelbagai bidang.

PRESTASI

Pada tahun 2013, Ekuinas melihat APIIT Lanka sebagai satu peluang untuk menyokong yang dahulunya syarikat portfolio, APIIT Group bagi mengembangkan kehadirannya di luar negara. Kekuatannya sebagai penyedia pendidikan dengan teras teknologi yang kuat menambah kepada usaha sama. Tambahan kepada penarikan jenama dan kedudukan yang kukuh dalam pasaran Sri Lanka yang sedang berkembang, pelaburan dalam APIIT Lanka juga telah membuka pintu bagi Kumpulan memasuki pasaran pertumbuhan tinggi.

Ketika di bawah pemilikan Ekuinas, APIIT Lanka telah melalui satu tempoh kajian pelaburan yang berjaya dan pengesahan semula peruntukan pendidikannya. Selepas itu, mereka menerima pakai kurikulum yang telah disemak semula dan ditambah baik untuk ijazah yang ditawarkan dan menerima pengesahan untuk menawarkan beberapa ijazah baharu, Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sistem Informasi, Ijazah Sarjana Muda Seni (Kepujian) Pengurusan Pelancongan, Ijazah Sarjana Muda Seni (Kepujian) Pengurusan Majlis, Ijazah Sarjana Kewangan Islam dan Perakaunan,

Ijazah Sarjana Sistem Informasi dan LLM Undang-Undang Perniagaan Antarabangsa.

Berdasarkan kekuatan reputasi APIIT Lanka di Sri Lanka, strategi Ekuinas untuk memperkuatkan perniagaan dengan mengenal pasti kawasan-kawasan lain di Sri Lanka bagi pengembangan telah berhasil. Selepas pertimbangan, kampus baru di Kandy telah dilancarkan pada tahun 2018 yang telah memberikan kolej itu platform untuk meningkatkan perniagaannya melalui pelbagai cara daripada meningkatkan pengambilan pelajar dengan meneroka pasaran yang mempunyai permintaan tinggi untuk pendidikan tinggi hingga ke memperbanyakkan bilangan program yang ditawarkan.

Ekuinas juga melaksanakan inisiatif penciptaan nilai untuk menambah baik penawarannya kepada pelajar-pelajar melalui pelaburan terhadap kelengkapan baharu, terutamanya untuk Fakulti Perkomputeran sejajar dengan kemajuan teknologi, dan juga mewajibkan latihan industri untuk meningkatkan kebolehpekerjaan pelajar.

Sebelum pelupusannya, APIIT Lanka telah mencatatkan pertumbuhan yang konsisten sepanjang tempoh pelaburan Ekuinas. Ia telah menjana pendapatan sebanyak RM18.2 juta dan keuntungan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) sebanyak RM8.8 juta pada TK2018, peningkatan sebanyak 26.3% dan 66.9% daripada tahun 2013.

MAKLUMAT PELUPUSAN

Pada Julai 2019, Ekuinas, bersama rakan minoritinya, melupuskan keseluruhan kepentingan ekuitinya dalam APIIT Lanka berdasarkan nilai perusahaan kira-kira RM41.0 juta kepada BG Investments Pte Ltd (BG Investments). Pelupusan ini menghasilkan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Kasar sebanyak 17.7% bersamaan 2.2 kali modal dilaburkan.

LAPORAN PRESTASI PELABURAN KISAH KEJAYAAN

PrimaBaguz

LATAR BELAKANG

Ditubuhkan pada tahun 1987, PrimaBaguz ialah pembuatan produk berasaskan daging halal premium dan berkualiti tinggi seperti, sosej, potongan daging, bebola daging, daging burger, sup dan sos. Mereka bekerjasama dan membekalkan kepada pemain industri tempatan dan antarabangsa, khususnya di dalam segmen restoran khidmat pantas (QSR) dan hotel, restoran dan syarikat catering (HORECA), dan juga pemborong.

Kini, PrimaBaguz menghasilkan lebih daripada 100 produk dan menawarkan kepada lebih 15 jenama di Malaysia dan 10 negara lain.



MAKLUMAT PELABURAN

Pada Oktober 2013, Ekuinas mengambil alih 100% kepentingan dalam Primabaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM40.0 juta.

RASIONAL PELABURAN

PrimaBaguz adalah peneraju pasaran dalam segmen daging halal premium yang diproses dan juga peneraju pembekal kepada restoran khidmat pantas (QSR) terkenal seperti Subway, Pizza Hut, Domino's Pizza dan Burger King.

Melalui PrimaBaguz, Ekuinas berupaya untuk memiliki bahagian pasaran dalam pasaran domestik makanan halal yang di proses yang semakin berkembang dan ketara, dan juga industri yang menguntungkan didorong oleh pasaran QSR Malaysia dan potensi untuk pertumbuhan eksport.

PRESTASI

Sepanjang tempoh pelaburan, Pelan Penciptaan Nilai (VCP) menumpukan kepada inisiatif-inisiatif tertentu yang mampu mempergunakan kelebihan dan kedudukan PrimaBaguz dan juga menukar aspek tertentu perniagaan dan operasi untuk melancarkan kemajuan syarikat dan bahagian pasaran. Di bawah VCP, PrimaBaguz telah melalui beberapa inisiatif transformasi merangkumi penambahbaikan kapasiti dan peningkatan operasi, mempelbagaikan rantaian pembuatan produk bagi memenuhi penyesuaian produk klue yang berbeza dan hubungan strategik pembekal dengan rangkaian restoran makanan segera yang terkenal, dan juga memperkuat pihak pengurusan.

Penambahbaikan ini ialah asas kepada pengembangan pantas jejak pelanggan tempatan dan serantau PrimaBaguz yang membawa kepada peningkatan pendapatan sebanyak 75.0% sejak penglibatan kami.

Trajektori pertumbuhan syarikat dan pencapaian tidak dilupakan begitu sahaja, ini dibuktikan dengan jumlah perbidaan yang diterima Ekuinas yang menarik banyak minat pihak tempatan (termasuk Bumiputera) dan pihak antarabangsa.

MAKLUMAT PELUPUSAN

Ekuinas telah berjaya melupuskan 100.0% ekuitinya dalam syarikat peneraju pembuatan produk berasaskan daging halal premium, PrimaBaguz kepada Johnsonville International LLC (Johnsonville) berdasarkan nilai perusahaan sebanyak RM175.0 juta. Pelupusan ini telah menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) sebanyak 20.8% dan 3.6 kali modal dilaburkan.





LAPORAN PRESTASI PELABURAN

C) PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

1. Tinjauan Dana

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND		EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND	
Tahun Penubuhan 2011		Tahun Penubuhan 2013	
Status: Telah Dilaburkan		Status: Telah Dilaburkan	
MODAL KOMITED			
Ekuinas RM 400.0 JUTA		Ekuinas RM 240.0 JUTA	
LP Lain RM 151.9 JUTA		LP Lain RM 110.1 JUTA	
Jumlah RM 551.9 JUTA		Jumlah RM 350.1 JUTA	
Tempoh 6 + 1 + 1 + 1 tahun tahun tahun tahun	Jangka Masa Pelaburan 3 ke 6 tahun tahun	Tempoh 7 + 1 tahun tahun	Jangka Masa Pelaburan 3 ke 7 tahun tahun
Fokus Pelaburan Pertumbuhan Modal Malaysia			
Sektor Keutamaan Minyak & Gas, Pendidikan, FMCG, Peruncitan & Percutian, Penjagaan Kesihatan, Perkhidmatan			

2. Profil Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) yang dilantik

 NAVIS CAPITAL PARTNERS Nama Dana Navis Malaysia Growth Opportunities Fund 1, L.P.	 TAEL PARTNERS Nama Dana TAEL Tijari (OFM) L.P.	 RM CAPITAL PARTNERS (RMCP) Nama Dana RMCP One Sdn Bhd	 COPE PRIVATE EQUITY Nama Dana COPE Opportunities 3 Sdn Bhd
Saiz Dana RM301.9 juta	Saiz Dana RM101.0 juta	Saiz Dana RM109.1 juta	Saiz Dana RM80.0 juta

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

3. Aktiviti Pelaburan

a. Aktiviti Pelaburan Kumulatif Program Penyumberan Luar pada 31 Disember 2019

RM juta	Dana	Sektor	Pelaburan Komited oleh OFM			Pelaburan Bersama Pelabur Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
			Pelaburan Komited Ekuinas	LP Lain	Jumlah OFM		
Atelier Asia Sdn Bhd (Atelier)*	Navis MGO	FMCG	15.0	6.5	21.5	-	21.5
MCAT Box Office Sdn Bhd (MBO)*	Navis MGO	Peruncitan & Percutian	16.8	4.2	21.0	119.7	140.7
SEG International (SEGI)*	Navis MGO	Pendidikan	43.5	19.0	62.5	214.5	277.0
Strateq Sdn Bhd (Strateq)*	Navis MGO	Perkhidmatan	39.0	22.5	61.5	-	61.5
HG Power Transmission Sdn Bhd (HGPT)*	Navis MGO	Perkhidmatan	30.1	13.2	43.3	-	43.3
Brickfields Asia College (BAC)	Navis MGO	Pendidikan	34.8	15.2	50.0	-	50.0
Macroiosk Sdn Bhd (Macroiosk)	CNEF	Perkhidmatan	21.1	13.3	34.4	-	34.4
R.E.A.L Education Group (REAL)	CNEF	Pendidikan	28.1	4.9	33.0	-	33.0
Mega Fortris Innovation (Malaysia) Sdn Bhd (Mega Fortris)	TAP	Pembuatan	18.0	7.0	25.0	-	25.0
Big Sdn Bhd (Big Group)	Navis MGO	F&B dan Peruncitan	17.6	4.4	22.0	-	22.0
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche I			264.0	110.2	374.2	334.2	708.4
STX Precision Corporation Sdn Bhd (STX)	COPE	Perkhidmatan	12.0	4.0	16.0	19.0	35.0
Consobiz Ventures Sdn Bhd (Consobiz)	RMCP	FMCG	8.3	6.7	15.0	-	15.0
Excelvite Sdn Bhd (Excelvite)	TAEL	Pembuatan	5.9	4.1	10.0	-	10.0
Romstar Sdn Bhd (Romstar)	RMCP	Pembuatan	12.0	9.8	21.8	-	21.8
Packerman Sdn Bhd (Packerman)	RMCP	Pembuatan	12.0	9.8	21.8	-	21.8
MBG Holdings Sdn Bhd (MBG)	COPE	F&B dan Peruncitan	7.5	2.5	10.0	-	10.0
My Sutera Holding Sdn Bhd (MySutera)	COPE	Pembuatan	11.3	3.7	15.0	-	15.0
Tanamera Group Sdn Bhd (Tanamera)	RMCP	FMCG	6.6	5.4	12.0	-	12.0
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche II			75.6	46.0	121.6	19.0	140.6
Jumlah Kumulatif Pelaburan yang dilaksanakan			339.6	156.2	495.8	353.2	849.0

* Termasuk pelaburan susulan

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

4. Prestasi Dana

4.1 Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2019

	2018 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2019 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	400.0	-	400.0
B. Modal Dipanggil	307.7	-	307.7
C. Modal Dilabur Semula	26.0	3.3	29.4
D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)	333.7	3.3	337.0
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	-	-	-
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	333.7	3.3	337.0
Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	-	-	-
Keuntungan Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	83.6	51.2	134.8
Keuntungan Direalisasi daripada Pelupusan	9.9	-	9.9
Pendapatan/(Perbelanjaan) Faedah	-	-	-
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	93.5	51.2	144.7
Perbelanjaan Organisasi	(13.7)	-	(13.7)
Insentif Rakan Am	-	(2.1)	(2.1)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(171.9)	(3.3)	(175.2)
Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam Nilai Aset Bersih	(92.2)	45.8	(46.3)
G. Nilai Aset Bersih	241.5	49.1	290.6
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	145.1	(33.5)	111.6
Keuntungan Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	83.6	51.2	134.8
Pelaburan pada Nilai Saksama	228.7	17.7	246.4
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Modal Kerja	12.9	31.5	44.4
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	241.5	49.1	290.6
Nilai Aset Bersih	241.5	49.1	290.6
H. Modal Diagihkan	145.9	-	145.9
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	387.5	49.1	436.6
IRR Kasar Tahunan	5.7%		7.4%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	4.8%		6.5%

* Termasuk pengagihan modal dilabur semula.

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

4.2 Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund














Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2019

	2018 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2019 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	240.0	-	240.0
B. Modal Dipanggil	93.2	1.3	94.4
C. Modal Dilabur Semula	-	-	-
D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)	93.2	1.3	94.4
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	-	-	-
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	93.2	1.3	94.4
Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	-	-	-
Kerugian Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(10.9)	(4.7)	(15.6)
Kerugian Direalisasi daripada Pelupusan	(2.3)	-	(2.3)
Pendapatan/(Perbelanjaan) Faedah	-	-	-
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	(13.2)	(4.7)	(17.9)
Perbelanjaan Organisasi	(5.7)	(0.0)	(5.7)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	-	-	-
Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih	(18.9)	(4.7)	(23.7)
G. Nilai Aset Bersih	74.2	(3.4)	70.8
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	84.9	0.3	85.2
Kerugian Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(11.0)	(4.7)	(15.6)
Pelaburan pada Nilai Saksama	73.9	(4.4)	69.6
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Modal Kerja	0.3	0.9	1.2
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	74.2	(3.4)	70.8
Nilai Aset Bersih	74.2	(3.4)	70.8
H. Modal Diagihkan	-	-	-
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	74.2	(3.4)	70.8
IRR Kasar Tahunan	-4.8%		-5.2%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	-6.5%		-6.6%

* Termasuk pengagihan modal dilabur semula.

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

SYARIKAT PORTFOLIO DI BAWAH PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

 <p>MCAT BOX OFFICE SDN BHD (MBO) Butiran Transaksi OFM: Navis Capital Partners Sektor: Peruncitan & Percutian Tarikh Pemerolehan: Mac 2012</p>	 <p>SEG INTERNATIONAL BERHAD (SEGi) Butiran Transaksi OFM: Navis Capital Partners Sektor: Pendidikan Tarikh Pemerolehan: Mac 2012</p>	 <p>STRATEQ SDN BHD Butiran Transaksi OFM: Navis Capital Partners Sektor: Perkhidmatan Tarikh Pemerolehan: Mac 2013</p>	 <p>BRICKFIELDS ASIA COLLEGE Butiran Transaksi OFM: Navis Capital Partners Sektor: Pendidikan Tarikh Pemerolehan: November 2013</p>
 <p>BIG SDN BHD (F&B) Butiran Transaksi OFM: Navis Capital Partners Sektor: Makanan & Minuman Tarikh Pemerolehan: Disember 2014</p>	 <p>STX PRECISION CORPORATION SDN BHD Butiran Transaksi OFM: CMS Opus Private Equity Sektor: Perkhidmatan Tarikh Pemerolehan: Disember 2013</p>	 <p>CONSOBIZ VENTURES SDN BHD Butiran Transaksi OFM: RM Capital Partners Sektor: Barangan Pengguna Laris (FMCG) Tarikh Pemerolehan: Februari 2014</p>	 <p>EXCELVITE SDN BHD Butiran Transaksi OFM: TAEI Capital Partners Sektor: Pembuatan Tarikh Pemerolehan: April 2015</p>
 <p>ROMSTAR SDN BHD Butiran Transaksi OFM: RM Capital Partners Sektor: Pembuatan Tarikh Pemerolehan: Januari 2016</p>	 <p>PACKERMAN SDN BHD Butiran Transaksi OFM: RM Capital Partners Sektor: Pembuatan Tarikh Pemerolehan: Julai 2016</p>	 <p>MBG HOLDINGS SDN BHD Butiran Transaksi OFM: COPE Private Equity Sektor: Peruncitan - Makanan & Minuman Tarikh Pemerolehan: Ogos 2016</p>	 <p>TANAMERA GROUP SDN BHD Butiran Transaksi OFM: RM Capital Partners Sektor: Barangan Pengguna Laris (FMCG) Tarikh Pemerolehan: April 2017</p>
 <p>MY SUTERA HOLDINGS SDN BHD Butiran Transaksi OFM: COPE Private Equity Sektor: Pembuatan Tarikh Pemerolehan: April 2017</p>			

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

D) PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

a. Nilai Ekuiti Bumiputera dan Nilai Ekonomi Keseluruhan

Jumlah bagi Syarikat Portfolio	BUMIPUTERA				KESELURUHAN SYARIKAT			
	Sebelum Kemasukan Ekuinas	Pada 31 Dis	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan bagi Modal Dilabur	Sebelum Kemasukan Ekuinas	Pada 31 Dis	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan bagi Modal Dilabur
2019	2,381.4	5,619.8	5,396.6	1.5x	5,715.2	7,756.3	6,870.8	1.9x
2018	2,367.6	4,940.6	4,976.8	1.5x	5,501.1	7,809.9	6,647.3	2.0x

b. Syarikat Portfolio - Pengurusan dan Kakitangan Bumiputera

	Bilangan Kakitangan Bumiputera	Jumlah Keseluruhan Kakitangan	% Bumiputera daripada Jumlah Keseluruhan Kakitangan	Peningkatan % Bumiputera selepas Kemasukan Ekuinas
2019				
Pengurusan	242	691	35.0%	23.5%
Kakitangan	9,867	17,162	57.5%	14.1%
2018				
Pengurusan	241	592	40.7%	24.9%
Kakitangan	10,120	17,325	58.4%	17.3%

E) EKUITI NASIONAL BERHAD - SYARIKAT PENGURUSAN DANA

Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurusan Dana)	2019 RM juta	2018 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	4,140.0	3,140.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)	38.6	43.8
Nisbah OPEX kepada FuM	0.9%	1.4%
Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat (PAT)	12.8	7.3

FOKUS

Kami sentiasa fokus dalam usaha untuk mencapai objektif kami

TADBIR URUS KORPORAT

- 90 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 100 Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
- 106 Laporan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Risiko
- 110 Dasar Pendedahan

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PENGENALAN

Oleh kerana Ekuinas bukan sebuah entiti tersenarai, syarikat tidak perlu mematuhi syarat-syarat pendedahan tadbir urus korporat yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) atau Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Walau bagaimanapun, sebagai syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas memberikan komitmen penuh untuk bersifat telus dalam menyediakan laporan berkualiti untuk Laporan Tahunan Syarikat.

Oleh yang demikian, pendedahan di dalam seksyen ini telah disediakan berdasarkan amalan tadbir urus korporat terbaik yang digariskan oleh Bursa Malaysia, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 serta Dasar Pendedahan Ekuinas. Pendedahan meliputi Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman serta Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko. Penyata-penyata ini diharap dapat menyediakan maklumat penting yang bermakna berkenaan amalan tadbir urus Ekuinas kepada semua pihak berkepentingan.

Sehubungan itu, kami ingin menekankan bahawa semua ahli Lembaga Pengarah Ekuinas telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia, dan secara tidak langsung adalah pemegang saham muktamad Syarikat. Walau bagaimanapun, untuk tujuan laporan ini, kami telah mengklasifikasikan pengarah yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan (dan tidak berada di dalam perkhidmatan Kerajaan selama dua tahun) sebagai Pengarah Bebas, iaitu bebas dari pihak Pengurusan dan bebas daripada sebarang perniagaan atau hubungan lain yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan perniagaan. Pengarah yang bukan di dalam lingkungan takrifan ini dianggap sebagai Pengarah Bukan Bebas.



Imbas kod QR ini untuk melayari bahagian Tadbir Urus di laman web rasmi Ekuinas

RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Sebagai syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Ekuinas komited untuk mencapai standard tertinggi dalam tadbir urus korporat dan dengan itu, telah melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Ekuinas di peringkat Syarikat di samping menggalakkan amalan tadbir urus yang mantap dalam Rangka Kerja ini di semua syarikat portfolio kami.

Satu rangka kerja tadbir urus korporat yang pragmatik telah dibangunkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan diguna pakai oleh Ekuinas berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

I MENGGALAKKAN
ketelusan,
kebertanggungjawaban dan
tindakan responsif

II MENGUKUHKAN
penciptaan nilai jangka masa
panjang dan mengimbangi antara
risiko dan pulangan

III MENGGALAKKAN
inovasi dan keusahawanan
di dalam Syarikat melalui
kecekapan pemerhatian
rangka kerja pengurusan
risiko

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

PENYATA TADBIR URUS YANG BAIK	PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN
Lembaga Pengarah dan Jawatan	Sistem dan Kawalan Dalaman
Peranan dan Tanggungjawab Pengarah	Rangka Kerja Audit Dalaman
Pengurusan Pihak Berkepentingan	Rangka Kerja Pengurusan Risiko
Kebertanggungjawaban dan Audit	Rangka Kerja Audit Luaran

KOD ETIKA

KOD ETIKA PENGARAH	KOD ETIKA KAKITANGAN	KOD PERILAKU PENYELIA PERKHIDMATAN
Dasar Penipuan dan Pemberian Maklumat		
Dasar Anti Rasuah dan Anti Korupsi (ABC)		
Pendedahan dan Urusniaga Sekuriti		

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Ekuinas mengiktiraf peranan penting semua ahli Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusannya dalam merumus dan menentukan hala tuju serta operasi Ekuinas. Ekuinas diterajui dan diurus oleh ahli Lembaga Pengarah yang berpengalaman luas dan berkemahiran tinggi dari pelbagai latar belakang meliputi sektor Kerajaan dan sektor swasta, dan mereka ini amat penting dalam menentukan hala tuju strategik keseluruhan Ekuinas.

Sepanjang tahun kewangan ini, Lembaga Pengarah terus memastikan standard tadbir urus yang tertinggi diamalkan demi melindungi dan meningkatkan nilai pihak-pihak berkepentingan.

Sebagai sebahagian daripada amalan terbaik dalam tadbir urus korporat, Lembaga Pengarah telah meluluskan Piagam Tadbir Urus yang menggariskan prinsip-prinsip tadbir urus penting untuk diguna pakai oleh Lembaga Pengarah dan Syarikat. Piagam ini merangkumi, antara lain, perkara-perkara berikut:

- Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah;
- Komposisi Lembaga Pengarah;
- Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- Mesyuarat dan Sokongan Lembaga Pengarah;
- Pengasingan Kuasa;
- Kod Perilaku;
- Perwakilan Kuasa;
- Pengurusan dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan; dan
- Proses Audit dan Kawalan Dalaman

Piagam Tadbir Urus yang diguna pakai menetapkan nilai-nilai utama, prinsip dan etos Ekuinas. Dalam hal ini, Piagam Tadbir Urus berfungsi bukan sahaja sebagai peringatan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, tetapi juga sebagai satu pernyataan umum hasrat dan jangkaan tentang bagaimana Lembaga Pengarah akan melaksanakan tugas mereka.

Penyata ini menghuraikan bagaimana Ekuinas mengguna pakai prinsip-prinsip dan syor-syor utama amalan yang baik sejajar dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (Kod) dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR).

TANGGUNGJAWAB DAN HAD BIDANG KUASA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Ekuinas telah menubuhkan Had Bidang Kuasa yang memperuntukkan kuasa membuat keputusan sepenuhnya kepada Lembaga berkenaan perkara-perkara tertentu seperti:

- Pemerolehan dan pelupusan pelaburan;
- Pelan tahunan, bajet dan strategi Syarikat;
- Dasar-dasar utama, prosedur dan perwakilan kuasa syarikat; dan
- Perubahan kepada Pengurusan Kanan dan Eksekutif.

Selain daripada urusan yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah secara khusus, Lembaga Pengarah meluluskan sebahagian besar transaksi yang melebihi had nilai ambang tertentu, namun mewakilkan kuasa untuk transaksi di bawah had-had tersebut kepada pihak Pengurusan untuk mengoptimumkan kecekapan operasi.

KOMPOSISI DAN KESEIMBANGAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah adalah seramai enam (6) ahli yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, seorang (1) Pengarah Eksekutif sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), tiga (3) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang (1) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Dua (2) Pengarah Bebas telah melebihi tempoh kumulatif selama sembilan (9) tahun dan dikekalkan sebagai Pengarah Bebas oleh Syarikat.

Struktur semasa Lembaga Pengarah dan integriti setiap individu Pengarah memastikan bahawa tiada seorang individu atau kumpulan yang menguasai proses membuat keputusan. Dua pertiga daripada ahli Lembaga Pengarah adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, melebihi keperluan satu pertiga seperti yang dinyatakan dalam Kod dan MMLR. Ini mencerminkan komitmen Lembaga Pengarah untuk mengekalkan perwakilan Pengarah Bebas yang kukuh dalam Lembaga Pengarah juga untuk memastikan objektiviti dalam semua isu yang dibincangkan.

Lembaga Pengarah diterajui oleh ahli-ahli yang aktif dan berpengalaman, dengan latar belakang profesional yang berbeza meliputi pengalaman industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, serta kawal selia dan perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam usaha memantapkan hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas dalam mengorak langkah menjadi firma ekuiti persendirian terkemuka.

Pelantikan dan Pemilihan Semula Lembaga Pengarah

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC), demi memastikan saiz tersebut adalah kondusif untuk tujuan perbincangan dan proses membuat keputusan yang berkesan serta memastikan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai bilangan pengarah bebas yang sewajarnya. Jawatankuasa tersebut juga berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang berkesan di kalangan para Pengarah, termasuk mengelakkan potensi konflik kepentingan.

NRC menentukan dan menyemak profil yang dikehendaki oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara atau Pengarah baru perlu dilantik, NRC akan mengkaji semula kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri ahli dan komposisi Lembaga Pengarah. NRC akan mengenalpasti keperluan Ekuinas dan menyediakan senarai pendek calon yang mempunyai profil bersesuaian untuk dicalonkan atau dicalonkan semula. Sekiranya perlu, NRC juga boleh memohon nasihat daripada perunding luar bidang sumber manusia.

Keahlian NRC terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan majoritinya adalah Pengarah Bebas. Maklumat terperinci mengenai skop dan fungsi NRC boleh didapati di halaman 93 di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa jawatankuasa lembaga pengarah (Jawatankuasa Lembaga Pengarah) telah ditubuhkan, seperti berikut:

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko	Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran
Jawatankuasa Pelaburan	Jawatankuasa CSR

Fungsi dan Bidang Tugas (TOR) bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan di mana berkenaan, mematuhi saranan Kod. Kuasa dan bidang tugas akan disemak secara berkala untuk memastikan kandungannya kekal relevan dan dikemaskini.

Saranan dan keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dicatat dan direkodkan di dalam minit mesyuarat. Ringkasan laporan dan pertimbangan setiap Jawatankuasa ini seterusnya dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah. Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan TOR utamanya adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif iaitu:

Pengerusi:

Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff
(berkuat kuasa 24 September 2019)

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
(sehingga 24 September 2019)

Ahli:

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Datuk Ali Abdul Kadir

Butiran lanjut berkenaan TOR dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko sepanjang tahun kewangan ini dibentangkan di halaman 106 - 109 Laporan Tahunan ini.

b. Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC) dianggotai oleh dua Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, di mana kesemuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tiada sebarang hubungan perniagaan atau hubungan lain yang mampu menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Ahli-ahlinya terdiri daripada:

Pengerusi:

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Ahli:

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Tan Sri Mohamed Azman Yahya
(meletak jawatan berkuat kuasa 30 Jun 2019)

Sebanyak dua (2) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan ini dan rekod kehadiran setiap ahli disediakan di dalam jadual di halaman 95.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Bidang Tugas

Tanggungjawab utama NRC, selaras dengan bidang tugasnya, adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

a. Fungsi Utama

Berkenaan pencalonan, tugas-tugas jawatankuasa ini termasuklah:

- mencalon dan mencadangkan calon-calon untuk dilantik sebagai Pengarah Syarikat kepada Lembaga Pengarah;
- semasa membuat saranan, mempertimbangkan calon pengarah yang dicadangkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) atau oleh mana-mana eksekutif kanan atau pengarah atau pemegang saham;
- mencadangkan calon-calon pengarah untuk menganggotai Jawatankuasa Lembaga Pengarah kepada Lembaga Pengarah;
- membantu Lembaga Pengarah membuat penilaian tahunan berhubung kepelbagaian kemahiran, pengalaman dan ciri-ciri lain yang diperlukan, termasuk keupayaan utama yang harus dimiliki oleh Pengarah Bukan Eksekutif sebagai anggota Lembaga Pengarah; dan
- membantu Lembaga Pengarah melaksanakan program penilaian tahunan untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap pengarah, secara keseluruhan.

Berhubung dengan ganjaran, tanggungjawab NRC merangkumi perkara berikut:

- menentukan dan mengesyorkan rangka kerja atau dasar umum bagi pakej ganjaran CEO, dan mana-mana ahli Pengurusan lain yang perlu dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah;
- membangunkan prosedur rasmi dan telus untuk merangka dasar berkenaan jumlah pakej ganjaran individu bagi CEO dan ahli Pengurusan lain termasuk bonus, insentif dan opsyen saham;
- menyemak dan mengesyorkan sebarang penambahbaikan kepada dasar dan pakej ganjaran kumpulan Pengurusan serta isu-isu lain yang berkaitan dengan ganjaran Pengurusan kepada Lembaga Pengarah pada setiap tahun;
- menyemak sebarang perubahan ketara dalam struktur ganjaran kakitangan di seluruh Syarikat, dan jika dianggap wajar, membuat saranan kepada Lembaga Pengarah untuk menerima perubahan sedemikian; dan
- menyemak dan mengesyorkan penggunaan rangka kerja bagi skim insentif tahunan Syarikat kepada Lembaga Pengarah. Rangka kerja skim insentif tahunan ini merangkumi:

- Kenaikan gaji berasaskan merit;
- Bonus berasaskan merit; dan
- Insentif pengekalan dan ganjaran.

b. Bidang kuasa

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya berkaitan dengan isu ganjaran:

- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan daripada mana-mana kakitangan Syarikat dalam melaksanakan tugasnya; dan
- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang nasihat undang-undang atau profesional luar termasuk nasihat perunding bebas berhubung ganjaran, dan jika perlu, memastikan penasihat luar ini hadir semasa mesyuaratnya serta mendapatkan maklumat terkini dan boleh dipercayai berkenaan ganjaran yang ditawarkan di syarikat-syarikat lain, di mana segala perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat.

NRC mempunyai kuasa penuh untuk mengarahkan supaya sebarang laporan atau tinjauan dibuat untuk membantu memenuhi kewajipannya sekiranya perlu.

c. Mesyuarat

- Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila perlu.
- Notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari untuk mengadakan mesyuarat NRC perlu diberikan kepada ahli-ahli NRC yang berada di Malaysia.
- Korum dicapai apabila mana-mana dua ahli hadir.
- Pengerusi mesyuarat mempunyai undi pemutus apabila bilangan undi adalah sama.
- Resolusi yang ditandatangani oleh semua ahli NRC disifatkan sebagai resolusi yang diluluskan semasa mesyuarat NRC bersidang, dan boleh merangkumi beberapa dokumen dalam bentuk yang serupa, yang mana setiap satunya ditandatangani oleh seorang atau lebih daripada seorang ahli NRC.

Ringkasan Aktiviti pada tahun 2019

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, NRC melaksanakan beberapa aktiviti utama seperti berikut:

- Menjalankan penilaian tahunan ke atas komposisi dan kebebasan Pengarah Bebas;
- Mengkaji dan mempertimbangkan pembaharuan pelantikan/ kontrak Pengurusan Kanan Ekuinas;
- Mempertimbangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ekuinas bagi tahun kewangan berakhir 2018, Pembayaran Bonus dan Kenaikan Gaji Berasaskan Merit bagi tahun 2019; dan
- Mengkaji Cadangan Rangka Kerja KPI bagi tahun kewangan berakhir 2019.

c. Jawatankuasa Pelaburan (IC)

Jawatankuasa Pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan sekurang-kurangnya seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Struktur ini merupakan struktur yang lazimnya dipraktikkan di sebahagian besar firma ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan pelaburan dibuat tepat pada masanya dengan pengawasan yang mencukupi, komitmen yang teguh dan kebertanggungjawaban pihak kakitangan profesional.

Tanggungjawab dan fungsi utama Jawatankuasa Pelaburan termasuk:-

- meluluskan cadangan bagi semua keputusan pelaburan dan pelupusan yang dibuat oleh Ekuinas;
- meluluskan semua keputusan berkaitan pengurusan pelaburan yang dibuat oleh Ekuinas; dan
- mengkaji kualiti dan kebolehpercayaan semua maklumat kewangan yang berkaitan dengan pelaburan.

d. Jawatankuasa CSR (CC)

Jawatankuasa CSR (CC), yang dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan untuk mengkaji semula dan memantau program-program CSR Ekuinas serta memastikan Syarikat melaksanakan tadbir urus dan kawalan dalaman bagi aktiviti CSR pada standard tertinggi. Kumpulan Pengurusan dikehendaki memaklumkan aktiviti-aktiviti dan program-program CSR kepada Jawatankuasa CSR dan/atau Lembaga Pengarah apabila diarahkan.

Tanggungjawab dan fungsi utama CC termasuk:

- mengkaji dan meluluskan pelan tahunan CSR Ekuinas, termasuk peruntukan untuk pelbagai program dan inisiatif CSR, berdasarkan jumlah peruntukan bagi CSR Ekuinas yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti CSR; dan
- membincangkan sebarang isu serius berkaitan projek-projek CSR yang mempunyai implikasi kewangan atau reputasi kepada Ekuinas.

e. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh CEO dan terdiri daripada kumpulan Pengurusan Kanan, ditubuhkan untuk membantu ARMC dan Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. RMC bermesyuarat pada setiap suku tahun untuk mengkaji laporan risiko suku tahunan hingga membentangkan laporan tersebut kepada ARMC.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan tentang prestasi, rancangan dan usul Syarikat yang dibuat oleh pihak Pengurusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada penghujung tahun kewangan untuk mempertimbang dan meluluskan belanjawan Syarikat bagi tahun berikutnya. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah akan diadakan apabila perlu bagi mempertimbangkan hal-hal yang memerlukan keputusan segera pihak Lembaga Pengarah.

Jadual bagi mesyuarat Lembaga Pengarah diserahkan kepada semua ahli sebelum permulaan setiap tahun kewangan untuk merancang dan mendapatkan komitmen masa daripada semua Pengarah.

Kehadiran di Mesyuarat-Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Rekod kehadiran para Pengarah di Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Lembaga Pengarah	ARMC ¹	NRC ²	IC ³	CC ⁴
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	6/6	3/3	2/2	-	-
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	5/6	4/4	2/2	-	-
Datuk Ali Abdul Kadir	6/6	1/1	-	1/1	-
Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff	6/6	4/4	-	-	1/1
Tan Sri Mohamed Azman Yahya ⁵	4/4	-	1/1	1/1	-
Dato' Saiful Anuar Lebai Hussien ⁶	2/2	-	-	-	-
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir	6/6	-	-	1/1	-

Nota

¹ ARMC – Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

² NRC – Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran

³ IC – Jawatankuasa Pelaburan

⁴ CC – Jawatankuasa CSR

⁵ Meletak jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif berkuat kuasa 30 Jun 2019. Kehadiran mencerminkan bilangan mesyuarat yang dijadualkan sewaktu Pengarah memegang jawatan.

⁶ Dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif berkuat kuasa 1 Ogos 2019. Kehadiran mencerminkan bilangan mesyuarat yang dijadualkan sewaktu Pengarah memegang jawatan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

MENGEKALKAN LEMBAGA PENGARAH YANG BEBAS, MANTAP DAN BERKESAN**Ketidaksandaran dan Imbangan Kuasa**

Untuk memastikan keseimbangan kuasa, jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif tidak dipegang oleh individu yang sama. Pengasingan yang jelas bagi kedua-dua peranan ini menggalakkan perdebatan dan perbincangan yang konstruktif di peringkat Lembaga Pengarah. Penggabungan kedua-dua jawatan ini boleh menimbulkan sikap berat sebelah dan menjejaskan keupayaan dan kesanggupan para Pengarah Bebas untuk membuat pertimbangan mereka secara bebas. Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif tiada kaitan antara satu sama lain.

Pengerusi, yang bersifat bukan eksekutif, menerajui dan memudah cara tugas Lembaga Pengarah semasa bermesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan, kecekapan serta fungsi Lembaga Pengarah, di samping memastikan prinsip dan proses Lembaga Pengarah sentiasa terpelihara. CEO bertanggungjawab menyediakan dan melaksanakan strategi, dasar serta pengendalian operasi Ekuinas bagi pihak Lembaga Pengarah.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang merupakan individu-individu berkelayakan tinggi dan terbilang, saling berkongsi pengetahuan yang mendalam tentang bidang masing-masing. Mereka tidak turut serta di dalam operasi harian dan tidak terlibat di dalam sebarang urusan perniagaan atau perhubungan lain dengan Ekuinas. Ini adalah untuk memastikan mereka mampu melakukan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan Ekuinas. Profil ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti yang dibentangkan di halaman 41 - 47 Laporan Tahunan ini.

Penilaian Tahunan Bebas untuk Pengarah Bebas

Lembaga Pengarah, melalui NRC, menjalankan penilaian bebas ke atas semua Pengarah Bebas sepanjang tahun kewangan. Kriteria penilaian bebas dipandu oleh definisi "pengarah bebas" yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia MMLR. Selain itu, semua Pengarah juga mengemukakan pengisytiharan pematuhan kepada Kod Etika Pengarah.

KOD PERILAKU

Ekuinas telah menerima pakai Kod Etika Pengarah untuk semua Pengarah Ekuinas yang berasaskan prinsip-prinsip keikhlasan, integriti, tanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Penggunaan Kod Etika Pengarah memformalkan nilai-nilai etika di seluruh Syarikat dan memastikan pematuhannya.

Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan memikul tanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:

- bimbingan strategik kepada Ekuinas dengan menentukan objektif-objektif Ekuinas dan cara untuk mencapainya;
- meningkatkan nilai jangka panjang bagi pihak berkepentingan Ekuinas di samping memelihara dan melindungi nilai-nilai asas Ekuinas untuk kepentingan mereka;
- memantau secara efektif pengurusan Ekuinas termasuk sistem kawalan dan akauntabilitinya;
- melulus dan memantau kemajuan perbelanjaan modal yang besar, pengurusan modal dan pemerolehan/pelupusan pelaburan;
- memantau pematuhan semua obligasi undang-undang, cukai dan kawal selia;
- mengkaji semula dan mengesahkan sistem pengurusan risiko dan pematuhan dalaman serta kawalan, kod perilaku, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang dan dasar-dasar korporat penting yang lain;
- memantau prestasi pihak Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, di samping memastikan ketersediaan sumber yang berkaitan;
- melulus dan memantau laporan kewangan dan lain-lain kepada pasaran, kakitangan dan pihak berkepentingan; dan
- melulus pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luaran.

GANJARAN PARA PENGARAH

Objektif dasar Syarikat berkenaan ganjaran Pengarah adalah untuk menarik dan mengekalkan Pengarah berkaliber tinggi yang diperlukan untuk menerajui Syarikat ke arah mencapai kejayaan. Bagi Pengarah Eksekutif, unsur-unsur komponen ganjaran dirangka agar ganjaran berkait rapat dengan prestasi korporat dan juga individu. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif pula, tahap imbuhan adalah berdasarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tersebut.

NRC mengesyorkan rangka kerja bagi pakej ganjaran untuk Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab muktamad meluluskan ganjaran Pengarah Eksekutif.

Butiran ganjaran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, secara agregat, dikategorikan ke dalam komponen yang berkenaan, adalah seperti berikut:

Ganjaran	Jumlah Keseluruhan (RM)
Gaji/Bayaran	2,472,607
Ganjaran lain (contoh, Elaun dan kelebihan lain)	640,037


Ganjaran yang dibayar kepada para pengarah sepanjang tahun dianalisis mengikut julat yang sesuai adalah seperti berikut:

Kadar ganjaran (RM)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
Bawah RM100,000		2
RM100,000 – RM200,000		4
Lebih RM1,000,000	1	

LATIHAN PENGARAH

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan pendidikan yang berterusan untuk para Pengarah bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi dan menyelesaikan cabaran yang dihadapi. Program-program latihan, persidangan dan seminar yang dianggap memberi manfaat kepada para Pengarah dikenal pasti secara berterusan dan Syarikat memperuntukkan bajet yang khusus untuk latihan bagi menyokong pembangunan berterusan para Pengarah. Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai perniagaan Syarikat termasuk menerusi taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu strategik berkaitan bidang atau industri tertentu.

Program latihan dan pembangunan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah, termasuk penglibatan mereka sebagai pembentang/penceramah dalam konvensyen di dalam dan luar negara mengenai topik yang relevan kepada peranan mereka semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

**AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN KHIDMAT NASIHAT BEBAS**

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasannya, pihak Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan laporan kewangan menyeluruh secara berkala. Lazimnya, pihak Pengurusan berusaha untuk mengemukakan agenda mesyuarat bersama satu set kertas kerja Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat berkaitan kepada ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Ini adalah untuk memberi masa yang secukupnya kepada ahli Lembaga Pengarah untuk mengkaji, menimbang dan memahami dengan lebih dalam perkara-perkara yang akan dibincangkan sebelum mesyuarat diadakan. Justeru, perbincangan mesyuarat akan lebih tertumpu kepada soalan-soalan berkaitan perkara-perkara berbangkit.

Kertas Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang distrukturkan dengan kemas, konsisten, ringkas dan tepat yang memberikan maklumat kuantitatif dan kualitatif, agar keputusan terbaik dapat dibuat. Kertas Lembaga Pengarah merangkumi antara lainnya:

- Minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah terdahulu;
- Kesemua Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah terdahulu;
- Laporan hal-hal yang berbangkit;
- Laporan berkenaan perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah;
- Laporan kewangan suku tahunan dan laporan prestasi Pelaburan Syarikat; dan
- Perkara penting lain yang perlu dibincangkan dan diluluskan.

CEO, dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) hadir di pembentangan ini untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada ahli Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah mempunyai akses bebas kepada CEO, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luaran pada bila-bila masa dirasakan perlu. Lembaga Pengarah boleh memohon nasihat profesional bebas mengikut budi bicara, sekiranya perlu, bagi memastikan ketersediaan maklumat dan nasihat yang lengkap sebelum keputusan penting diambil.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga Pengarah menyediakan agenda mesyuarat serta mentadbir, menghadiri dan menyediakan minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah, serta memastikan aliran maklumat yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan jawatankuasanya. Pihak Pengurusan juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan dan proses tadbir urus yang mantap dalam Syarikat.

INTEGRITI DALAM LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah berhasrat untuk menyediakan dan membentangkan laporan penilaian prestasi kewangan syarikat yang seimbang dan bermakna dalam semua pendedahan yang dibuat kepada pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah, dibantu oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, menyelia proses dan kualiti laporan kewangan, di samping mengkaji semula dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah juga mengkaji kesesuaian dan perubahan kepada dasar-dasar perakaunan Syarikat, serta memastikan penyata kewangan ini mematuhi keperluan dan peraturan perakaunan serta amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko juga bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, dan ini adalah satu forum di mana juruaudit luar boleh menyatakan, antara lain, sebarang kebimbangan mengenai aspek pematuhan penyata kewangan. Semua piawaian perakaunan yang berkaitan telah diterima pakai, tertakluk kepada apa-apa penjelasan bagi perbezaan ketara yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

KEBEBASAN JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, telah mewujudkan hubungan rasmi dan telus dengan juruaudit dalaman dan luar Syarikat. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko bersidang secara berkala dengan juruaudit luar dan dalaman untuk membincangkan dan mengkaji pelan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang penemuan audit, serta membuat cadangan untuk kelulusan pihak Lembaga Pengarah. Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, selaras dengan keperluan amalan terbaik.

Lembaga Pengarah menyedari potensi konflik kepentingan yang mungkin timbul jika juruaudit luar Syarikat terlibat dalam menyediakan perkhidmatan lain bukan audit kepada Syarikat. Untuk mengurangkan risiko ini, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko melaksanakan penilaian

prestasi, kebebasan dan fi juruaudit luar secara tahunan. Laporan Tahunan Syarikat juga menzahirkan fi yang diterima oleh juruaudit luar untuk kerja-kerja bukan audit.

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang memberikan jaminan munasabah mengenai operasi yang cekap dan berkesan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, serta prosedur dan garis panduan dalaman.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang memberikan gambaran tentang keseluruhan keadaan kawalan dalaman di dalam Syarikat, dibentangkan di halaman 100 dalam Laporan Tahunan ini.

Fungsi Audit Dalaman

Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada Pengurusan untuk mencapai objektif perniagaan dalam had etika perniagaan dan standard tadbir urus yang baik. Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), yang juga beroperasi sebagai fungsi audit dalaman, melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, yang mana menunjukkan komitmen Syarikat dalam memastikan kewibawaan rangka kerja tadbir urus.


Struktur pelaporan CGRM adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:



PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

UNIT INTEGRITI DAN TADBIR URUS (IGU)

Lembaga Pengarah telah merasmikan penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus (IGU) di bawah Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) sebagai sokongan kepada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dalam menggalakkan budaya yang lebih telus, bertanggungjawab dan berintegriti. NACP bertujuan untuk mengubah negara menuju ke negara yang berintegriti dan bebas rasuah. Lembaga Pengarah juga telah meluluskan pelantikan Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) sebagai Pegawai Integriti untuk Ekuinas. IGU bertanggungjawab untuk empat fungsi utama seperti diilustrasi di bawah dan melaporkan setiap suku tahun kepada Lembaga Pengarah dan hal-hal berkaitan integriti dan inisiatif-inisiatif anti rasuah.



HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Ekuinas berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memenuhi peranan dan objektifnya sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan. Syarikat mengakui kepentingan untuk mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti bagi menjayakan dan memastikan hubungan yang produktif dengan pihak berkepentingan Syarikat. Oleh itu, Syarikat memberi penekanan mengenai kepentingan pengedaran maklumat dan ketelusan kepada orang awam dan pihak berkepentingan.

Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan

Syarikat mengamalkan dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang komprehensif dan dasar ini sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar tersebut menyediakan panduan bagaimana Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk masyarakat awam, badan kerajaan dan pihak berkuasa, demi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya.

Selain daripada siaran akhbar dan pengumuman, Syarikat menggunakan laman web sebagai saluran komunikasi utama untuk menyebarkan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan dan orang awam.

Syarikat komited untuk memastikan khalayak awam dapat mengakses maklumat tersebut dengan mudah melalui laman sesawangnya di www.ekuinias.com.my.

Sebarang pertanyaan mengenai Ekuinas boleh diajukan kepada:

Telefon : 03-7710 7171

Faks : 03-7710 7173

Perkara Umum

Unit Komunikasi

E-mel: info@ekuinias.com.my

Perkara Tadbir Urus Korporat

Unit Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko

E-mel: governance@ekuinias.com.my

Saluran Pemberian Maklumat

Laporan Pemberian Maklumat

E-mail: whistleblowing@ekuinias.com.my

Penyata Tadbir Urus Korporat ini selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 16 Mac 2020.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman menurut perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaaraan Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR). Ini adalah untuk menggalakkan tadbir urus korporat dan amalan terbaik, meskipun MMLR tidak diaplikasikan terhadap Syarikat.


TANGGUNGJAWAB

Dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi memastikan kecukupan dan integriti memuaskan melalui proses kajian, pemantauan dan jaminan. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa sistem ini hanya boleh memberikan jaminan yang munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap kerugian ketara, penipuan, kenyataan yang tidak tepat dan pelanggaran undang-undang atau peraturan.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah di mana tanggungjawab utamanya adalah untuk pengurusan risiko dan pengawasan kawalan dalaman; tugas ini dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengurusan Kanan dalam melaksanakan dasar-dasar dan prosedur ke atas risiko dan kawalan.

Lembaga Pengarah juga telah memastikan proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ini terkandung dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat yang

Struktur dan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman diringkaskan seperti berikut:



merangkumi Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko, Piagam Audit Dalaman dan Rangka Kerja Sistem dan Kawalan Dalaman.

Kecukupan Sistem Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

CEO dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Ekuinas telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat beroperasi dengan berkesan dalam tahun kajian dan sehingga semasa Penyata ini diluluskan.

SISTEM PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah telah meluluskan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat yang menerangkan dengan jelas akauntibiliti dan kebertanggungjawaban untuk proses pengurusan risiko, termasuk mengenalpasti risiko dan cara mengurus risiko yang mampu menjejaskan matlamat strategik atau pelaksanaan Syarikat.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko, termasuk struktur tadbir urus atau penyeliaan Syarikat dan mengekalkan rangka kerja kawalan dalaman yang sesuai. Pihak Pengurusan pula bertanggungjawab mengurus risiko bagi pihak Lembaga Pengarah dan melaksanakan kajian semula risiko dengan lebih rapi bagi sebarang cadangan atau usniaga strategik khusus serta memastikan isu-isu risiko dikenalpasti, dianalisis, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

Lembaga Pengarah, melalui ARMC, menyelia semua aktiviti pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat. Antara tanggungjawab utama ARMC adalah untuk memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dilaksanakan dengan baik, menilai pendedahan risiko dan mengkaji isu-isu kawalan dalaman yang dinyatakan oleh Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), pihak Pengurusan, dan juruaudit luar; dan mengkaji semula fungsi dan pelan kerja CGRM. Jabatan CGRM yang berfungsi sebagai audit dalaman Syarikat melapor terus kepada ARMC.

Secara majoritinya, ARMC dianggotai oleh ahli Lembaga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang diberikan akses penuh kepada juruaudit dalaman dan luar. Jawatankuasa bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) membantu Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. Walaupun risiko yang dilaporkan tidak mewakili semua risiko perniagaan yang dihadapi oleh Ekuinas, objektif laporan risiko adalah untuk mengenalpasti risiko perniagaan yang penting untuk menggariskan langkah utama bagi mengurangkan risiko yang melibatkan Ekuinas sebagai organisasi dan juga syarikat portfolionya.

Semua risiko penting yang dikenalpasti kemudiannya dinilai dan ditarafkan untuk menentukan kesan dan kemungkinan ia berlaku berdasarkan Rangka Kerja Penarafan Risiko Syarikat berlandaskan Dasar Pengurusan Risiko Ekuinas yang telah diluluskan.

Dalam usaha mengurangkan risiko, inisiatif utama dikenalpasti melalui perbincangan dengan pihak Pengurusan. Ringkasan risiko berdasarkan keutamaan didokumenkan dalam laporan dan dibentangkan kepada RMC dan ARMC setiap suku tahun.

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab RMC:

- menyemak dan mengesyorkan dasar pengurusan risiko dan membuat laporan untuk diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah;
- memantau pendedahan Syarikat dan syarikat portfolio kepada risiko serta menyarankan tindakan yang diperlukan;
- mengkaji prestasi keseluruhan, inisiatif yang dilaksanakan dan risiko perniagaan utama syarikat portfolio setiap suku tahun; dan
- mengkaji sebarang risiko dan pendedahan ketara yang wujud dan menilai inisiatif yang dikendalikan oleh pihak Pengurusan dan syarikat portfolio untuk mengurangkan risiko.

Selaras dengan tanggungjawab di atas, empat (4) mesyuarat RMC telah diadakan sepanjang tahun kewangan 2019. Laporan suku tahunan Pengurusan Risiko telah dibentangkan dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah.

Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM)

Peranan CGRM adalah untuk membantu ARMC dan Pengurusan Syarikat untuk menjalankan tugas secara berkesan dengan melaksanakan kawalan dalaman yang kos efektif, menilai risiko, mencadangkan cara untuk mengurangkan risiko tersebut dan memastikan proses tadbir urus korporat yang betul. Sebagai peranan penting dalam proses ini, CGRM akan memberikan analisis, penilaian, nasihat dan maklumat yang bebas kepada ARMC berkenaan aktiviti yang dikaji. Pelan dan KPI tahunan CGRM dikaji dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah, dan keputusan audit dilaporkan secara berkala kepada pihak Pengurusan dan ARMC.

AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Strategi Pengurangan Risiko

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat adalah panduan pragmatik mengenai pengenalpastian dan pengurusan risiko yang penting untuk mencapai objektif strategik. Keberkesanan rangka kerja pengurangan risiko sentiasa dikaji dan ditambah baik secara sistematik.

Syarikat telah mengenalpasti jenis-jenis risiko seperti berikut – strategik, kewangan, operasi dan pelaburan. Risiko tidak terhad hanya kepada empat jenis ini sahaja tetapi risiko pelaburan dianggap sebagai risiko perniagaan paling kritikal dalam Syarikat.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

RISIKO EKUINAS (SYARIKAT)			
STRATEGIK	PELABURAN LANGSUNG	PROGRAM PENYUMBERAN LUAR	OPERASI
<ul style="list-style-type: none"> Persekitaran Luaran Pembiayaan Kawalan selia Pihak Berkepentingan 	<ul style="list-style-type: none"> Aliran urusniaga dan penilaian Prestasi dan pengurusan pelaburan Objektif bukan kewangan 	<ul style="list-style-type: none"> Pemilihan OFM Prestasi OFM Pengurusan OFM 	<ul style="list-style-type: none"> Sumber Manusia Perbendaharaan Pengurusan dan Pelaporan Kewangan Pematuhan Perkhidmatan Bersama
RISIKO SYARIKAT PORTFOLIO			
STRATEGIK DAN PASARAN	PERNIAGAAN DAN KEWANGAN	STRATEGI PENCIPTAAN NILAI	PELAKSANAAN
<ul style="list-style-type: none"> Persekitaran Luaran Industri Kerajaan dan Kawal Selia 	<ul style="list-style-type: none"> Operasi perniagaan Perbelanjaan modal dan pelaburan Penggaraan/Hutang 	<ul style="list-style-type: none"> Pengembangan Perniagaan Penggabungan dan Pengambilalihan 	<ul style="list-style-type: none"> Sumber Manusia Sistem dan Proses IT Pengurusan dan Laporan Kewangan Tadbir Urus dan Pemuatan

Risiko strategik diurus melalui usaha pemantauan faktor-faktor utama ekonomi, prospek industri, perkembangan kawal selia serta perjumpaan dan pengemaskinian secara berkala dengan pihak Kerajaan.

Bagi mengurus risiko kewangan, dasar perbendaharaan dan had kuasa kewangan Syarikat didokumenkan, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Dasar yang diluluskan menetapkan had-had bagi pengurusan kecairan, risiko pihak bertentangan dan pembiayaan Syarikat. Sebarang risiko kewangan yang ketara, seperti kecairan, penggaraan, hutang bersih dan pendedahan kredit dikenalpasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan kepada pihak Lembaga Pengarah secara berkala.

Risiko operasi sememangnya tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk mengurangkan risiko sedemikian mungkin melampaui manfaat yang bakal diraih. Oleh yang demikian, Syarikat bertindak mengurus risiko operasi dengan mengguna pakai dasar dan prosedur operasi standard, had kuasa yang didokumenkan dan rangka kerja laporan berkala yang merangkumi laporan operasi dan kewangan.

Bagi mengurangkan risiko pelaburan pula, Syarikat memastikan bahawa keputusan pelaburan dibuat berpandukan garis panduan pelaburan yang terkandung di dalam Rangka Kerja Pelaburan Syarikat, demi memastikan urusniaga yang dilaksanakan memenuhi kriteria pelaburan penting di mana sektor-sektor utama dikenalpasti berdasarkan pendekatan penapisan yang telus.

Rangka kerja Pelaburan Ekuinas meliputi pengurusan risiko dengan semakan risiko yang rapi terhadap semua cadangan atau urusniaga strategik dan tertentu untuk memastikan risiko dikenal pasti, dianalisa, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten. Semua pelaburan diteliti dengan rapi bagi memastikan pelaburan tersebut sejajar dengan tumpuan strategik Syarikat yang berupaya mencapai kadar pulangan yang sewajarnya dan mengambilkira semua faktor risiko lain yang berkaitan, seperti risiko industri dan risiko pelaksanaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga telah menetapkan bahawa semua cadangan pelaburan yang diserahkan oleh pihak Pengurusan perlu disertakan dengan penilaian risiko yang menyeluruh dan cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai.

Selaras dengan Objektif Strategik 6.2: Ketahanan Entiti Korporat yang lebih besar terhadap ancaman rasuah dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan arahan berkaitan daripada Unit Perancang Ekonomi, Pejabat Perdana Menteri, Syarikat telah memperkenalkan satu penilaian terhadap Risiko Rasuah dan Korupsi sebagai sebahagian daripada proses dan pelaporan pengurusan risiko Syarikat. Bahagian berpotensi untuk korupsi dan rasuah yang mungkin berlaku telah dikenal pasti dan risiko telah dikurangkan dengan pengawalan sedia ada serta inisiatif-inisiatif seperti memperkukuhkan dasar yang berkaitan kepada perkara Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi, mengendalikan taklimat untuk kakitangan dan program kesedaran berkala.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Laporan Pengurusan Risiko

Rangka Kerja Pengurusan Risiko menggariskan pendekatan Ekuinas terhadap pengurusan risiko, mengaitkannya dengan matlamat strategik dan organisasi dan menyepadukannya dengan proses perniagaan Syarikat. Laporan Pengurusan Risiko meliputi penilaian risiko dan keberkesanan kawalan sedia ada, serta keperluan untuk kawalan tambahan bagi mengurangkan risiko untuk Syarikat dan Syarikat Portfolio. Elemen utama proses ini adalah:

PENDEKATAN PENILAIAN RISIKO		
KONTEKS	KEKERAPAN	PROSES
Ekuinas	Dikemaskini setiap suku tahun	Laporan Risiko setiap suku tahun
Syarikat Portfolio	Dikemaskini setiap suku tahun	Laporan Risiko setiap suku tahun
Cadangan Pelaburan	Apabila perlu	Prosedur Cadangan pelaburan

Memastikan kajian risiko-risiko utama dan langkah-langkah pengurangan bagi Syarikat dan syarikat-syarikat portfolio dibentangkan di mesyuarat RMC dan pembentangan seterusnya kepada ARMC dan Lembaga Pengarah.

Memastikan risiko-risiko utama dikenalpasti dan aktiviti pengurusan risiko dijalankan sebagai sebahagian daripada keperluan asas bagi semua cadangan pelaburan.

Proses Kawalan Dalaman Utama

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang teguh agar operasi Syarikat dapat dikendalikan dengan sebaiknya. Antara proses penting yang telah disediakan untuk menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Lembaga Pengarah**


Selain daripada Lembaga Pengarah, syarikat juga menggalakkan tadbir urus korporat dan ketelusan dengan mempunyai Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran, Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa CSR. Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini ditubuhkan dengan tujuan membantu Lembaga Pengarah memantau pengurusan Syarikat secara bebas dengan tanggungjawab dan kuasa yang diperuntukkan dengan jelas dalam bidang tugas masing-masing.

- Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)**

Prosedur bertulis mengenai proses-proses penting Syarikat didokumen, dilaksana dan dijelaskan oleh pihak Pengurusan kepada kakitangan Syarikat, selaras dengan Rangka Kerja Dasar dan SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar-dasar ini disokong oleh prosedur yang didokumenkan untuk mengurus risiko operasi. Dasar dan prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa prinsip atau mekanisme kawalan dalaman menjadi sebahagian daripada operasi Syarikat. Rangka Kerja SOP untuk syarikat adalah seperti ilustrasi di halaman sebelah.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

DASAR DAN RANGKA KERJA SOP



Nota: 1 & 2 Rangka Kerja Pelaburan telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

PERKHIDMATAN BERSAMA	KEWANGAN & PERAKAUNAN	SUMBER MANUSIA
	Dasar Perakaunan dan/atau Prosedur Operasi Standard meliputi: • Aset Tetap (√) • Tunai Runcit (√) • Prosedur dan Dasar Pelaporan Kewangan (√) • Belanjawan (√) • Pembayaran & Tuntutan (√) • Garis Panduan Nilai Saksama Portfolio Pelaburan (√)	Prosedur dan/atau Dasar Sumber Manusia meliputi: • Pengurusan Gaji (√) • Latihan & Pembangunan (√) • Pengambilan Pekerja & Perancangan Modal Insan (√) • Pengurusan Prestasi & Pampasan (√) • Pelan Pengekalan Jangka Panjang (√) • Pengurusan Bakat (√) • Hubungan Pekerja (√)
	PERBENDAHARAAN	PERUNDANGAN
	• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perbendaharaan (√)	• Prosedur Operasi Standard Perundangan (√)
	PEROLEHAN & PENTADBIRAN	M.I.S.
	• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perolehan (√)	• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Teknologi Maklumat (√)
	TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)	KOMUNIKASI
	• Dasar dan Prosedur Operasi Standard CSR (√)	• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Komunikasi (√)
	PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN	DASAR PENDEDAHAN
	• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pihak Berkepentingan (√)	• Rangka Kerja dan Dasar Pendedahan (√)

Nota: (√) Lengkap/Sempurna dan diluluskan untuk diterima pakai

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Kod Etika

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menjadi contoh kepimpinan terbaik bagi perilaku dan tadbir urus korporat yang berhemah. Kod Etika telah dipersetujui dan diguna pakai oleh semua Pengarah dan Kakitangan untuk memastikan standard perilaku tinggi yang sering dikaitkan dengan amalan perniagaan beretika. Semua Pengarah dan Kakitangan dikehendaki memahami Kod ini dan menandatangani borangakuan penerimaan.

Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan

Syarikat percaya bahawa hubungan dengan penyedia perkhidmatan mestilah berdasarkan prinsip integriti, kejujuran dan kebertanggungjawaban serta menentang sekeras-kerasnya apa jua bentuk sogokan atau rasuah. Dengan matlamat ini, Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan ini perlu dipatuhi oleh semua pembekal, perunding, penasihat dan kontraktor utama yang berurusan dengan Ekuinas. Ekuinas boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi sebarang ketidakpatuhan Kod ini termasuk, dan tidak terhad kepada penamatan perkhidmatan atau larangan mencadangkan apa jua perkhidmatan kepada Ekuinas untuk jangka masa yang ditetapkan.

Had Kuasa Yang Didokumenkan

Pihak Pengurusan diberikan Had Kuasa yang diluluskan bagi mengendali operasi harian, membuat keputusan pelaburan, perolehan dan pelupusan aset sebagai kaedah kawalan untuk mengurangkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

Anti Penipuan, Anti Rasuah dan Anti Korupsi (ABC) dan Dasar Pemberian Maklumat

Untuk mengukuhkan budaya etika perniagaan dan tadbir urus yang baik di seluruh Syarikat, dasar pemberian maklumat telah diperkenalkan untuk menyediakan akses kepada kakitangan yang berniat baik melaporkan apa-apa salah laku yang disyaki. Dasar ini menangani komitmen Syarikat terhadap integriti dan etika dengan membantu untuk memupuk dan mengekalkan persekitaran di mana kakitangan boleh bertindak sewajarnya tanpa rasa takut kepada sebarang hukuman.

Kawalan Pelaburan

Dalam kebanyakan kes pelaburan, pegawai kanan Ekuinas dilantik menganggotai jawatankuasa pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah syarikat portfolio untuk terlibat secara aktif dalam hala tuju strategik, proses membuat keputusan utama dan bahagian-bahagian operasi utama.

Di samping menjalin hubungan baik dengan pengurusan syarikat portfolio, Ekuinas turut mengambil bahagian dalam inisiatif proses operasi untuk mencipta nilai dan menyokong tadbir urus dan amalan terbaik.

Semakan Penyata oleh Juruaudit Luar

Juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Berdasarkan prosedur yang dilaksanakan, mereka telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sebarang perkara yang pada pemerhatian mereka boleh menyebabkan mereka beranggapan bahawa Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC) yang bertujuan untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan tidak disediakan, dalam semua aspek material, mengikut pendedahan yang digariskan oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Terbitan Tersenarai, dan tidak ada maklumat dalam SORMIC yang tidak tepat.

Semakan jaminan terhad ini dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan Audit dan Jaminan (AAPG) 3 – Panduan untuk Juruaudit mengenai Penglibatan untuk Dilaporkan di Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC) yang dimuatkan di dalam Laporan Tahunan dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. AAPG3 tidak memerlukan juruaudit luar untuk menyatakan pendapat sama ada SORMIC merangkumi semua risiko dan kawalan, atau memberi pandangan mengenai kecukupan dan keberkesanan system pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat, termasuk penilaian dan pandangan oleh Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan.

KESIMPULAN

Bagi tahun kewangan yang dikaji, berdasarkan siasatan, maklumat dan jaminan yang disediakan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingannya. Tumpuan ke atas langkah-langkah untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pihak berkepentingan dan kemampuan perniagaan akan terus dilaksanakan. Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 16 Mac 2020.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

KOMPOSISI DAN KEHADIRAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

ARMC telah ditubuhkan pada tahun 2010 sejajar dengan Kod dan MMLR. Ahli-ahli jawatankuasa dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan memenuhi keperluan berikut:

Dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli	Majoriti adalah Pengarah Bebas	Semua ahli adalah Pengarah Bukan Eksekutif	Sekurang-kurangnya seorang adalah ahli persatuan perakaunan	Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli ARMC
--	--------------------------------	--	---	---

Komposisi ARMC dan rekod kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

NAMA PENGARAH	STATUS JAWATAN PENGARAH	KEHADIRAN MESYUARAT	%
Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff (Pengerusi Jawatankuasa berkuat kuasa 24 September 2019)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	4/4	100
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	4/4	100
Datuk Ali Abdul Kadir	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	1/1	100
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda (meletak jawatan berkuat kuasa 24 September 2019)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3/3	100

Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

ARMC bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, atau lebih kerap jika perlu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Kewangan (CFO), Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) dan wakil-wakil juruaudit luar turut menghadiri mesyuarat apabila diperlukan. ARMC juga mengendalikan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan semasa mesyuarat ARMC pada 12 Mac 2019 dan 24 September 2019.

Pengerusi ARMC membuat laporan mengenai setiap mesyuarat yang diadakan kepada pihak Lembaga Pengarah dan minit-minit mesyuarat didokumenkan dan diedarkan kepada setiap ahli ARMC.

Bidang Tugas

Dalam melaksanakan tugas dan menyempurnakan tanggungjawabnya, ARMC memenuhi keperluan Bidang Tugas seperti berikut:

Komposisi Ahli

Komposisi Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik dari kalangan Pengarah-pengarah dan memenuhi keperluan berikut:

- ARMC hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- majoriti ahlinya hendaklah terdiri daripada pengarah bebas dan semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif; dan
- sekurang-kurangnya seorang ahli ARMC:
 - adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
 - jika beliau bukan ahli MIA, beliau hendaklah memiliki sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dan:
 - beliau telah lulus peperiksaan seperti yang termaktub di dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - beliau adalah ahli salah sebuah persatuan akauntan seperti yang termaktub dalam Bahagian II Jadual Pertama, Akta Akauntan 1967.
- Pengerusi mestilah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli ARMC;

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

- Sekiranya berlaku kekosongan di dalam ARMC dan menyebabkan ketidakpatuhan terhadap keperluan yang dinyatakan di atas, Syarikat hendaklah mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan; dan
- Setiausaha Syarikat hendaklah bertindak sebagai Setiausaha ARMC.

Skop

- ARMC diberi kuasa untuk menyasiat sebarang aktiviti Syarikat dan anak-anak syarikatnya, dan semua kakitangan diarahkan agar bekerjasama seperti mana yang diarahkan oleh ahli-ahli Jawatankuasa;
- ARMC diberi kuasa untuk melantik mana-mana individu yang mempunyai kebolehan khusus apabila perlu untuk membantu Jawatankuasa ini menjalankan tanggungjawabnya;
- ARMC membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab fidusiarinya, khususnya berkaitan dengan etika perniagaan, dasar dan kawalan pengurusan kewangan;
- ARMC hendaklah memastikan komunikasi langsung diwujudkan antara Lembaga Pengarah, Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman dan pihak Pengurusan melalui mesyuarat yang telah dijadualkan;
- ARMC akan terus menitikberatkan fungsi audit dengan meningkatkan objektiviti dan kebebasan Juruaudit Luar dan Dalaman dan menyediakan forum perbincangan yang berasingan daripada pihak Pengurusan;
- ARMC boleh mempelawa mana-mana individu untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu Jawatankuasa membuat keputusan dan ia juga boleh bermesyuarat sesama sendiri sahaja apabila perlu; dan
- dakwaan serius terhadap mana-mana kakitangan Syarikat yang membabitkan implikasi kewangan hendaklah dirujuk kepada ARMC agar penyiasatan dapat dijalankan.

Bidang Kuasa

ARMC mempunyai kuasa yang diamanahkan oleh Lembaga Pengarah seperti berikut:

- kuasa untuk menyasiat sebarang perkara dalam lingkungan bidang tugasnya;
- akses kepada sebarang sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
- akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat, rekod, harta dan kakitangan Syarikat serta sebarang anak syarikat lain (jika ada) atau syarikat seinduk;
- saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan mereka yang melaksanakan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
- boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan juruaudit dalaman bersama-sama dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah bebas dan bukan eksekutif yang lain, tanpa kehadiran mana-mana Pengarah Eksekutif, sekurang-kurangnya sekali setahun atau sekiranya perlu.

Mesyuarat

- ARMC akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun untuk membincangkan sebarang perkara yang dibangkitkan oleh Juruaudit semasa menjalankan tugas mereka. Korum mesyuarat ARMC ialah dua (2) orang ahli;
- Sekurang-kurangnya sekali setahun, keseluruhan Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana ahli Lembaga Pengarah eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurusan Kanan;
- Setiausaha bertanggungjawab menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk mengatur mesyuarat, mengundi dan mengambil minit mesyuarat;
- Selain daripada ahli-ahli ARMC, CFO dan Ketua CGRM dijemput menghadiri setiap mesyuarat. Ketua syarikat/jabatan dan kumpulan pengurusan masing-masing akan hadir apabila laporan audit mengenai syarikat/jabatan mereka dibentangkan untuk perbincangan. Juruaudit luar akan diminta hadir apabila perlu;
- Pengerusi akan mengadakan mesyuarat ARMC, di atas permintaan juruaudit luar, untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang dipercayai harus dibawa kepada perhatian pengarah atau pemegang saham; dan
- Juruaudit luar berhak hadir dan bersuara di sebarang mesyuarat ARMC dan hendaklah hadir di mesyuarat ARMC apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa tersebut.

Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab ARMC ke atas kumpulan-kumpulan berikut adalah seperti di bawah:

a. Lembaga Pengarah

- Mendapatkan jawapan yang memuaskan daripada pihak Pengurusan mengenai laporan yang sediakan oleh juruaudit dalaman dan juruaudit luar untuk dilaporkan kepada Lembaga Pengarah:
 - Mengenalpasti penemuan penting dan kesan laporan audit tentang operasi;
 - Pertimbangan dan keputusan yang dibuat di peringkat ARMC dengan menumpukan isu dan resolusi penting yang telah diselesaikan oleh ARMC, secara berkala; dan
 - Ringkasan mengenai kebimbangan dan kelemahan ketara dalam persekitaran kawalan yang diperhatikan sepanjang tahun dan langkah-langkah sesuai yang diambil untuk menangani isu-isu tersebut.
- Menyelia fungsi jabatan CGRM dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perubahan ketara dalam perniagaan dan persekitaran luar yang mempengaruhi risiko-risiko utama;
- Mengkaji segala urusan berkaitan pematuhan yang disediakan oleh Pengurusan berkaitan keperluan kawal selia atau keperluan pelaporan luar lain, berhubung operasi Syarikat; dan

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

- Semakan laporan audit anak syarikat dan sebarang syarikat berkaitan turut terangkum di bawah bidang kuasa ARMC. Oleh yang demikian, semua fungsi yang dinyatakan di atas juga hendaklah dilaksanakan oleh ARMC dan diselaraskan dengan Lembaga Pengarah anak syarikat dan syarikat berkaitan; dan
- Mempertimbangkan perkara-perkara lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

b. Juruaudit Luar

- Mempertimbang pelantikan juruaudit luar, bayaran dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan atau pemecatan;
- Berbincang dengan juruaudit luar mengenai bidang kuasa dan skop audit sebelum audit dimulakan, dan memastikan penyelarasan sekiranya ia melibatkan lebih daripada satu firma audit;
- Berbincang dengan juruaudit luar tentang laporan audit dan penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman; dan
- Menyemak penyata kewangan suku tahunan dan tahunan Syarikat, dengan memberi tumpuan khusus terhadap:
 - sebarang perubahan dalam dasar dan amalan perakaunan;
 - pelarasan ketara yang membangkit daripada audit;
 - andaian usaha berterusan; dan
 - pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain.

c. Juruaudit Dalaman

- Membincangkan masalah dan kebimbangan yang membangkit daripada audit luaran, dan perkara-perkara lain yang ingin dibincangkan oleh juruaudit;
- Menyelia fungsi audit dalaman dengan:
 - Mengkaji semula kecukupan skop, fungsi, sumber fungsi audit dalaman dan memastikan ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
 - Menyemak semula program dan proses audit dalaman, hasil program dan hasil proses audit dalaman atau siasatan yang dijalankan dan memastikan tindakan sewajarnya diambil susulan daripada saranan fungsi audit dalaman;
 - Menyemak sebarang penilaian yang dibuat ke atas prestasi ahli-ahli fungsi audit dalaman;
 - Menetapkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang bidang kuasa fungsi audit dalaman;
 - Meluluskan pelantikan atau pelucutan jawatan ahli pengurusan kanan fungsi audit dalaman;

- Mengemaskini maklumat terkini tentang peletakan jawatan ahli kakitangan audit dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan yang meletak jawatan untuk memberikan sebab-sebab peletakan jawatan;
- Memastikan audit dalaman sentiasa mempunyai sumber yang mencukupi dan cekap;
- Memantau dengan teliti sebarang percanggahan ketara antara audit dalaman dengan pihak Pengurusan, tidak kira sama ada percanggahan ini telah diselesaikan atau tidak; dan
- Mempertimbangkan isu-isu penting yang diperolehi daripada siasatan dalaman dan tindakan pihak Pengurusan.

d. Transaksi Pihak Berkaitan

- Mempertimbangkan sebarang transaksi pihak berkaitan yang mungkin membangkit dalam Syarikat termasuk sebarang transaksi, prosedur atau perilaku yang membangkitkan persoalan tentang integriti Pengurusan.

Aktiviti-Aktiviti

Sejajar dengan bidang tugas ARMC, aktiviti berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan ini:

- Menyemak dan meluluskan pelan audit jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja masing-masing yang disediakan oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar bagi tahun kewangan tersebut;
- Menyemak laporan Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar dan mempertimbangkan isu-isu dan pelan tindakan;
- Menyemak laporan suku tahunan dan laporan tahunan Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak cadangan dasar dan prosedur penting untuk diguna pakai oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak laporan Pengurusan Risiko yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko setiap suku tahun untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Mesyuarat bersama juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan;
- Menyemak prestasi, kebebasan dan fi juruaudit luar;
- Menyemak laporan mengenai ARMC, Penyata Tadbir Urus Korporat dan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, sebelum dimuatkan di dalam Laporan Tahunan Syarikat;

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

- Menyemak dan mempertimbangkan laporan audit, isu dan saranan daripada juruaudit dalaman dan luar berdasarkan audit yang dikendalikan sepanjang tahun ini;
- Menyemak kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan dalam lingkungan fungsi audit dalaman untuk melaksanakan pelan ini serta hasil kerja mereka; dan
- Menyemak dan mempertimbangkan semakan khas dan semakan *ad-hoc* yang dijalankan oleh CGRM atas permintaan khas pihak Pengurusan/ ARMC.
- Semakan dan perbincangan laporan-laporan Unit Integriti dan Tadbir Urus (IGU) untuk pengesahan Lembaga Pengarah, sebelum penyerahan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri atau agensi kerajaan yang lain.

Fungsi Audit Dalaman

Syarikat mempunyai fungsi audit dalaman yang dijalankan oleh Jabatan CGRM. Jabatan CGRM melaporkan kepada ARMC dan secara administratif kepada CEO. Fungsi audit dalaman mempunyai dua (2) kakitangan yang terdiri daripada Ketua Jabatan CGRM dan satu (1) juruaudit dalaman. Ketua Jabatan CGRM, Muhd Hafiz Muhtar adalah Ahli Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM).

Jabatan CGRM telah menerima pakai Piagam Tadbir Urus Korporat yang memperuntukkan kebebasannya dalam menilai dan melaporkan kecukupan, integriti dan keberkesanan sistem kawalan dalam secara keseluruhan, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin. Inisiatif penambahbaikan peninjauan dan kawalan yang dijalankan oleh CGRM ditakrifkan dalam pelan audit tahunan yang dikaji semula dan diluluskan oleh ARMC sepanjang tahun kewangan.

Sepanjang tahun ini, sebagaimana dinyatakan dalam pelan audit dalaman yang diluluskan, CGRM telah menyemak dan membantu mendokumen dan memformalkan dasar dan prosedur Syarikat, serta memudahcara semakan risiko dan dokumentasi pelaporan risiko Ekuinas kepada RMC dan ARMC. CGRM turut berbincang dengan pengurusan syarikat-syarikat portfolio untuk menggalakkan pelaksanaan tadbir urus dan amalan-amalan terbaik.

CGRM juga terlibat dalam melaksanakan proses ketekunan wajar yang meliputi tadbir urus dan risiko pelaburan dalam usaha perolehan pelaburan baharu. Sebagai sebahagian daripada proses penilaian pelaburan, isu-isu utama akan dibangkitkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam usaha memastikan semua risiko pelaburan utama dikurangkan secara teliti.

Semua fungsi audit dalaman sepanjang tahun ini telah dikendalikan oleh Jabatan CGRM selaras dengan Rangka Kerja Amalan Profesional (IPPF) oleh Institut Juruaudit Dalaman (IIA) dan rangka kerja *Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission* (COSO) yang merangkumi pemastian kakitangan juruaudit dalaman bebas daripada sebarang hubungan atau konflik kepentingan yang boleh mengganggu objektiviti dan kebebasan mereka. Tiada satu pun bidang fungsi audit dalaman yang ditugaskan kepada sumber luar.

Laporan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 16 Mac 2020.

DASAR PENDEDAHAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian yang dimandatkan untuk mengurus dan melabur dana awam, Ekuinas merupakan entiti awam yang beroperasi di dalam persekitaran yang dikawal selia dengan ketat. Justeru itu, kami menitikberatkan ketelusan di dalam perhubungan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, syarikat-syarikat penerima pelaburan, pihak media dan seluruh rakyat Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Syarikat telah mewujudkan rangka kerja pendedahan yang mesra-pasaran, telus dan dibentuk mengikut penanda aras amalan terbaik global.

Garis panduan pendedahan Ekuinas dirumus berdasarkan beberapa garis panduan industri, antara lainnya seperti garis panduan *Walker Guidelines Monitoring Group 2007*, sebuah kumpulan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan *Garis Panduan Laporan European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006*. Rangka kerja pendedahan Ekuinas telah dihasilkan berikutan kajian menyeluruh mengenai pendedahan yang disediakan oleh firma-firma ekuiti persendirian, dana negara berdaulat atau *sovereign wealth funds* dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia.

Pendedahan dibuat pada tahap berbeza-beza, daripada sekadar menyediakan maklumat minimum seperti nombor telefon untuk dihubungi dan maklumat asas syarikat di laman web rasmi, sehingga maklumat mengenai strategi dan matlamat syarikat, perolehan dan pelupusan, serta prestasi portfolio. Namun begitu, Ekuinas memilih organisasi seperti 3i plc yang berpangkalan di United Kingdom dan Tabung Pencen Kerajaan Norway, sebagai penanda aras, memandangkan organisasi ini menyediakan pendedahan sepenuhnya mengenai semua pegangan dan pemilikan portfolio, latar belakang kumpulan pengurusan, profil syarikat portfolio terpilih, serta laporan tahunan dan penyata kewangan teraudit.


Ekuinas komited untuk menyediakan pendedahan maklumat korporat yang saksama dan komprehensif, sejajar dengan amalan terbaik firma ekuiti persendirian global. Kami berhasrat untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan demi memastikan komunikasi yang sewajarnya disebarkan kepada pihak awam menurut keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkuat kuasa.

Dasar pendedahan kami merangkumi prinsip utama berikut:

- Dibentuk mengikut penanda aras amalan industri ekuiti persendirian dan dana negara berdaulat yang terkemuka;
- Maklumat penting harus didedahkan dengan saksama dan menyeluruh kepada pihak awam melalui laporan tahunan dan disebarkan dengan meluas melalui media massa;
- Bersikap responsif terhadap permohonan maklumat daripada pihak berkepentingan utama; dan pada masa yang sama turut mematuhi peraturan serta garis panduan dasar pendedahan ini; dan
- Sekiranya kami tidak dapat mendedahkan sebarang maklumat atas permintaan rakan pelabur bersama atau sekiranya pendedahan tersebut dapat menjejaskan pelan peningkatan nilai syarikat, kami akan memberikan penjelasan yang sewajarnya.

DASAR PENDEDAHAN

RANGKA KERJA PENDEDAHAN EKUINAS



RENDAH DIRI

Kami berpegang teguh kepada asal usul kami dan kami sedar kami berkhidmat untuk matlamat yang lebih besar

ILTIZAM BERSAMA EKUINAS

- 116 Pengenalan
- 117 ILTIZAM untuk Keusahawanan
- 119 ILTIZAM untuk Pendidikan
- 121 ILTIZAM untuk Komuniti



iltizam
bersama ekuinas

Keusahawanan ♦ Pendidikan ♦ Komuniti



BUKA >



PROGRAM MENTOR USAHAWAN

Dikenali sebagai Program Pembangunan Kapasiti Usahawan sebelum penubuhan ILTIZAM, ia bertujuan untuk membangunkan kemahiran yang diperlukan perusahaan mikro dan kecil (MASE) untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya dan meningkatkan kebolehan mereka. Asasnya, kami mahu membantu usahawan kecil Bumiputera yang tidak menepati kriteria pelaburan Ekuinas dengan memberi mereka akses kepada sumber kami dan membina hubungan dengan rakan kongsi. Perusahaan-perusahaan ni akan melalui proses suai kenal selama enam bulan ke satu tahun untuk mengenal pasti dan memahami masalah utama perniagaan.



2013

Dengan kerjasama bersama Boston Consulting Group (BCG):
Bibah Songket



2014

Al Quds Travel Sdn Bhd



2016

- Proquaz Sdn Bhd
- Biz Connexion Sdn Bhd



2017

- Parabox Sdn Bhd
- KinderKaizen by EYTC Group and Resources Sdn Bhd



2018

Raw Denim House

2015

- EightDesigns Sdn Bhd
- Fatimah Frozen Sdn Bhd



2019

Kapten Batik

KERJASAMA PROGRAM MENTOR USAHAWAN

2018

Program Pemangkin Usahawan Sosial Hebat (PUSH)

Kerjasama bersama MyHarapan dan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), inisiatif ini menyediakan peluang perniagaan francais mikro kepada perniagaan yang berasaskan impak untuk membesarkan perniagaan dan impak sosial mereka dengan mencipta peluang pekerjaan atau perniagaan kepada masyarakat B40 di seluruh Malaysia.



Social Project Challenge

Kerjasama bersama MyHarapan untuk menggalakkan pelajar daripada 10 sekolah di seluruh negara untuk menangani masalah sosial yang dihadapi oleh negara menggunakan model perniagaan usahawan sosial.



2019

Social Business Challenge

Kerjasama bersama MyHarapan bagi menggalakkan ahli masyarakat untuk memikirkan idea-idea yang mampu menangani dan meningkatkan punca pendapatan masyarakat setempat. Satu program rintis telah dilakukan untuk masyarakat terpinggir Sabah.



PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL ILTIZAM (PDP)

Pernah dikenali sebagai Program Pelatih Siswazah Syarikat Portfolio Ekuinas (EPCGTP), PDP menumpukan kepada siswazah daripada keluarga berpendapatan rendah, kebanyakannya dari kawasan luar bandar, mereka yang telah menganggur lebih dari 6 bulan dan tidak pernah menyertai program latihan pengurusan. Melalui program ini, mereka diberi peluang untuk belajar dan membina kemahiran profesional dalam persekitaran yang profesional dan berstruktur dengan bekerja di Ekuinas, syarikat portfolio Ekuinas atau syarikat-syarikat rakan kerjasama.

2012 Program Pelatih Siswazah Syarikat Portfolio Ekuinas (EPCGTP) diperkenalkan dengan sembilan pelatih.



2013 23 pelatih.



2015 59 pelatih.



2017 75 pelatih.



2019 Tahun 2019 menyaksikan 76 pelatih telah direkrut ke program ini. Sejak penubuhan, lebih 80% pelatih eksekutif kami berjaya memperoleh pekerjaan tetap di peringkat ijazah.



2014 40 pelatih.

2016

Mengikuti pelancaran ILTIZAM, EPCGTP telah dijenamakan semula sebagai Program Pembangunan Profesional ILTIZAM (PDP) dan menerima 75 pelatih.



2018

75 pelatih.



PROGRAM PEMERKASAAN PENDIDIKAN (EEP)

A. Dana Pendidikan

2013

RM1.8 juta telah diagihkan kepada 800 pelajar di bawah Dana Pendidikan Kumpulan Cosmopoint.

2014

Ekuinas menyediakan biasiswa berjumlah RM1.8 juta kepada Kumpulan Cosmopoint.

2015

Sekitar 1,300 pelajar telah menerima bantuan melalui tiga skim: Dana Bestari, Dana Potensi dan Dana Sara Diri.

2016

ILTIZAM menyalurkan RM2.3 juta kepada Dana Pendidikan ILMU untuk memberi bantuan kewangan kepada pelajar kurang bernasib baik yang sedang belajar di Kuala Lumpur Metropolitan University College, Kolej Cosmopoint dan UNITAR International University dan Asia Pacific University (APU).

2017

Program ini telah dijenamakan semula sebagai Dana Pendidikan ILTIZAM. Pada tahun ini, sejumlah RM2.0 juta telah disalurkan kepada 767 pelajar bagi membantu mereka melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi.

Ekuinas juga menyokong skim biasiswa UNITAR International University (UNITAR) untuk pelajar Majlis Pendidikan Teknologi dan Perniagaan (BTEC).

2018

Sejumlah RM2.0 juta telah disalurkan untuk membolehkan 1,616 pelajar melanjutkan pengajian tinggi mereka.

2019

ILTIZAM menyalurkan sejumlah RM2.0 juta untuk membantu hampir 1,200 pelajar di institusi milik kami, khususnya kepada pelajar cemerlang tetapi menghadapi kekangan kewangan.



2011 - 2019

Ekuinas menyumbang RM1.0 juta kepada dana khas amanah pendidikan, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju), yang ditubuhkan untuk membantu pelajar Bumiputera berkelayakan memenuhi potensi mereka sepenuhnya.

Ekuinas, melalui ILTIZAM meneruskan sokongan terhadap Yayasan Peneraju dari tahun 2016 ke 2019 dengan komitmen tahunan sebanyak RM600,000, membawa jumlah keseluruhan terkumpul sejak 2011 kepada RM3.4 juta.

Kami melihat untuk melanjutkan lagi sokongan kami kepada Yayasan Peneraju pada masa hadapan demi memastikan pelajar Bumiputera akan terus mempunyai akses kepada pendidikan berkualiti.



PROGRAM PEMERKASAAN PENDIDIKAN

B. Program Latihan dan Pembangunan Marin Minyak & Gas

Sebagai sokongan kepada sektor marin Malaysia dan untuk menangani masalah kekurangan pegawai kanan Bumiputera dalam industri ini, kami menaja pekerja Bumiputera berkeelayakan dari Icon Offshore Berhad (ICON) dan Orkim Sdn Bhd (Orkim) untuk menjalani pelbagai peringkat latihan di Akademi Laut Malaysia (ALAM).



2017

RM600,000 diperuntukkan untuk menaja 41 calon dari ICON.



2016

RM500,000 disediakan untuk menyokong 10 pekerja dari Icon Offshore Berhad (ICON) AND Orkim Sdn Bhd (Orkim) untuk menjalani latihan di ALAM.



2019

RM600,000 digunakan untuk membantu 26 calon dari ICON untuk dilatih di ALAM.

2018

RM600,000 dilaburkan untuk menaja 26 calon dari ICON.

PROGRAM PEMERKASAAN PENDIDIKAN

C. Program Sokongan Sekolah

Melalui program ini, Ekuinas membantu Sekolah Kebangsaan Bukit Lanja (Asli) (SKBL) dan Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Razak (SKTAR). Kedua-dua sekolah ini menyediakan pendidikan rendah untuk masyarakat Orang Asli.

2015

Kami mula menyalurkan bantuan kepada SKBL, satu sekolah yang terletak di persekitaran pejabat kami yang menyediakan pendidikan rendah kepada 120 kanak-kanak Orang Asli dari masyarakat Desa Temuan.

- Tajaan kelas tuisyen selepas sekolah untuk pelajar Tahun Empat hingga Tahun Enam dalam subjek Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Matematik.
- Menambah baik perpustakaan sekolah mereka bagi memupuk tabiat membaca dalam kalangan pelajar Orang Asli.



2016

ILTIZAM bekerjasama dengan Yayasan Pintar Khazanah Nasional Berhad untuk secara rasminya menjadikan SKBL sebagai "sekolah angkat".



Menganjurkan lawatan pendidikan sekolah bersama pelajar SKBL dengan membawa mereka untuk pertama kalinya menaiki LRT ke Petrosains dan Skybridge Menara Berkembar Petronas.



2018

SKTAR merupakan sekolah Orang Asli kedua menjadi "sekolah angkat" Ekuinas secara rasminya.



SKTAR dan SKBL melawat Muzium Negara, Galeri Bandar Kuala Lumpur dan Pusat Sains Negara.

2019

ILTIZAM mengaturkan satu lawatan penanda aras khas ke Sekolah Kebangsaan Manson di Cameron Highlands untuk pelajar SKBL dan lawatan pendidikan ke Pulau Pinang untuk pelajar SKTAR.



PROGRAM PEMERKASAAN PENDIDIKAN

D. Program Kembali-ke-Sekolah

Inisiatif tahunan ini menyediakan pertolongan kepada keluarga memerlukan dengan menghulurkan bantuan yang membolehkan anak-anak mereka untuk terus bersekolah. Penerima manfaat lazimnya terdiri daripada pelajar yang isi rumahnya di bawah klasifikasi B40 dan tinggal di luar bandar.



2017 Bekerjasama dengan Canggih, AI-Ikhsan dan Skuad Senyum untuk mendekati 16,000 pelajar kurang bernasib baik daripada lebih 300 sekolah di seluruh negara.



2018 Bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, pejabat pendidikan daerah dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk menghulurkan bantuan kepada 2,337 pelajar daripada 55 sekolah di 13 negeri.



2019 Membantu 2,995 pelajar daripada 44 sekolah di 14 negeri.

PROGRAM KOMUNITI LESTARI



2014

- Ekuinas bekerjasama dengan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dikenali sebagai PUSAKA untuk mengekalkan seni pembuatan Rebana Ubi.
- Pekerja Ekuinas dan sukarelawan daripada syarikat portfolio pendidikannya memberikan respons positif kepada krisis negara apabila enam negeri di Malaysia dilanda bencana banjir.



2016

- Katil hospital dan troli mandi bagi warga emas di Rumah Ehsan Warga Emas di Kuala Kubu Bharu.
- Alat bantuan pendengaran kepada pesakit yang mengalami masalah pendengaran melalui Pertubuhan Membantu Pesakit Parah Miskin.
- Barangan asas seperti alatan dapur, peralatan muzik dan IT untuk Pendidikan Khas Integrasi Sekolah Kebangsaan.
- Klang, yang akan digunakan oleh pelajar-pelajar buta sebagai sebahagian daripada program latihan mereka untuk memperoleh kemahiran hidup yang diperlukan.
- ILTIZAM menyokong satu produksi bertajuk Seven Kingdoms yang dihasilkan oleh Tunas Tari Production. Tiga murid dari sekolah angkat kami, SKBL, mengambil bahagian dalam persembahan ini dan kami juga menaja makanan kepada ahli persembahan, kru dan sukarelawan, serta membeli tiket persembahan secara pukal.

2017

ILTIZAM bekerjasama dengan MyHarapan dengan menaja tiga perusahaan sosial iaitu Hospital Beyond Boundaries, Al Hikmah Group, dan Bluebear, untuk menyediakan pemeriksaan kesihatan asas dan produk kesihatan percuma kepada masyarakat Orang Asli di Kampung Kiala Woh di Tapah, Perak.



PROGRAM KOMUNITI LESTARI



- 2018 • ILTIZAM dan Institut Onn Ja'afar (IOJ) bekerjasama dalam program Jom Breakfast, inisiatif penyediaan sarapan untuk kanak-kanak miskin dan gelandangan di Chow Kit, Kuala Lumpur.



- ILTIZAM bekerjasama dengan Batik Boutique untuk membuka pusat baharu. Pusat ini berfungsi sebagai bengkel dan pusat latihan untuk wanita kurang berkemampuan yang tinggal di sekitar flat Program Perumahan Rakyat (PPR) di Kota Damansara.



- ILTIZAM menyumbangkan makanan dan barangan bukan makanan kepada masyarakat terpinggir ketika bulan suci Ramadan dengan jumlah hampir RM160,000, memanfaatkan lebih daripada 5,200 individu.
- ILTIZAM juga telah membuat sumbangan kewangan kepada Badan Amal Kebajikan Al-Miezan, Persatuan Orang-orang Cacat Anggota Malaysia, Hidayah Centre Foundation, Tabung Thalassaemia Malaysia, Program Tilawah Al-Quran dan Festival Kuantan Kreatif.

- ILTIZAM turut memulakan kerjasama lain dengan MyHarapan iaitu *Social Project Challenge 2018* bertujuan untuk menggalakkan golongan belia menangani isu sosial yang dihadapi negara menggunakan model perniagaan usahawan sosial.

PROGRAM KOMUNITI LESTARI



- ILTIZAM menyokong Jerayawara Pekan Bangsawan Warisan Budaya 2018, jelajah yang merai dan mempromosi Teater Bangsawan yang merupakan sebahagian daripada warisan budaya Melayu.

2019

- ILTIZAM menaja lima kerusi roda untuk orang kelainan upaya di Persatuan Kesejahteraan Rakyat Malaysia.

- Menaja program pembangunan & aktiviti pendidikan untuk membantu mereka yang di bawah penjagaan Persatuan Orang Pekak Terengganu menjadi lebih berdikari.

- Menyokong Program Tilawah Al-Quran Pelajar Pendidikan Khas (OKU) dengan menaja makanan & kanopi untuk majlis di Sekolah Kebangsaan Seksyen 11, Kota Damansara.

- Membantu ibu tunggal dan keluarga mereka yang telah dikenal pasti dengan penyakit kronik melalui Kelab Ibu Tunggal Sentuhan Kasih.

- ILTIZAM membelanjakan lebih daripada RM200,000 menerusi kerjasama dengan 41 organisasi ketika bulan Ramadan. Sumbangan berbentuk wang tunai dan barangan yang memanfaatkan 7,746 orang daripada golongan B40, masyarakat yang tinggal di flat rumah Program Perumahan Rakyat (PPR), pelajar tahfiz dan masyarakat terpinggir di seluruh negara.



- Meneruskan kerjasama dengan IOJ untuk tahun kedua dalam menaja dan menghidangkan sarapan kepada kanak-kanak miskin dan gelandangan di Chow Kit, Kuala Lumpur.

- Kerjasama baharu dengan Pertubuhan Tindakan Wanita Islam Malaysia (PERTIWI) di bawah program mereka, PERTIWI Soup Kitchen. PERTIWI Soup Kitchen, ialah satu projek jangkauan yang ditubuhkan dan diuruskan oleh PERTIWI, untuk menyediakan makanan harian kepada gelandangan dan mereka yang kurang berkemampuan.



PENGENALAN

Sejak awal penubuhannya, Ekuinas sentiasa berusaha mencapai objektifnya untuk mewujudkan nilai jangka masa panjang dan kesan sosial yang positif dan berkekalan, terutamanya untuk komuniti Bumiputera. Sebagai warga korporat yang melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan firma ekuiti persendirian mempunyai mandat Bumiputera, usaha dilakukan untuk memastikan pembangunan sosial secara berterusan dengan peluang-peluang yang membolehkan individu, keluarga dan komuniti berkembang maju dan mencapai kejayaan melalui ILTIZAM.

ILTIZAM mempunyai tiga teras: keusahawanan, pendidikan dan komuniti. Objektif inisiatif ILTIZAM adalah sejajar dengan misi keseluruhan Ekuinas dan prinsip bimbingan CSR iaitu untuk memperkasakan usahawan Bumiputera dan memberi kesan secara langsung kepada komuniti Bumiputera.

TERAS DAN PROGRAM ILTIZAM



Pada 2019, ILTIZAM membina momentum programnya dan meningkatkan komitmen mencakupi tiga teras tersebut. Setiap usaha yang dilakukan ILTIZAM adalah bersandarkan nilai tadbir urus yang baik, ketelusan dan akauntabiliti. Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa CSR memantau bukan sahaja untuk memperkukuhkan program-program di bawah ILTIZAM tetapi juga memastikan kepentingan pembangunan komuniti Bumiputera secara amnya.

Selepas lima tahun ILTIZAM dilancarkan, Ekuinas mengambil usaha untuk mengkaji semula dan memperkukuhkan kerangka tadbir urusnya, terutamanya dalam meningkatkan tatacara operasi standard (SOP) dan ia dilakukan dengan matlamat untuk mempraktikkan amalan terbaik bagi meningkatkan kecekapan, kualiti dan keseragaman pelaksanaan.

Pada 2019, ILTIZAM menyalurkan RM8.0 juta untuk tiga teras utamanya dan ia memberi manfaat kepada hampir 12,000 penerima di seluruh negara. Ini menjadikan jumlah keseluruhan sumbangan Ekuinas untuk inisiatif CSRnya sebanyak RM40.0 juta sejak usaha itu dimulakan.

Komitmen ILTIZAM kekal, iaitu untuk membantu mereka yang memerlukan memenuhi potensi masing-masing – dengan menyediakan bantuan daripada segi pendidikan atau kapasiti untuk membina perniagaan. Kami percaya kami boleh memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang untuk membolehkan individu mencipta lonjakan bagi mencapai kejayaan. Inilah nilai dan komitmen Ekuinas dan ia dicerminkan dalam petunjuk Indeks Prestasi Utama (KPI) yang mana semua kakitangannya perlu meluangkan masa sekurang-kurangnya sehari untuk satu inisiatif ILTIZAM.

Bagi tahun 2019, sebanyak 96.0% daripada kakitangan Ekuinas menyumbangkan masa mereka untuk program-program kami (2018: 93.0%). Penyertaan mereka ini membolehkan program kami berkembang dalam bidang lain. Sebagai contoh, selain memberikan bimbingan kepada usahawan dan siswazah menganggur, kami juga menyediakan program komuniti yang turut disertai oleh kakitangan seperti program Jom Breakfast dengan kerjasama Institut Onn Ja'afar (IOJ). Ramai terlibat dalam menyediakan makanan dan mengedarkan sarapan serta makan malam percuma kanak-kanak yang memerlukan dan golongan gelandangan di Lembah Klang. Mereka juga terlibat dalam pengagihan barangan keperluan untuk golongan miskin bandar di flat Projek Perumahan Rakyat (PPR).

ILTIZAM UNTUK KEUSAHAWANAN



“

Kami bertuah dengan adanya ILTIZAM yang memahami visi dan juga cabaran yang kami hadapi. Bekerjasama dengan mereka telah membantu kami meningkatkan proses perniagaan dan membolehkan kami mengejar minat dalam membuat seluar jeans serta memastikan perniagaan terus kekal.”

Ahmad Safuan Nizam Kamarudin,
Pengasas Raw Denim House
(Penerima manfaat EMP 2018)

Dalam bidang ini, Program Mentor Usahawan ILTIZAM (EMP) memainkan peranan dalam membina saluran yang kukuh untuk usahawan Bumiputera industri mikro dan kecil. Program peningkatan kapasiti ini menyasarkan syarikat berpotensi dan dinamik yang berada di luar kriteria pelaburan Ekuinas, dengan matlamat menyediakan sokongan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan mengikut keperluan perniagaan tersebut.

Bagi kelayakan untuk menyertai program satu tahun tersebut syarikat-syarikat akan dinilai melalui pendekatan Perusahaan Mikro dan Kecil (MASE), dikembangkan secara khusus untuk mengenal pasti dan menentukan cabaran utama perniagaan secara sistematik dan objektif. Melalui usaha ini, kami dapat menentukan bidang utama diperlukan seperti sistem pelaksanaan, pengurusan kewangan dan strategi pemasaran.

KAPTEN BATIK

Kapten Batik adalah pengeluar baju batik premium untuk golongan lelaki. Idea perniagaan itu adalah hasil ekoran minat mendalam pengasasnya

terhadap batik dan keinginan menjadikan pemakaian batik sebagai fesyen yang boleh dipakai setiap hari serta menjadikan batik sinonim dengan gaya yang selesa dan mudah dipakai. Dengan idea itu, mereka mula menghasilkan baju batik dengan menggunakan falsafah 'batik yang boleh dipakai setiap hari' sebagai nilai utama yang menggunakan corak batik yang unik dan terkini dari pelbagai negara.

Jenama ini pada awalnya fokus kepada baju batik mengikut bentuk badan dengan batik dari Kelantan dan Terengganu, selain batik dari negara-negara lain seperti Indonesia dan India. Koleksi mereka kemudiannya berkembang kepada motif yang lebih moden dan kontemporari dengan corak geometri dan bunga-bunga.

Selepas melakukan semakan menerusi pendekatan MASE, kami mengenal pasti tiga cabaran utama dihadapi Kapten Batik dan merangka pelan tindakan untuk mereka bagi memperkukuhkan SOP perniagaan runcitnya seperti mengoptimalkan proses untuk meningkatkan kecekapan pengurusan stok; perdagangan visual dan susun atur kedai agar dapat menarik lebih ramai pelanggan.



ILTIZAM UNTUK KEUSAHAWANAN



Usaha lain termasuklah membina kesedaran jenama dan meningkatkan capaian dalam talian untuk menjadikan Kapten Batik sebagai jenama yang sebelumnya menjadi sebutan ramai kepada jenama mesti beli. Selain itu, pelan terperinci pemasaran dan kalendar promosi turut disediakan serta pelaksanaan kempen pemasaran media digital bagi meningkatkan populariti Kapten Batik.

Semasa projek bersama Kapten Batik berjalan, kami mengenal pasti lebih banyak inisiatif penciptaan nilai yang boleh dilakukan seperti mendapatkan saluran penjualan premium melalui rangkaian Ekuinas dan kerjasama dengan peserta EMP terdahulu, iaitu Raw Denim House.

Dengan perniagaan Kapten Batik yang terus berkembang dan popular, menerusi hala tuju dan strategi yang betul akan memastikan jenama itu terus kekal menawarkan produk dan standard perkhidmatan berkualiti. Dengan perkembangan ini, matlamat kami adalah untuk memastikan Kapten Batik dapat terus memberikan pengalaman pembelian yang menarik kepada pelanggan dan kekal berbeza dengan pesaing-pesaingnya melalui corak yang moden dan unik.

PROGRAM KERJASAMA MENTOR ILTIZAM

Pada 2018, ILTIZAM bekerjasama dengan MyHarapan dalam Program Pemangkin Usahawan Sosial Hebat (PUSH) yang bertujuan untuk melahirkan usahawan yang dinamik, berdaya tahan dan inklusif selain menjana dan meningkatkan pendapatan komuniti yang kurang bernasib baik melalui pendekatan perantisan. Kerjasama tersebut diteruskan dengan jayanya pada 2019 dan ini mendorong ILTIZAM untuk melaksanakan program baharu dinamakan *Social Business Challenge* (SBC) bagi membuka jalan ke arah pembangunan usahawan perniagaan sosial.

Didorong oleh semangat yang sama seperti program PUSH, matlamat program ini adalah untuk mengenal pasti tiga perniagaan sosial terbaik yang bersedia untuk melangkah ke fasa seterusnya dan secara tidak langsung akan menyediakan lebih banyak peluang perniagaan untuk penerima manfaat serta komuniti yang disasarkan terlibat. Program perintis SBC dimulakan di Sabah dengan 58 perniagaan dikemukakan dan 10 daripadanya telah disenarai pendek. Sepuluh perniagaan itu akan melalui sesi pengundian oleh panel lima hakim dan satu akan dipilih sebagai pemenang pada bulan Disember 2020.

“

Melalui ILTIZAM EMP, kami dapat mewujudkan sistem dan proses yang sesuai untuk memastikan syarikat dapat mencapai pertumbuhan perniagaan yang konsisten. Sepanjang program ini, ILTIZAM mengikuti perkembangan kami secara dekat, menunjukkan komitmen tinggi untuk membantu perusahaan mikro dan kecil seperti kami. Sehingga hari ini, kami terus mengekalkan hubungan baik dengan Ekuinas dan kami sarankan mana-mana usahawan mikro atau perusahaan Bumiputera yang mahu memajukan perniagaan mereka untuk bekerjasama dengan ILTIZAM. ”

Outren Nada Ahmad, CEO Proquaz Sdn Bhd (Penerima manfaat EMP 2016)

ILTIZAM UNTUK PENDIDIKAN



“

Mendidik generasi akan datang adalah kunci utama perkembangan komuniti. Sokongan sektor korporat seperti ILTIZAM telah membantu meringankan beban kewangan ibu bapa dan membolehkan anak-anak terus belajar di sekolah. Kami amat menghargai sokongan berterusan yang Ekuinas telah berikan kepada sekolah dan masyarakat setempat sejak 2015. Kami harap dapat memanfaatkan bantuan ini untuk memastikan tiada pelajar yang tercicir. ”

Harun Othman, Pengetua Sekolah Kebangsaan Bukit Lanja (Asli) – Penerima faedah bagi Program Sokongan Sekolah dan Kembali Ke Sekolah.

Pendidikan merupakan pemangkin dalam memperkasa sosial dan ekonomi komuniti. Pendidikan merupakan hak asasi setiap individu dan satu keperluan penting bagi sesebuah negara untuk membangun dan berkembang. Sehubungan itu, ia menjadi tanggungjawab kami untuk membina modal insan dan meningkatkan kemahiran golongan muda sebagai persediaan menghadapi perkembangan pesat ekonomi digital dan baharu. Teras pendidikan ILTIZAM membantu setiap individu menerusi laluan yang jelas dan berstruktur merangkumi yang berikut:

- i. **Program Pemerksaan Pendidikan ILTIZAM**
 - a. Program Sokongan Sekolah
 - b. Program Kembali Ke Sekolah
 - c. Pemberian Bantuan kepada Yayasan Peneraju Bumiputera
 - d. Dana Pendidikan ILTIZAM
 - e. Program Pembangunan dan Latihan Marin Minyak dan Gas (O&G)
- ii. **Program Pembangunan Profesional ILTIZAM**

PROGRAM PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ILTIZAM

Pada 2019, kami terus meningkatkan komitmen menerusi program-program yang ada untuk menyokong usaha membangunkan bakat-bakat golongan Bumiputera.

Usaha ILTIZAM untuk pendidikan adalah melalui sokongan terhadap beberapa inisiatif yang menyasarkan untuk meningkatkan peluang pendidikan kepada masyarakat terutama pelajar daripada latar belakang yang kurang bernasib baik. Di bawah Program Sokongan Sekolah ILTIZAM, Ekuinas telah mengambil dua buah sekolah yang terletak dalam kawasan penempatan Orang Asli sebagai sekolah angkat. Pada tahun ini, peruntukan sebanyak RM120,000 disediakan untuk dua buah sekolah tersebut iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Lanja di Damansara Perdana (SKBL) dan Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Razak in Kuala Kubu Bharu (SKTAR) dan ini telah memberi manfaat kepada 370 murid.

Antara program dilaksanakan adalah Kelas Gemilang, iaitu kelas tambahan percuma bagi mata pelajaran seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Matematik dan Sains. Sebagai sebahagian daripada program angkat di bawah Yayasan PINTAR, guru dari kedua-dua sekolah tersebut juga diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka dengan menghadiri Program Kepemimpinan PINTAR.



ILTIZAM UNTUK PENDIDIKAN

ILTIZAM juga mengadakan lawatan khas ke Sekolah Kebangsaan Manson di Cameron Highlands bagi SKBL dan lawatan pendidikan ke Pulau Pinang untuk SKTAR. Lawatan-lawatan ini bertujuan mendedahkan golongan muda dengan persekitaran berbeza berdasarkan keadaan kewangan keluarga dan meneroka kaedah pendidikan melalui pembelajaran di luar bilik darjah, sejajar dengan pembelajaran pendidikan abad ke-21.

Bagi inisiatif di seluruh negara, Program Kembali Ke Sekolah, ILTIZAM terus membantu para pelajar yang kurang berkemampuan membuat persiapan untuk memulakan sesi persekolahan dengan menyediakan keperluan asas bagi meringankan beban keluarga dalam golongan B40 yang tinggal di kawasan luar bandar. Program ini memberi faedah kepada hampir 3,000 pelajar di 44 buah sekolah di 14 negeri.

Komitmen ILTIZAM untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pelajar Bumiputera. Bantuan kewangan sebanyak RM600,000 disalurkan kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) untuk membantu 22 pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi di institut pendidikan Ekuinas. Sehingga kini, jumlah keseluruhan sumbangan ILTIZAM untuk Yayasan Peneraju adalah sebanyak RM3.8 juta untuk tempoh sembilan tahun.

Di bawah Dana Pendidikan, ILTIZAM juga menyediakan sokongan secara langsung untuk pelajar Bumiputera belajar di institusi pendidikan Ekuinas seperti Cosmopoint College, Kuala Lumpur Metropolitan University College dan UNITAR International University. Bagi tahun 2019, kami salurkan RM2.0 juta untuk membantu hampir 1,200 pelajar, terutamanya bagi mereka yang cemerlang dalam bidang akademik tetapi menghadapi cabaran kewangan.

Sebagai negara pengeluar O&G, permintaan untuk tenaga kerja kanan bagi mengendalikan kapal adalah tinggi, kerana ia merupakan satu keperluan industri untuk pengendali kapal mempunyai kru yang terdiri daripada pekerja tempatan dalam pelbagai peringkat dan jawatan. Dalam tahun keempat, ILTIZAM terus menangani masalah tersebut dengan mengambil 26 kru Bumiputera dari Icon Offshore Berhad and Orkim Sdn Bhd menerusi Program Pembangunan dan Latihan Marin O&G untuk menjalani program-program di Akademi Laut Malaysia (ALAM).

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL ILTIZAM

Program Pembangunan Profesional ILTIZAM (PDP) dirancang untuk menyediakan pengalaman "on-the-job training" bagi graduan Bumiputera menganggur yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah dan ditempatkan di syarikat-syarikat portfolio Ekuinas serta syarikat rakan kerjasama seperti Habib Jewels, Yayasan Peneraju, FashionValet, KAF Investment Group dan DagangNeXchange.

Program ini meletakkan kedudukannya sebagai inisiatif peningkatan keupayaan bagi menyediakan graduan Bumiputera dengan kemahiran, keupayaan dan pengalaman sebelum mereka memasuki dunia pekerjaan. Setiap tahun, PDP menawarkan 75 pelatih peluang unik selama setahun untuk belajar kemahiran penting agar mereka dapat berkembang maju di mana-mana tempat kerja. Seterusnya para pelatih juga diberi akses ke sesi bimbingan yang disasar untuk mengembangkan sikap profesionalisme mereka.

Pada 2019, lebih 1,200 permohonan diterima yang kemudiannya disenarai pendek kepada 360 peserta yang dinilai di tiga pusat penilaian di Kuala Lumpur, Kuala Terengganu dan Kota Kinabalu dan akhirnya 75 orang dipilih dan ditempatkan di 23 buah syarikat portfolio dan rakan kerjasama.



Untuk membuktikan kejayaan berterusan program ini, sejak penubuhan, lebih 80% berjaya mendapat pekerjaan peringkat graduan di pelbagai syarikat dan agensi kerajaan.

“

Kecemerlangan tidak dapat dicapai tanpa latihan dan pengalaman yang betul. ILTIZAM PDP merupakan batu loncatan yang baik untuk para graduan seperti saya mengasah bakat dan kemahiran sebagai persediaan ke dunia pekerjaan. Melalui program ini, para pelatih dilengkapi dengan pengetahuan dan pendekatan yang betul bagi meningkatkan kemahiran termasuk komunikasi dalam Bahasa Inggeris, pengembangan diri dan latihan kepemimpinan yang mana ianya amat bernilai di tempat kerja.”

Syafiq Shamsul (PDP Kumpulan 2015)

ILTIZAM UNTUK KOMUNITI



Program Komuniti Lestari ILTIZAM merupakan teras ketiga. Fokus dan usaha dilakukan sejajar dengan tanggungjawab ILTIZAM untuk mengangkat komuniti Bumiputera menerusi pelbagai program di bawah ILTIZAM.

Seperti tahun sebelumnya, pada bulan Ramadan, ILTIZAM menyalurkan lebih RM200,000 menerusi kerjasama dengan 41 organisasi. Sumbangan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan telah memberi manfaat kepada 7,746 masyarakat dalam golongan B40, mereka yang tinggal di perumahan PPR, pelajar tahfiz dan golongan yang kurang bernasib baik di seluruh negara.

ILTIZAM terus bekerjasama dengan Institut Onn Ja'afar bagi Program Jom Breakfast bagi menaja sarapan pagi untuk golongan kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan gelandangan di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur. Kerjasama lain juga dilakukan dengan Pertubuhan Tindakan Wanita Islam Malaysia (PERTIWI) bagi menaja projek 'soup kitchen' yang menyediakan makanan kepada golongan miskin dan gelandangan di sekitar Kuala Lumpur.

ILTIZAM juga menyokong usaha beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu meningkatkan kualiti kehidupan mereka di bawah penjagaan NGO terbabit seperti Persatuan Kesejahteraan Rakyat Malaysia, Persatuan Orang Pekak Terengganu, Sekolah Kebangsaan Seksyen 11 di Kota Damansara dan Kelab Ibu Tunggal Sentuhan Kasih.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Lembaga Pengarah, pihak berkepentingan dan kakitangan Ekuinas atas sokongan berterusan dan penglibatan mereka dalam program-program tersebut. ILTIZAM telah melalui perjalanan yang panjang sejak penubuhan program latihan graduan pada tahun 2012 dengan pengambilan seramai sembilan orang dan sekarang kami telah menjangkau komuniti yang lebih besar dan ramai. Sudah semestinya pencapaian kami ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa sumbangan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada kesemua pihak berkepentingan.

Ia tetap menjadi misi kami sejak dahulu lagi untuk terus berkhidmat kepada golongan yang kurang berkemampuan, mereka yang terpinggir dan menyediakan peluang untuk memenuhi potensi mereka. Harapan kami adalah untuk semua yang mendapat manfaat daripada ILTIZAM, sejak penubuhannya untuk terus berusaha dan memanfaatkan peluang yang disediakan untuk mereka mencapai kejayaan dan mewujudkan kesan positif dengan memberi balik kepada yang lain.



BERSEMANGAT

Kami bersemangat dalam menjalankan tugas kami
untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan

LAPORAN PORTFOLIO

- 124 Ekuinas Direct (Tranche II) Fund
- 127 Ekuinas Direct (Tranche III) Fund
- 130 Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund
- 133 Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund
- 136 Nota Laporan Portfolio

EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2019

TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuinas Direct (Tranche II) Fund
Tahun Permulaan Dana	2012
Status	Dilaburkan sepenuhnya
Modal Terikat	RM1.0 bilion
Tempoh	5 Tahun + 2 Tahun + 1.5 Tahun
Tempoh Pelaburan	3 hingga 5 tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dana dan satu pelabur Dana: Ekuinas Direct (Tranche II) Fund Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
Tumpuan Geografi	Malaysia
Tumpuan Pelaburan	Buy-Out dan Dana Modal Pertumbuhan
Tumpuan Industri	<ul style="list-style-type: none"> - Pendidikan - Minyak & Gas - Barangan Pengguna Laris (FMCG) - Peruncitan & Percutian - Penjagaan Kesihatan - Perkhidmatan

EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2019

NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2019

	2018 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2019 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,000.0	-	1,000.0
B. Modal Dipanggil	1,065.1	40.8	1,105.9
C. Modal Dilabur Semula	4.8	5.4	10.2
D. Jumlah Modal Disediakan	1,069.9	46.3	1,116.1
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	85.0	(10.0)	75.0
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	1,154.9	36.3	1,191.1
Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	17.3	0.2	17.5
Keuntungan Bersih yang Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	277.7	84.1	361.8
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	188.2	3.0	191.2
Keuntungan Faedah Bersih	6.9	5.5	12.4
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	490.1	92.8	582.9
Perbelanjaan Organisasi	(195.2)	(31.7)	(226.8)
Pengagihan modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(552.4)	(20.7)	(573.1)
Peningkatan Bersih dalam Nilai Aset Bersih	(257.5)	40.4	(217.1)
G. Nilai Aset Bersih	897.4	76.7	974.1
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan – pada kos	680.6	(20.2)	660.4
Keuntungan Bersih yang Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	277.7	84.1	361.8
Pelaburan pada Nilai Saksama	958.3	63.9	1,022.2
Tambah: Baki Tunai	17.0	21.4	38.4
Tambah: Baki Kerja	(77.9)	(8.6)	(86.5)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	897.4	76.7	974.1
Nilai Aset Bersih	897.4	76.7	974.1
H. Modal Diagihkan	547.6	15.3	562.9
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	1,445.0	92.0	1,536.9
IRR Kasar Tahunan	14.0%		13.5%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	9.8%		9.6%
Pembahagian Keuntungan (RM juta)	72.3		87.6
H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil	0.5		0.5
G/B Nilai Aset bersih berbanding modal dipanggil	0.8		0.9
(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil	1.4		1.4
B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat	1.1		1.1

* Termasuk pengagihan modal yang dilabur semula

EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2019

PRESTASI PELABURAN

(a) Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2019

Syarikat	Tarikh Mula Pelaburan	Kepentingan %	Kos Pelaburan [#] RM juta	Nilai Saksama [#] RM juta	Jumlah terealisasi RM juta
Icon Offshore Berhad	19 November 2012	9.6	51.1		
Icon Offshore Berhad*	1 Jun 2016	-	150.0		
Primabaguz Sdn Bhd*	27 November 2013	100.0	40.0		
Revenue Valley Group	27 Jun 2014	-	10.0	1,010.5	391.7
Coolblog Sdn Bhd	24 Julai 2014	60.0	45.8		
Orkim Sdn Bhd	18 Disember 2014	95.5	321.8		
Jumlah			618.7		

IRR Kasar 13.5% setahun
IRR Bersih 9.6% setahun

IRR Bersih diperolehi selepas fi pengurusan dan perbelanjaan operasi lain

[#] Kos pelaburan dan nilai saksama mewakili jumlah bersih pembiayaan
^{*} Pelupusan dilakukan pada tahun 2020

(b) Ringkasan terealisasi pada 31 Disember 2019

Syarikat	Tarikh Pelupusan	Kepentingan %	Kos Pelaburan RM juta	Jumlah realisasi RM juta
Terealisasi Sepenuhnya				
Burger King Singapore	18 Ogos 2015	100.0	47.2	23.9
Burger King Malaysia	18 Ogos 2015	20.9	52.6	25.1
Lyndarahim Ventures Sdn Bhd	28 Mac 2016	-	5.0	6.0
Tenby Educare Sdn Bhd	17 Januari 2018	70.0	70.0	168.4
Tranglo Sdn Bhd	11 Oktober 2018	60.0	52.8	114.9
Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd	25 Februari 2019	45.9	20.3	23.4
Separa Terealisasi				
Icon Offshore Berhad	25 Jun 2014	7.8	76.6	154.0

EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND

PADA 31 DISEMBER 2019

TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuinas Direct (Tranche III) Fund
Tahun Permulaan Dana	2014
Status	Sedang dilaburkan
Modal Terikat	RM1.5 bilion
Tempoh	5 Tahun + 2 Tahun
Tempoh Pelaburan	3 hingga 5 tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dana dan satu pelabur Dana: Ekuinas Direct (Tranche III) Fund Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
Tumpuan Geografi	Malaysia
Tumpuan Pelaburan	Buy-Out dan Dana Modal Pertumbuhan
Tumpuan Industri	- Pendidikan - Minyak & Gas - Barangan Pengguna Laris (FMCG) - Peruncitan & Percutian - Penjagaan Kesihatan - Perkhidmatan

EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND

PADA 31 DISEMBER 2019

NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2019

	2018 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2019 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,500.0	-	1,500.0
B. Modal Dipanggil	988.7	6.7	995.4
C. Modal Dilabur Semula	10.8	23.1	33.9
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	999.5	29.8	1,029.3
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	205.0	(15.0)	190.0
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	1,204.5	14.8	1,219.3
Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	50.7	(9.8)	40.9
Keuntungan/(Kerugian) Bersih yang Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	28.5	(390.0)	(361.5)
Keuntungan/(Kerugian) Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	(21.0)	183.8	162.8
Keuntungan Faedah Bersih	(4.7)	(8.0)	(12.7)
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	53.5	(224.0)	(170.5)
Perbelanjaan Organisasi	(181.6)	(16.2)	(197.8)
Pengagihan modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(127.0)	(23.1)	(150.1)
Pengurangan Bersih dalam Nilai Aset Bersih	(255.1)	(263.3)	(518.4)
G. Nilai Aset Bersih	949.4	(248.4)	701.0
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	1,010.1	(8.1)	1,002.0
Keuntungan/(Kerugian) Bersih yang Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	28.5	(390.0)	(361.5)
Pelaburan pada Nilai Saksama	1,038.6	(398.1)	640.4
Tambah: Baki Tunai	7.3	17.0	24.3
Tambah: Baki Kerja	(61.5)	132.7	71.2
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	(35.0)	-	(35.0)
Bersamaan Nilai Aset Bersih	949.4	(248.4)	701.0
Nilai Aset Bersih	949.4	(248.4)	701.0
H. Modal Diagihkan	116.3	-	116.3
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	1,065.7	(248.4)	817.3
IRR Kasar Tahunan	4.5%		-10.8%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)#	N/M		N/M
Faedah Bawa Hadapan (RM juta)	-		-
H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil	0.1		0.1
G/B Nilai Aset bersih berbanding modal dipanggil	1.0		0.7
(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil	1.1		0.8
B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat	0.7		0.7

* Termasuk pengagihan modal yang dilabur semula
Tidak dipaparkan kerana modal sedang dilaburkan

EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND

PADA 31 DISEMBER 2019

PRESTASI PELABURAN

(a) Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2019

Syarikat	Tarikh Mula Pelaburan	Kepentingan %	Kos Pelaburan# RM juta	Nilai Saksama# RM juta	Jumlah terealisasi RM juta
Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd	22 Julai 2016	35.0	67.3		
ILMU Education Group	15 Disember 2015	-	13.8		
Icon Offshore Berhad*	5 Disember 2017	-	20.0		
Davex (Malaysia) Sdn Bhd	12 Disember 2017	100.0	76.5		
Cosmopoint	27 Disember 2017	90.0	54.7	364.5	(333.4)
UNITAR Internation University	27 Disember 2017	90.0	109.2		
Revenue Valley Group	27 Disember 2017	85.8	133.4		
Icon Offshore Berhad	27 Disember 2017	32.7	100.1		
Flexi Versa Group Sdn Bhd	16 April 2018	70.0	52.5		
Exabytes Capital Group Sdn Bhd	13 Mac 2019	45.4	73.6		
Jumlah			701.0		

IRR Kasar -10.8% setahun
IRR Bersih N/M**

IRR Bersih diperolehi selepas fi pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

Kos pelaburan dan nilai saksama mewakili jumlah bersih pembiayaan
* Pelupusan dilakukan pada tahun 2020
** Tidak dipaparkan kerana modal sedang dilaburkan

(b) Ringkasan terealisasi pada 31 Disember 2019

Syarikat	Tarikh Pelupusan	Kepentingan %	Kos Pelaburan RM juta	Jumlah realisasi RM juta
Terealisasi Sepenuhnya				
ILMU Education Group	29 Disember 2017	49.0	95.8	41.2
ILMU Education Group	17 Januari 2018	30.0	37.5	72.2
PMCare Sdn Bhd	31 Januari 2019	60.0	21.0	50.3
MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd	31 Januari 2019	60.0	58.8	196.5
ILMU Education Group	25 Februari 2019	37.6	2.9	18.7

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

PADA 31 DISEMBER 2019

TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund
Tahun Permulaan Dana	2011
Status	Dilaburkan sepenuhnya
Modal Terikat	RM400.0 juta
Tempoh	6 Tahun + 1 Tahun + 1 Tahun + 1 Tahun
Tempoh Pelaburan	3 hingga 6 tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur Disumber luar kepada dana dan pengurus berikut: 1) Dana: Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. Pengurus Dana: Navis MGO I GP Ltd. Domisil Dana: Cayman Islands 2) Dana: CIMB National Equity Fund Ltd. P. Pengurus Dana: CIMB General Partner Ltd. Domisil Dana: Labuan 3) Dana: TAP Harimau Fund L.P. Pengurus Dana: TAP (Malaysia) Ltd. Domisil Dana: Labuan
Tumpuan Geografi	Malaysia
Tumpuan Pelaburan	Dana Modal Pertumbuhan Minoriti
Tumpuan Industri	Am kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

PADA 31 DISEMBER 2019

NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2019

	2018 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2019 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	400.0	-	400.0
B. Modal Dipanggil	307.7	-	307.7
C. Modal Dilabur Semula	26.0	3.3	29.4
D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)	333.7	3.3	337.0
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	-	-	-
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	333.7	3.3	337.0
Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:			
Keuntungan Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	83.6	51.2	134.8
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	9.9	-	9.9
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	93.5	51.2	144.7
Perbelanjaan Organisasi	(13.7)	(2.1)	(15.8)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(171.9)	(3.3)	(175.2)
Peningkatan/(Pengurangan) Bersih dalam Nilai Aset Bersih	(92.2)	45.8	(46.3)
G. Nilai Aset Bersih	241.5	49.1	290.6
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	145.1	(33.5)	111.6
Keuntungan Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	83.6	51.2	134.8
Pelaburan pada Nilai Saksama	228.7	17.7	246.4
Tambah: Baki Kerja	12.9	31.5	44.4
Bersamaan Nilai Aset Bersih	241.5	49.1	290.6
Nilai Aset Bersih		49.1	290.6
H. Modal Diagihkan	145.9	-	145.9
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	387.5	49.1	436.6
IRR Kasar Tahunan	5.7%		7.4%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	4.8%		6.5%
Pembahagian Keuntungan (RM juta)	-		2.1
H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil	0.5		0.5
G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil	0.8		0.9
(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil	1.3		1.4
B/A Modal dipanggil berbanding modal diperuntukkan	0.8		0.8

* Termasuk pengagihan modal yang dilabur semula

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

PADA 31 DISEMBER 2019

PRESTASI PELABURAN

Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2019

Syarikat	Komitmen Ekuinas RM juta	Komitmen Modal Persendirian RM juta	Jumlah Saiz Pelaburan RM juta	Modal Dilabur oleh Ekuinas RM juta	Pelaburan dari pihak lain RM juta	Nilai Aset Bersih RM juta
Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P.						
CIMB National Equity Fund Ltd. P.						
TAP Harimau Fund L.P.	400.0	151.9	551.9	111.6	71.8	290.6

IRR Kasar 7.4% setahun

IRR Bersih 6.5% setahun

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2019

TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund
Tahun Permulaan Dana	2013
Status	Dilaburkan sepenuhnya
Modal Terikat	RM240.0 juta
Tempoh	7 Tahun + 1 Tahun
Tempoh Pelaburan	3 hingga 7 tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dana dan satu pelabur Disumber luar kepada dana dan pengurus berikut: <ol style="list-style-type: none"> Dana: RMCP One Sdn Bhd Pengurus Dana: RMCP Cayman Ltd. Domisil Dana: Malaysia Dana: COPE Opportunities 3 Sdn Bhd Pengurus Dana: CMS Opus Private Equity Sdn Bhd Domisil Dana: Malaysia Dana: Tael Tijari (OFM) L.P. Pengurus Dana: TAEL Tijari Partners Ltd. Domisil Dana: Cayman Islands
Tumpuan Geografi	Malaysia
Tumpuan Pelaburan	Dana Modal Pertumbuhan Minoriti
Tumpuan Industri	Am kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2019

NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2019

	2018 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2019 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	240.0	-	240.0
B. Modal Dipanggil	93.2	1.3	94.4
C. Modal Dilabur Semula	-	-	-
D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)	93.2	1.3	94.4
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	-	-	-
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	93.2	1.3	94.4
Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Kerugian Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(10.9)	(4.7)	(15.6)
Kerugian Direalisasi dari Aktiviti Pelaburan	(2.3)	-	(2.3)
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	(13.2)	(4.7)	(17.9)
Perbelanjaan Organisasi	(5.7)	(0.0)	(5.7)
Pengurangan Bersih dalam Nilai Aset Bersih	(18.9)	(4.7)	(23.7)
G. Nilai Aset Bersih	74.2	(3.4)	70.8
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	84.9	0.3	85.2
Kerugian Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(11.0)	(4.7)	(15.6)
Pelaburan pada Nilai Saksama	73.9	(4.4)	69.6
Tambah: Baki Kerja	0.3	0.9	1.2
Bersamaan Nilai Aset Bersih	74.2	(3.4)	70.8
Nilai Aset Bersih		(3.4)	70.8
H. Modal Diagihkan	-	-	-
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	74.2	(3.4)	70.8
IRR Kasar Tahunan	-4.8%		-5.2%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	-6.5%		-6.6%
Pembahagian Keuntungan (RM juta)	0.5		0.1
H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil	-		-
G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil	0.8		0.7
(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil	0.8		0.7
B/A Modal dipanggil berbanding modal diperuntukkan	0.4		0.4

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2019

PRESTASI PELABURAN

Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2019

Syarikat	Komitmen Ekuinas RM juta	Komitmen Modal Persendirian RM juta	Jumlah Saiz Pelaburan RM juta	Modal Dilabur oleh Ekuinas RM juta	Pelaburan dari pihak lain RM juta	Nilai Aset Bersih RM juta
RMCP One Sdn Bhd						
COPE Opportunities 3 Sdn Bhd						
Tael Tijari (OFM) L.P	180.0*	110.1	290.1	85.2	47.9	70.8

IRR Kasar -5.2% setahun

IRR Bersih -6.6% setahun

* Tuas Capital Partners Malaysia Growth 1 L.P. telah ditamatkan pada 2015

NOTA LAPORAN PORTFOLIO

1. NOTA LAPORAN PORTFOLIO

Juruaudit luar, PwC, ditugaskan oleh Ekuinas untuk melaksanakan prosedur-prosedur tertentu bagi memuktamadkan Laporan Portfolio di halaman 124 - 135 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, dan telah menyemak maklumat yang terkandung dalam Nilai Aset Bersih Dana dan Prestasi Pelaburan setakat 31 Disember 2019 yang dimuatkan dalam laporan ini untuk menyokong data sumber yang berkenaan dan telah membuat semula pengiraan, di mana perlu.

EKUITI NASIONAL BERHAD 200901025164 (868265-U)

Aras 16, Surian Tower, No 1 Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: +603 7710 7171 Fax: +603 7710 7173

www.ekuin.com.my